

Jilid I
Bil. 30



Hari Selasa
23hb November, 1982

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3767]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1983:

Jawatankuasa (Hari Kesepuluh)—

Jadual:

Maksud B. 34 [Ruangan 3801]

Maksud B. 35 [Ruangan 3838]

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 3800]

Anggaran Pembangunan, 1983:

Jawatankuasa (Hari Kesepuluh)—

Maksud P. 34 [Ruangan 3801]

Maksud P. 35 [Ruangan 3838]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI
DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P, S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam
Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S.,
D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J.,
S.S.I.J., K.M.N. (Seremban).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI
HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'
AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,
S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH
HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu
Kelantan).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.
(Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN,
D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO'
S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei
Siput).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, TUAN MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., J.M.N. (Pulai).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DR TAN TIONG HONG (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN SABBARUDDIN CHIK (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ DATO' HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFENDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).

Yang Berhormat DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).

- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON (Ipoh).
- „ TUAN DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED (Rantau Panjang).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGOT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE KIM SAI (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).

Yang Berhormat TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).

- „ TUAN LIM LIANG SENG (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT BIN ABDUL RAHMAN (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ TUAN AHMAD SHAH BIN DATO HUSSAIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ TUAN MOHAMAD RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID (Matang).
- „ TUAN MOHAMED TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ DATO HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD (Pekan).
- „ DATO HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASARI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO NGAH BIN A. RAHMAN (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

Yang Berhormat TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).

„ TUAN TAN KOON SWAN (Damansara).

„ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).

„ DR TAN SENG GIAW (Kepong).

„ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

„ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).

„ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).

„ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).

„ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).

„ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA (Bagan Datok).

„ TUAN YEOH POH SAN (Petaling).

„ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).

„ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya bin Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 23hb November, 1982

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PERPECAHAN UMAT ISLAM

1. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar bahawa masalah perpecahan umat Islam di negeri-negeri Kelantan dan Trengganu adalah berbeza sekali dengan negeri-negeri lain di Malaysia ini. Jika sedar apa yang berlaku dan tahu puncanya, apakah tindakan yang lebih berkesan akan diambil oleh Kerajaan terhadap pihak atau pemimpin yang "melempar batu sembunyi tangan" agar menjamin kesucian Islam tidak disentuh, ketenteraman dan keselamatan awam terjamin.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan yang hampir sama maksudnya dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat ini telah pun dijawab di Dewan yang mulia ini pada 27-10-1982 dan di dalam ucapan menggulung saya pada 5-11-1982. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

BA' KELALAN/LONG SEMADOH—
UNIT RELA

2. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan memandangkan Ba' Kelalan dan Long Semadoh, sebagai kampung yang berdekatan dan bersempadan dengan Indonesia, adakah Kementerian berkenaan akan menubuhkan satu unit RELA di tempat tersebut.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan berpuas hati dengan keadaan keselamatan dan ketenteraman awam di Kampung Ba' Kelalan dan Long Semadoh walaupun kedua-dua kampung tersebut berdekatan dan bersempadan dengan Indonesia. Oleh itu, Kerajaan tidak bercadang pada masa ini untuk menubuhkan satu yunit Rela di Kampung Ba' Kelalan dan Long Semadoh.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim.

(Soalan No. 3 Y.B. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim tidak hadir).

PERPADUAN BELIA—
RANCANGAN
BERBILANG KAUM

4. Dato' Michael Chen Wing Sum minta Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan sama ada ujudnya mana-mana rancangan disediakan oleh Kementerian untuk menggalakkan

perpaduan di kalangan belia kita yang berbilang kaum dan jika benar apakah rancangan tersebut.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datin Paduka Chow Poh Kheng): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sentiasa menggalakkan belia semua kaum menyertai persatuan-persatuan dan pertubuhan-pertubuhan belia di semua peringkat untuk membawa mereka itu menyertai semua program-program belia yang mempunyai tujuan utama bagi memupuk perpaduan di kalangan belia berbagai kaum.

Rancangan-rancangan untuk mewujudkan perpaduan belia berbagai kaum termasuk:

(a) Pergerakan Belia Kampung Baru melalui program pergaulan dan interaksi yang bebas dengan belia-belia lain kaum.

(b) *Khemah Kerja Belia*

Program ini dijalankan untuk memperteguhkan perpaduan dan muhibbah antara belia berbagai kaum, supaya mereka berpeluang mengalami hidup dan kerja bersama-sama serta mewujudkan rasa persefahaman di kalangan mereka. Dengan aktiviti ini juga dapat mereka membena rasa kesedaran mengenai kehendak-kehendak masyarakat dan menggalakkan penyertaan belia-belia dalam rancangan pembangunan untuk Nusa, Bangsa dan Negara.

(c) *Program Keselamatan Negara*

Bertujuan menyediakan makluman yang betul dan tepat bagi menentang kepalsuan yang disebarkan kepada belia-belia terutama mereka yang tinggal di kampung terpencil, dan ladang-ladang getah.

(d) *Pasukan Khidmat Belia*

Diwujudkan untuk menggalakkan penyertaan belia-belia dalam projek-projek pembangunan. Belia-belia dari berbagai keturunan dipilih, dihantar ke kampung-kampung untuk menyertai projek-projek pembangunan. Melalui projek-projek ini semangat gotong royong ditanam di antara ahli-ahli itu. Pasukan ini telah menjalin hubungan baik di antara kumpulan belia.

(e) *Program Kelab-kelab Servis*

Memandangkan peranan penting yang boleh dimainkan oleh Kelab-kelab Servis dalam program pembangunan belia Kementerian ini telah menaja penubuhan Majlis Kebangsaan Pertubuhan Servis Malaysia (NACCSOM).

(f) *Program Belia Bandar*

Bertujuan memberi khidmat pembangunan sosial kepada belia-belia untuk membolehkan mereka menghadapi kehidupan di bandar, mengatasi masalah pekerjaan, kediaman, rekreasi, penyesuaian sosial dan lain-lain.

(g) *Pertukaran Belia Antarabangsa*

Bertujuan memberi pemimpin-pemimpin belia mendapat pendedahan serta pengalaman.

(h) *Program Pendidikan Pencegahan Dadah*

Melalui Kursus Pendidikan Pencegahan Dadah dan ditujukan khas kepada belia-belia lepasan sekolah.

(i) *Sukan Perpaduan*

Bertujuan menimbulkan interaksi kaum dalam sukan-sukan yang biasanya dimainkan oleh satu kaum sahaja.

(j) *Lawatan Sambil Belajar*

Rancangan ini diwujudkan untuk melahirkan semangat perpaduan dan muhibbah di kalangan belia berbagai kaum supaya mereka dapat meluaskan pandangan, pengalaman dan pengetahuan juga mewujudkan tenaga penggerak belia yang lebih bersatu padu dan bertanggungjawab terhadap projek-projek pembangunan.

- (k) Majlis Belia Malaysia sebagai badan kordinasi bagi pertubuhan-pertubuhan belia di negara ini adalah juga bermain peranan penting bagi membawa berbagai jenis pertubuhan belia di negara ini untuk menyertai program-program yang di antara lain bertujuan untuk menggalakkan perpaduan di kalangan belia berbagai kaum.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, tadi saya dengar bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata bahawa Kementerian beliau ada melancarkan program pendidikan pencegahan dadah di kalangan belia.

Di sini suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sejauh manakah program pencegahan dadah itu telah berjaya mencapai objektifnya untuk mengatasi masalah dadah di kalangan belia?

Datin Paduka Chow Poh Kheng: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah menerangkan soalan itu dengan ringkasnya. Kalau Yang Berhormat hendak butir-butir kepada soalan itu, saya hendak minta notis.

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri yang berkenaan, apakah program-program dan projek-projek sebagaimana yang disebutkan baru sekejap tadi merupakan jangka pendek ataupun jangka panjang? Sekiranya itu hanya

merupakan jangka pendek semata-mata, apakah jangka panjangnya?

Datin Paduka Chow Poh Kheng: Tuan Yang di-Pertua, sila ulang semula.

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, baru sekejap tadi Timbalan Menteri yang berkenaan telah menerangkan kepada Dewan ini tentang program-program dan projek-projek yang diaturkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Apa yang saya ingin tahu, apakah program-program dan projek yang diterangkan tadi merupakan projek jangka pendek ataupun jangka panjang? Kalau belum ada projek jangka panjang, apakah projek jangka panjang itu yang berhubung dengan program Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Datin Paduka Chow Poh Kheng: Tuan Yang di-Pertua, jangka panjang (*Ketawa*).

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menggariskan 11 program Kementerian beliau untuk menggalakkan perpaduan belia yang terdapat di negara kita ini dan yang lebih menitikberatkan kepada interaksi di kalangan belia-belia berbagai kaum. Ini adalah bertujuan untuk menyedarkan bahawa wujudnya konsep hidup bersama (*co-existence*) tetapi ia tidak merangkumi program-program ke tahap perpaduan yang selanjutnya, misalnya untuk memahami kehendak-kehendak dan aspirasi-aspirasi belia-belia itu sendiri dan juga asas-asas perpaduan bagi negara kita ini. Jadi, adakah beliau mempunyai sebarang program kepada perkara-perkara yang saya sebutkan tadi iaitu untuk mewujudkan tahap yang kedua kepada perpaduan?

Datin Paduka Chow Poh Kheng: Tuan Yang di-Pertua, ada. Tadi saya sudah terangkan.

Datin Paduka Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi dalam jawapan Timbalan Menteri yang berkenaan dalam rancangan 11 program yang diadakan oleh Kementerian terdapat berbagai-bagai masalah belia dijangka dapat diatasi. Saya ingin tahu, apakah usaha Kementerian Kebudayaan, belia dan Sukan bagi mengatasi masalah pekerjaan dan adakah Kementerian tersebut bercadang untuk mengadakan pegawai-pegawai bimbingan kerjaya di tiap-tiap Pejabat Kebudayaan, Belia dan Sukan di daerah-daerah?

Datin Paduka Chow Poh Kheng: Tuan Yang di-Pertua, jawapan ini adalah panjang tetapi kalau Yang Berhormat hendak tahu masalah-masalah dan apakah rancangan bagi mengatasi masalah itu, saya boleh memberi jawapan bertulis.

Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan telah menerangkan ada 11 projek yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian ini. Jadi, tiap-tiap projek ini tentulah ada tujuan dan objektifnya.

Saya hendak tahu sejauh manakah kejayaan yang telah dicapai oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan berkenaan dengan tujuan-tujuan dilaksanakan daripada 11 projek itu.

Datin Paduka Chow Poh Kheng: Tuan Yang di-Pertua, kejayaan rancangan tersebut di atas boleh ditinjau daripada 2 aspek. Aspek yang pertama daripada aspek sambutan kaum-kaum belia kepada kursus-kursus yang dijalankan oleh Cawangan Perpaduan di Kementerian saya. Sambutan daripada belia semua kaum sangat memuaskan dan kedua, daripada aspek penubuhan persatuan

belia, pendaftaran persatuan-persatuan baru di kalangan belia yang bertujuan utama untuk menggerakkan tenaga belia ke arah perpaduan negara adalah satu tanda yang menunjukkan kewujudan perpaduan antara belia yang berbilang kaum. Perpaduan belia dapat diukur dari segi kejayaan persatuan-persatuan yang diwujudkan. Mengikut kajian Kementerian semua rancangan-rancangan yang bercorak perpaduan yang dirancang oleh Cawangan ini telah disambut baik oleh persatuan-persatuan baru di bandar-bandar dan di luar bandar.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Salah satu program untuk mewujudkan perpaduan di kalangan belia-belia di negara ini ialah melalui kursus-kursus kepimpinan di mana di dalam kursus-kursus tersebut diberikan ceramah-ceramah mengenai latar belakang negara dan juga unsur-unsur perpaduan di samping menggalakkan para belia ini supaya bersatu padu dengan menjalankan kegiatan-kegiatan gotong royong dan sebagainya. Jadi, setakat manakah penglibatan belia-belia daripada keturunan Cina di dalam kursus-kursus kepimpinan tersebut. Sebab apa saya berkata demikian, kerana pada kebanyakan kursus-kursus kepimpinan yang diadakan oleh Majlis-majlis Belia Daerah dengan kerjasama Pejabat Kebudayaan, Belia dan Sukan, penglibatan daripada kaum belia Cina ini adalah terlalu kurang. Begitu juga penglibatan daripada kaum belia Cina ini untuk menyertai program atau aktiviti gotong royong ini terlalu kurang.

Jadi, soalnya apakah langkah-langkah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk mengatasi masalah ini iaitu supaya belia-belia daripada keturunan Cina ini dapat melibatkan diri dalam kursus dan kegiatan gotong royong tersebut?

Datin Paduka Chow Poh Kheng: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya akan mengambil perhatian dan boleh ditimbangkan.

Tuan V. Govindaraj: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri setakat manakah rancangan-rancangan tersebut mencapai kejayaannya?

Tuan Yang di-Pertua: Tadi sudah dijawab. Soalan itu sudah ditanyakan tadi.

Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basari: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri yang berkenaan begitu banyak program yang disusun, program dan projek ada 11. Tujuan dan matlamat program ini ialah bagi memupuk perpaduan dan muhibbah di antara belia dan di antara program tadi kita juga dengar ada lawatan sambil belajar dan selalu kita dengar belia ada keluar negeri membuat lawatan sambil belajar ke seberang laut. Yang ingin saya tahu sejauh manakah kejayaan dan hasil daripada tiap-tiap lawatan yang dibuat oleh belia-belia yang dianjurkan oleh Kementerian berkenaan?

Datin Paduka Chow Poh Kheng: Tuan Yang di-Pertua, rancangan itu bergantung kepada tiap-tiap rancangan dan adalah biasa untuk tiap-tiap program.

Tuan Haji Seroji bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi kita dengar keterangan daripada Timbalan Menteri mengatakan berbagai rancangan telah diatur untuk menggalakkan perpaduan di kalangan belia. Adakah rancangan tersebut termasuk sama belia daripada Orang Asli?

Datin Paduka Chow Poh Kheng: Tuan Yang di-Pertua, itu boleh ditimbangkan.

SKIM PINJAMAN KHAS KEPADA PENIAGA-PENIAGA KECIL

5. Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar iaitu walaupun Kerajaan telah mengadakan dan melulus Skim Pinjaman Khas bagi membantu peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha kecil untuk menjalankan perniagaan dengan menetapkan pinjaman tidak lebih daripada \$50,000 tanpa memerlukan cagaran, namun sebilangan besar bank-bank tempatan masih berkehendakkan cagaran untuk mendapatkan pinjaman tersebut dan ini sudah tentu tidak dapat dipenuhi oleh peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha kecil, dan jika sedar apakah langkah Kementerian bagi memperbaiki pelaksanaan skim pinjaman khas ini. Berapa peratuskah skim pinjaman ini telah diluluskan kepada peniaga bumiputera.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, memang benar di bawah Skim Pinjaman Khas yang diuruskan oleh Syarikat Jaminan Kredit yang telah dilancarkan pada 1hb Januari, 1982, perusahaan-perusahaan kecil mendapat pinjaman sehingga \$50,000 tanpa cagaran pada kadar faedah sebanyak 7.5% setahun. Dalam pada itu, bagi pinjaman untuk membiayai pembelian harta-harta tetap atau lain-lain harta yang boleh dicagarkan, pihak bank perdagangan bolehlah mengambil cagaran ke atas harta-harta yang hendak dibeli itu.

Walaupun pinjaman yang dibuat di bawah Skim ini tidak memerlukan sebarang jaminan atau cagaran, tetapi pihak bank pada kebiasaannya, akan mengkaji dayahidup, dengan izin, Tuan Yang Dipertua, viability, projek

atau perusahaan yang akan dibiayai dari pinjaman berkenaan. Maka itu bagi kes-kes di mana bank-bank perniagaan tidak begitu yakin terhadap dayahidup projek-projek yang hendak dibiayai itu, mereka kadang-kadang meminta jaminan dan kadangkala cagaran terhadap pinjaman tadi. Dalam hal ini, sukaiah juga saya menjelaskan bahawa bank-bank perdagangan telah beberapa kali diberitahu supaya permohonan-permohonan di bawah Skim Pinjaman Khas ini tidak harus ditolak oleh sebab pinjaman-pinjaman tidak ada cagaran. Justeru itu pemohon-pemohon yang berasa bahawa permohonan mereka di bawah skim ini telah ditolak semata-mata kerana tidak ada kemampuan memberi cagaran atau jaminan, dan bukannya berasaskan pada dayahidup projek-projek, bolehlah memberitahu Kementerian Kewangan supaya penyiasatan boleh dijalankan. Sekiranya aduan ini didapati benar, tindakan sewajarnya akan diambil terhadap bank perdagangan berkenaan.

Dalam masa 8 bulan yang pertama tahun ini, sukaiah saya memaklumkan bahawa jumlah pinjaman di bawah skim ini ialah \$320.5 juta dan peratusan pinjaman kepada bumiputera ialah 23%. Bilangan pinjaman yang dijamin bagi 8 bulan pertama tahun ini ialah 10,822 dan peratusan bilangan pinjaman kepada bumiputera ialah 34%.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, pada keseluruhannya bilangan pinjaman yang telah diluluskan yang dijamin oleh Syarikat Jaminan Kredit sejak pembukaannya dalam tahun 1973 hingga akhir bulan Ogos, 1982 berjumlah 108,241 yang mana 57,267 atau 53% merupakan pinjaman kepada kaum bumiputera.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau sekiranya

ada peniaga kecil itu hendak mendapat jaminan kredit daripada CGC ini, apakah syarat-syarat yang dikenakan bagi seorang itu untuk membolehkan mereka mendapat jaminan kredit dan bagaimana pihak CGC boleh mengatasi untuk mendapat pinjaman balik itu sekiranya peniaga yang dijamin itu engkar membayar balik.

Tuan Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi, syaratnya tidak ada selain daripada viability ataupun dayahidup projek-projek yang akan dijalankan dari pinjaman yang dibuat daripada bank yang mendapat jaminan daripada CGC.

Kedua, sekiranya peminjam itu bankrap, katakanlah, ataupun meninggal dunia dan sebagainya dan dengan itu hutang tidak dapat dibayar, maka pihak CGC hanya membayar 60% sahaja daripada pinjaman sebenarnya. Dan oleh kerana kadang-kadang kemungkinan juga peminjam-peminjam secara kecil-kecilan ini tidak semestinya berjaya, maka itulah bank memastikan projek itu viable sebelum diberi pinjaman.

Ketiga CGC hanya menjamin setakat 60% sahaja.

Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri yang berkenaan, adakah Kerajaan ataupun Kementerian berpuas hati di atas penyertaan bank-bank asing atau bank-bank luar negeri di dalam rancangan ini ataupun di dalam skim ini.

Tuan Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, tidak berapa puas hati.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan telah menyatakan salah satu daripada syarat

yang dikenakan untuk membolehkan mendapatkan pinjaman di bawah Skim CGC ini ialah viability ataupun dayahidup sesuatu projek. Jadi, saya ingin tahu daripada beliau apakah formula yang digunakan untuk menentukan sesuatu projek itu viable ataupun tidak. Adakah ia bergantung kepada budi-bicara bank yang berkenaan ataupun berdasarkan kepada garis panduan yang diberi oleh pihak Kementerian beliau.

Tuan Sabbaruddin Chik: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dari segi dayahidup ataupun viability projek ini terpulanglah kepada pihak bank-bank yang meneliti kerana yang memberi pinjaman ini adalah bank itu sendiri. Kita tidak memberi sebarang garis panduan untuk menentukan viability tetapi kita harap bank-bank itu menggunakan garis panduan yang biasa untuk memastikan viability sesuatu projek yang akan dijalankan dari wang pinjaman berkenaan.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Timbalan Menteri yang berkenaan, adakah beliau sedar ada bank-bank kalau menghadapi peminjam dari peniaga-peniaga ataupun pengusaha-pengusaha kecil itu hanya memberi pinjaman kepada mereka yang menjalankan perusahaan-perusahaan yang tertentu, sungguhpun mereka ada hakmilik atau property untuk dicagar. Adakah pihak Kementerian memberi garis panduan kepada bank-bank supaya menentukan apa jenis projek-projek atau perusahaan yang boleh digalakkan oleh pihak Kementerian melalui Skim Pinjaman Khas ini.

Tuan Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya bank-bank telah mengetahui, kita memang ada memberi garis panduan tentang projek-projek yang harus diberi pertimbangan di bawah Skim ini, dan saya tidak sedar sama ada terdapat

bank-bank tertentu melayan hanya projek-projek tertentu. Sekiranya ini berlaku, saya rasa bolehlah pihak berkenaan memberitahu Kementerian Kewangan dan kalau kita dapati bahawa penolakan seperti saya katakan tadi dibuat berdasarkan kepada suka hati mereka sahaja, kita boleh mengambil tindakan-tindakan yang difikirkan wajar. Jadi haraplah Ahli Yang Berhormat memberitahu kita kes-kes yang sebenar, kes-kes yang nyata, bukan secara umum sahaja.

Tuan Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Mengikut jawapan Timbalan Menteri tadi sesuatu pinjaman itu akan dipertimbang dan diluluskan sekiranya projek itu mempunyai viability yang baik. Satu daripada viability ialah kemungkinan peminjam itu membayar balik. Bank-bank akan berselindung dengan keupayaan peminjam-peminjam ini membayar balik dan oleh sebab itu dengan mudah menolak permohonan pinjaman tersebut. Sekiranya perkara ini berlaku, adakah pihak Kementerian boleh mengambil satu-satu tindakan untuk membantu supaya pemohon meminjam itu mendapat kelulusan.

Tuan Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, bolehlah.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, tadi dalam jawapan Timbalan Menteri Kewangan mengatakan Kementerian Kewangan sendiri tidak berpuas hati di atas bank-bank asing atas arahan Kementerian Kewangan ataupun Bank Negara. Bolehkah Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini apakah sebab-sebabnya tidak boleh bank-bank asing itu diambil alih oleh Kerajaan kita oleh kerana tidak menjalankan tugasnya mengikut arahan Kementerian Kewangan?

Tuan Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan kata tak puas hati, saya kata "tak berapa", jadi ada perbezaan sedikit di antara "Tak berapa" dengan "tak puas hati". Maksudnya "tak berapa" itu, dengan izin, "not quite". Jadi soal kita mengambil semua ekuiti di dalam sesuatu bank asing oleh kerana kita tak berapa puas hati dengan satu skim di bawah pinjaman khas ini, saya rasa kurangnya adilnya tetapi kita boleh berunding dengan mereka agar mereka memainkan peranan yang lebih supaya "tak berapa puas hati", jadi betul-betul "puas hati".

Tuan Lee Lam Thye: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu sama ada beliau mempunyai apa-apa angka tentang berapa banyak pinjaman yang telah diluluskan sehingga hari ini kepada peniaga bukan bumiputera di bawah Skim Pinjaman Khas ini. Dan saya suka juga mendapat tahu sama ada pihak Kementerian bercadang pada satu masa kelak menambah jumlah pinjaman daripada \$50,000 ke \$100,000?

Tuan Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, hendak kira angka ini boleh tetapi agak sukar kerana saya tidak ada calculator sekarang ini. Tetapi saya telah memberi tahu bahawa daripada pinjaman sebanyak \$320 juta, yang diberi kepada bumiputera 23%, itu dari segi banyak. Dari segi bilangan pinjaman 10,822—34% kepada bumiputera, ertinya 66% itu kepada bukan bumiputera. Jadi kalau kita hendak tahu juga terpaksa $66 \times 10,822 \div 100$. Agar sukar saya hendak kira kalau tak ada calculator. Maaf, Tuan yang Dipertua, ini ada pun calculator.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat tak payah (*Ketawa*).

Tuan Sabbaruddin Chik: Terima kasih. Jadi soalan hendak menambah

daripada \$50,000 seperti sekarang ini kepada \$100,000 oleh kerana \$50,000 ini baru sahaja lagi dimulakan, barangkali belum lagi, tetapi kalau difikirkan perlu, mungkin ini diberi pertimbangan.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya mendapat tahu daripada Timbalan Menteri Kewangan apakah Kerajaan bercadang untuk meluaskan Skim Pinjaman Khas ini kepada syarikat kerjasama-syarikat kerjasama dan pinjaman itu hendaklah lebih banyak daripada yang diberi sekarang ini khusus untuk Syarikat Kerjasama untuk menjalankan projek-projek besar syarikat kerjasama-syarikat kerjasama yang ada di negara kita ini.

Tuan Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan di sini yang tidak layak meminjam di bawah pinjaman khas ini, jadi maknanya yang tidak disebut adalah layak. Jadi saya sebutkan yang tidak layak. Para iktisas yang berdaftar dengan badan-badan iktisas yang diiktiraf; orang-orang perseorangan yang tidak didaftarkan untuk menjalankan sebarang kegiatan perniagaan, perniagaan-perniagaan yang tidak memerlukan galakan termasuk perniagaan-perniagaan yang terlibat di dalam kegiatan-kegiatan yang tidak diingini dan tidak produktif. Selain daripada ini semuanya layak. Jadi terpulanglah kepada kita untuk membuat analisa dari segi yang boleh dan yang tak boleh.

Tentang banyak tadi, saya rasa sudah dijawab, di bawah Skim Pinjaman Khas ini buat sekarang ini masih lagi \$50,000. Di bawah skim-skim lain ada, ada yang sampai \$200,000 dan sebagainya.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri

Kewangan daripada jawapan beliau tadi katanya bank-bank asing ini tidak berapa beri kesanggupan hendak menolong Syarikat Jaminan Kredit (CGC) yang dianjurkan oleh Kementerian tetapi ada juga bank-bank asing ini Kerajaan menyimpan duit di sana. Apakah tindakan Kerajaan hendak suruh Kerajaan buang duit daripada bank-bank asing kerana mereka tak memberi puas hati Kementerian?

Tuan Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, pendapat itu tak betul. Kerajaan tidak akan menyimpan di dalam bank asing yang tidak incorporated in Malaysia. Jadi kalau kita tidak simpan hendak tarik apa?

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah pihak Kementerian yang berkenaan bercadang ataupun sudah pun ada menubuhkan sebuah Biro Pengaduan Ekonomi bagi pengusaha-pengusaha bumiputera yang kecil untuk mendapatkan kemudahan pinjaman khas ini kerana melihat daripada kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi hanya 23% sahaja bumiputera yang mendapat bantuan pinjaman khas ini?

Tuan Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, memanglah saya katakan tadi hanya 23% sahaja tetapi peratusan itu telah bertambah baik dibandingkan dengan tahun lepas dan kita percaya pada tahun akan datang peratusan ini akan bertambah lebih baik lagi. Buat sekarang ini kita tidak ada berhajat untuk menubuhkan Biro Pengaduan Ekonomi bagi membantu mereka mendapatkan nasihat berkenaan dengan pinjaman di bawah skim ini. Walau bagaimanapun, pegawai-pegawai Kementerian Kewangan sentiasa boleh dijumpai. Menterinya pun boleh dijumpai, Timbalan Menterinya pun boleh

dijumpai untuk mendapatkan nasihat. Orang PAS hendak datang sekali sekalapun tak apa.

TANAH SAWAH YANG TERBIAR

6. Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Pertanian menyatakan luas tanah terbiar di negeri ini yang telah dimajukan dan keluasan yang telah dimasukkan di bawah projek perintis dan sehingga hari ini berapa bilangan skim yang telah dilaksanakan.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, luas kawasan tanah sawah terbiar yang telah dipulihkan hingga sekarang ialah 5,746 hektar (14,193 ekar) semuanya. Ini termasuk seluas 1,091.5 hektar yang dipulihkan di bawah projek perintis bermula pada bulan Julai, 1981. Hingga sekarang sejumlah 18 skim pemulihan telah dilaksanakan di negeri-negeri yang berikut:

Perlis	2 skim
Pulau Pinang	5 skim
Kelantan	6 skim
Trengganu	1 skim
Perak	2 skim
Pahang	2 skim

Tanah-tanah bukan sawah akan dimajukan oleh Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah melalui agensi-agensinya.

Tuan Mohamad Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Timbalan Menteri menyatakan tanah sawah yang terbiar iaitu seluas 5,756 hektar. Jadi adakah termasuk tanah-tanah sawah yang terbiar dalam kawasan Parlimen Matang?

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, kawasan Parlimen Matang ini di State mana? (*Ketawa*)

Tuan Mohamad Razlan bin Haji Abdul Hamid: Di Perak.

Tuan Yang di-Pertua: Termasuk dalam negara ini (*Ketawa*).

Tuan Luhah Wan: Kerana ada 154 Constituencies sukar untuk mengingatkan semua Constituencies ini. Saya tidak pasti jikalau sekiranya salah satu daripada 2 skim yang dilaksanakan di negeri Perak itu termasuk di kawasan Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah 6 skim yang dijalankan di Kelantan itu semua telah berjaya ataupun masih dalam proses permulaan?

Tuan Luhah Wan: Ada yang masih dalam proses permulaan, ada yang sedang dibina dan sebagainya.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi nampak banyak skim dibuat di negeri-negeri lain, tidak ada di Kedah. Adakah di Kedah ini tidak ada tanah yang terbiar terutama sekali di kawasan Ulu Muda? (*Ketawa*).

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya mana yang saya sebut tadi skim-skim itu yang sedang dibina sebagaimana yang saya telah jawab kepada Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang dan juga Kementerian Pertanian yang sebenarnya mempunyai langkah jangka panjang, dia telah menetapkan untuk memulihkan seluruh kawasan-kawasan sawah terbiar yang berpotensi dalam tempoh 10 tahun atau dua Rancangan Malaysia bermula dari tahun 1982 ini. Rancangan yang saya katakan itu juga telah melaksanakan projek dan akan terus dibuat tiap-tiap tahun tidak kurang daripada 10% dari tiap-tiap sebuah negeri dalam setiap

tahun. Tetapi ini adalah bergantung dengan kerjasama yang diperolehi dari pihak Kementerian Pertanian dan semua Kerajaan-kerajaan Negeri baik di Semenanjung ataupun di Sabah dan Sarawak. Jikalau tidak, agak sukar juga bagi Kementerian untuk melaksanakan projek yang saya sebutkan tadi sekiranya tidak ada kerjasama daripada pihak Kerajaan-kerajaan Negeri.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Timbalan Menteri Pertanian, tadi beliau ada menyatakan keluasan tanah yang terbiar ialah sebanyak 5,756 hektar. Perak adalah sebuah negeri yang agak luas, berapa ribu hektar tanahkah dalam negeri Perak sahaja tanah yang terbiar dan kalau besar jumlah tanah yang terbiar di Perak, mengapakah hanya 2 skim sahaja diadakan?

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, tentu sekali bukan hanya di negeri Perak sahaja yang mempunyai begitu luasnya kawasan tanah yang terbiar ini tetapi maksud saya memberi penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat yang membuat pertanyaan asal tadi iaitu beberapa skim yang telah pun dibuat oleh pihak Kementerian Pertanian ini adalah mengikut kemampuan Kerajaan iaitu bergantung dengan wang ringgit dan juga peruntukan untuk pelaksanaan projek-projek tersebut dan juga bergantung juga dengan para manpower yang digunakan oleh pihak Kerajaan untuk melancarkan projek-projek itu.

PERUSAHAAN KECIL DI LUAR BANDAR—PENUBUHAN

7. **Tuan Ismail bin Arshad** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan apakah kesan dan pencapaian yang telah didapati dari usaha-usaha bagi penggalakan penubuhan Perusahaan

Kecil di Luar Bandar khasnya kepada kalangan Bumiputera, serta apakah tindakan selanjutnya akan diambil dan dilaksanakan ke arah pencapaian matlamat yang lebih berkesan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab soalan ini memerlukan satu jawapan yang agak panjang, saya mohon izin dengan hormatnya kepada Ahli Yang Berhormat dari Jerai untuk saya menjawab dengan secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Terima kasih.

LEBUHRAYA KUALA LUMPUR— SEREMBAN

8. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam sama ada laporan dalam surat khabar kononnya setengah pengguna Lebuhraya Kuala Lumpur—Seremban menggunakan satu jalan melalui satu ladang untuk mengelakkan bayaran Tol di Plaza Tol dan sekiranya betul apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengatasinya.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar tentang adanya sebilangan kecil pengguna-pengguna Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban yang mengguna jalan ladang untuk mengelakkan bayaran tol di Plaza Tol. Untuk mengatasinya, Kementerian saya akan membina 'Guard Rail' dan parit di tempat-tempat yang berkenaan dan akan sentiasa mengawasi supaya kejadian seumpama ini tidak akan berterusan berlaku.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa salah satu sebabnya ada tindakan langkah-langkah untuk mengelakkan pembayaran tol ini ialah oleh kerana kadar tol yang dikenakan sangat tinggi khasnya oleh mereka yang selalu menggunakan Lebuhraya itu dan adakah pihak Kementerian bercadang untuk memberhentikan dari dikenakan tol itu apabila belanja untuk membina Lebuhraya itu dikutip balik oleh pihak Kerajaan dan bilakah pihak Kerajaan dalam schedulennya akan kutip balik sepenuhnya belanja untuk Lebuhraya itu?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, tol yang dikenakan di Lebuhraya Kuala Lumpur—Seremban itu adalah adil dan pengguna-pengguna jalan itu mengikut apa yang saya kata tadi ialah sebilangan kecil daripada orang tempatan yang tahu jalan itu dengan lebih berpengalaman tetapi bukanlah orang-orang yang lain. Saya suka juga memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak ada apa-apa cadangan untuk membatalkan Tol. Kita suka mengenakan lebih Tol kepada lain-lain jalan (*Ketawa*).

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, kata Menteri yang berkenaan penduduk yang mengelakkan daripada Tol itu ialah penduduk yang berhampiran dengan Tol tersebut kerana mereka berulang-alik banyak kali melalui Lebuhraya Kuala Lumpur—Seremban itu dan mereka telah membayar beberapa kali pula hingga banyak mengeluarkan wang. Apakah langkah Yang Berhormat Menteri untuk mengelakkan membayar berkali-kali kepada rakyat di sekitar itu sama ada diberi pas percuma ataupun memberi bayaran bulanan yang berpatutan?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah mengenalkan bayaran bulanan jikalau ada juga orang yang gunakan jalan itu tiap-tiap hari satu atau dua kali atau tiga kali tetapi kepada sesiapa yang suka menggunakan jalan itu satu kali sahaja sehari, saya harap mereka bayar \$1.50—itu lebih adil.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau Yang Berhormat Menteri tidak mahu menentukan tarikh tamatnya pembayaran Tol itu, apakah Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam tidak mahu menukarkan nama Plaza Tol itu kepada 'Samy Vellu Tol' seumpamanya? (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak benarkan soalan itu.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa hanya sebilangan kecil pengguna-pengguna Lebuhraya Kuala Lumpur—Seremban yang ada mengguna jalan di dalam ladang tetapi saya suka bertanya sama ada Yang Berhormat Menteri sedar bahawa sebilangan besar pengguna-pengguna jalan telah menggunakan lebuhraya lama iaitu dari Cheras ke Seremban, memandangkan bahawa Tol adalah amat tinggi? Saya ingin mendapat tahu, apakah garis panduan yang digunakan oleh Kementerian untuk menentukan tentang apa yang adil dan apa yang tidak adil?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat itu, apabila kita mulakan Tol pada permulaannya kita mengutip lebih kurang \$10,000 sehari. Tetapi hari ini kita mengutip lebih daripada \$10,000. Ini menunjukkan orang yang menggunakan jalan baru itu lebih daripada apa yang kita kutip pada hari permulaan Tol, di Seremban—Kuala Lumpur Highway itu.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri berapa jauh jalan ladang yang digunakan oleh kereta-kereta untuk mengelakkan daripada Tol? Oleh kerana orang yang melarikan ini terpaksa menggunakan jalan-jalan yang buruk, apakah pihak-pihak Kementerian hanya mendiamkan diri sahaja daripada membuat longkang, membuat itu dan ini kerana ini adalah menyusahkan rakyat juga?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang Dipertua, daripada Laporan yang saya terima jauhnya ialah lebih kurang dua batu sahaja. Walau bagaimanapun Kementerian saya telah mengambil tindakan untuk menutup jalan itu sekarang.

Tuan Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat Menteri nampaknya pengguna-pengguna makin bertambah dan mungkin bertambahnya disebabkan Tol ini terlalu murah. Bolehkah Yang Berhormat Menteri beritahu Dewan ini adakah Tol ini murah jika dibandingkan dengan Tol-tol yang dikenakan di negara-negara lain seperti negeri-negeri di Eropah dan Jepun. Kedua, bilakah agaknya bayaran balik ini dapat dikutip balik oleh Kerajaan dengan sepenuhnya dengan mengenakan bayaran Tol sebagaimana yang dikenakan pada masa ini?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, Tol yang dikenakan di Lebuhraya Seremban—Kuala Lumpur ialah paling murah daripada apa yang kita menyaksikan di tempat-tempat yang lain atau negara-negara lain. Yang kedua, sebahagian dari Tol express way kita telah siap, iaitu daripada Kuala Lumpur ke Seremban kita sedang kutip Tol. Apabila kita siap keseluruhan lebuhraya daripada

Bukit Kayu Hitam ke Johor Bahru, saya ada cadangan untuk mengikut satu jadual baru dan mengikut jadual itu saya harap barangkali kita boleh kurang atau kita boleh naik, kita belum tentu lagi, itu kita akan mengikut keadaan yang ada pada masa itu.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, adakah benar Tol ini kena juga kepada Menteri-menteri kecuali Timbalan Perdana Menteri dan Perdana Menteri sahaja termasuk Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, sebagai Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam Malaysia, sayalah seorang yang membayar Tol yang pertama di dalam Tol Gate itu (*Ketawa*). Siapa yang kita memberi pengecualian ialah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Duli-duli Yang Maha Mulia Sultan-sultan dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Selain daripada itu, semua kena bayar (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: M.P.—M.P. pun kena bayar!

Dr Tan Seng Giaw: Soalan tambahan. Berapa lamakah akan dikenakan Tol ini ke atas pengguna-pengguna, untuk selama-selamanya ataupun untuk satu tempoh yang tertentu?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang saya katakan tadi tidak ada tempoh untuk mengutip Tol. Tol ini jadi permanent iaitu tetap. Inilah aturan yang kita ada dalam cadangan kita di Kementerian, mengikut keadaan-keadaan di seluruh dunia sekarang dan juga di dunia-dunia yang kita kata "developing

countries" dan "developed countries" pun kena juga Tol. Kita sebagai satu developing country saya harap rakyat mestilah tahu apakah tanggungjawab mereka. Jika rakyat suka mengadakan lebuhraya dengan taraf yang baik mestilah mereka bayar. Orang daripada negeri kita, warganegara Malaysia, apabila mereka keluar dari negeri ini, bila mereka pergi ke Germany atau Italy membayar juga duit, mereka kata jalan itu baik, kita bayar. Itulah taraf yang kita gunakan di dalam negara kita sendiri, selepas itu mereka sendiri bayar.

Dr Tan Seng Giaw: Adakah ini satu dasar untuk membina tiap-tiap lebuhraya baru dikenakan Tol di negara ini?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, Tol-tol ini dikenakan untuk Tol Expressway sahaja, bukan kepada Jalan-jalan Persekutuan. Jikalau Ahli-ahli Yang Berhormat tidak suka menggunakan jalan Tol itu sukacitalah gunakan jalan yang lama lebih sedap, tidak payah bayar satu sen pun.

PERMAINAN VIDEO

9. Tuan Ismail bin Said minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada sedar ataupun tidak adanya dakwaan bahawa permainan video boleh mengakibatkan kerosakan mata, jantung dan ketegangan fikiran terutama sekali kepada kanak-kanak. Jika sedar adakah sebarang penyiasatan atau kajian dibuat dan apakah hasilnya.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sedar akan tuduhan bahawa menonton permainan video boleh memudaratkan kesihatan kanak-kanak. Saya suka memaklumkan kepada ahli Yang Berhormat bahawa pada keseluruhannya, dalam keadaan biasa, risiko-risiko dalam menonton video

atau permainan video tidaklah lebih dari menonton televisyen.

Tetapi, setakat ini, tidak ada kajian atau penyelidikan mengenai kesan-kesan tontonan/permainan video yang telah dijalankan oleh Kementerian Kesihatan.

Walaubagaimanapun, adalah penting bagi ibubapa juga mengawal pilihan filem-filem yang hendak ditayangkan kepada kanak-kanak dan juga mengawal bahawa permainan video oleh anak-anak mereka tidaklah berlebihan.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, kata Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan tadi beliau sedar yang video itu merosakkan mata. Soalannya bagaimana pula dengan tayangan TV. Adakah bezanya kerana jenis TV sama juga?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf. Apa yang saya katakan tadi adalah bahawa Kementerian sedar akan tuduhan bahawa menonton video boleh memudaratkan kesihatan. Tetapi setakat ini Kementerian tidak dapat mengesahkan bahawa tuduhan itu adalah benar.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan menyatakan beliau sedar akan tuduhan tersebut, tetapi tidak menjalankan kajian. Saya ingin tahu mengapakah sebab-sebabnya kajian itu tidak dijalankan. Yang kedua, saya ingin tahu setakat ini adakah beliau atau Kementerian beliau menerima sebarang aduan daripada mereka yang mendapatkan rawatan akibat daripada tontonan video itu.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk menjalankan penyelidikan untuk mengesan akibat

menonton permainan Video atau lain-lain akan melibatkan jentera dan kajian yang besar dan mendalam yang pada pendapat kita tidak akan menjadi satu yang begitu penting untuk menjalankannya.

Yang kedua, Kementerian tidak menerima apa-apa aduan mengenai perkara ini walaupun kita dengarlah di sana-sini bahawa ada keraguan bahawa permainan video ini boleh mendatangkan akibat yang buruk.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada jawapan Yang Berhormat tadi bahawa berdasarkan pilihan filem oleh ibubapa kepada anak-anak mereka. Jadi saya hendak tahu filem yang macam manakah boleh merosakkan sakit jantung dan filem-filem yang macam mana pula boleh menyebabkan ketegangan fikiran dan filem macam mana pula yang boleh menyebabkan orang itu akan sakit mata atau akan merosakkan mata kerana kita tidak tahu untuk memilih filem-filem yang sesuai supaya kesihatan tidak terjejas.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, susah saya menjawab kerana saya bukan seorang pakar dalam perkara ini. Tetapi kita bolehlah menyatakan secara am bahawa dalam pilihan filem-filem itu memang filem-filem yang ada action yang banyak dengan adigan yang terkejut dan lain-lain memang boleh membawa akibat yang buruk kepada sesiapa yang sakit jantung dan lain-lain. Tetapi apa yang penting lagi saya rasa ialah masa yang digunakan untuk melihat filem video ataupun menonton permainan video. Jika anak-anak itu memainkan video game ini untuk empat lima jam sehari, saya rasa memang itu akan merosakkan fikiran mereka dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3 dan 10 hingga 13 adalah diberi di bawah ini)

DEMAM DENGGI

3. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Kesihatan menyatakan oleh kerana wabak demam denggi telah meragut beberapa nyawa dalam beberapa bulan ini, mengapa Kerajaan tidak mengisytiharkan sebagai suatu bencana negara memandangkan bilangan kematian masih meningkat tiap-tiap minggu.

Dato K. Pathanaban: Demam denggi dan demam denggi berdarah dikenali sebagai satu masalah kesihatan umum yang penting sejak tahun 1973, apabila suatu wabak berlaku dengan kejadian 969 kes dan 54 kematian di seluruh negara. Wabak ini disusuli oleh satu wabak yang lebih meluas pada tahun 1974 apabila 1,482 kes dan 104 kematian berlaku. Penyakit ini telah sentiasa wujud (endemic) semenjak itu, dan telah diawasi dengan rapi melalui Pelan Tindakan untuk Mencegah dan Mengawal Denggi dan dibantu oleh Undang-undang Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit yang diluluskan pada 1975.

Pada kebiasaannya, kejadian penyakit denggi turun naik mengikut keadaan iklim dan pergerakan penduduk di dalam negeri. Bagi tahun ini, kejadian penyakit denggi yang tinggi telah dikesan melalui sistem pengawasan dan amaran sewajarnya telah diberi kepada semua Negeri yang terlibat untuk mempergiatkan lagi aktiviti-aktiviti kawalan dan pencegahan. Dengan tersebaranya publisiti serta kesedaran orang ramai, banyak kes-kes denggi yang disyaki

mula dilaporkan dan bilangan orang ramai yang berkehendakkan rawatan telah meningkat pada bulan Julai dan Ogos, 1982. Walaubagaimanapun, hanya 30% dari kes-kes itu disahkan oleh pemeriksaan darah sebagai penyakit denggi.

Meskipun demikian, aktiviti-aktiviti pencegahan dan kawalan telah dipergiatkan oleh jabatan-jabatan kesihatan dan beberapa Kementerian, Jabatan dan Agensi-agensi lain digalakkan menyertai usaha-usaha mengawal wabak ini.

Bagi memudahkan lagi aktiviti-aktiviti pencegahan dan pengawalan, seluruh negara telah diwartakan di bawah Akta Pemusnahan dan Serangga Pembawa Penyakit mulai dari 23hb Ogos, 1982. Jawatankuasa Kebangsaan Mengawal Wabak yang mana melibatkan wakil-wakil dari lebih daripada 16 Kementerian-kementerian dan agensi-agensi telah bermesyuarat pada 24hb Ogos, 1982 untuk mengkaji semula serta membincangkan cara-cara untuk mengawal dan mencegah penyakit denggi dengan pendekatan antara agensi ("interagency approach").

Sementara itu. Bilik Gerakan Kebangsaan Denggi telah digerakkan di Kementerian Kesihatan untuk mengawasi semua kegiatan anti denggi. Arahan telah dikeluarkan supaya masalah-masalah di peringkat negeri dan daerah dibawa ke Jawatankuasa Kawalan Wabak Negeri dan Daerah untuk tindakan bersama.

Aktiviti-aktiviti ini membuktikan usaha giat yang telah dijalankan oleh Kementerian Kesihatan bagi mengisytiharkan wabak penyakit denggi sebagai satu "bencana negara" yang merupakan masalah kesihatan umum untuk diatasi dengan kerjasama setiap orang yang berkenaan.

Wabak denggi telah dapat dikawal pada masa ini dengan hanya 36 kematian daripada 3,100 kes yang

disyakki. Kematian yang akhir telah berlaku pada 21hb Oktober, 1982 di Negeri Sabah. Pada masa ini kita hanya mengesan 2 atau 3 kes demam denggi dalam sehari.

PEMBINAAN JALAN SEBAGAI PENGHUBUNG

10. Datuk Edwin Anak Tangkun minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan adakah pembinaan jalan-jalan yang menyambung dari satu daerah dengan daerah yang lain masih digalakkan, memandangkan kemerosotan ekonomi di seluruh dunia pada hari ini.

Dato' S. Samy Vellu: Kementerian saya akan meneruskan dasar pembangunan Negara dalam menyediakan kemudahan perhubungan jalan yang baik dan membina jalan-jalan menghubungkan satu daerah dengan daerah yang lain. Projek-projek ini akan dilaksanakan mengikut keutamaan berdasar kepada tahap keperluan bagi tempat-tempat tertentu serta tertakluk kepada peruntukan yang diperolehi dari masa ke semasa.

TEMPAT MEMBAKAR SAMPAH AWAM—PEMBINAAN

11. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kementeriannya akan memperuntukkan wang untuk pembinaan tempat membakar sampah awam di setiap daerah untuk kegunaan awam.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ada memperuntukkan wang di bawah

Rancangan Malaysia Keempat untuk membina tempat-tempat membakar sampah awam di beberapa kawasan tertentu mengikut keperluan. Kawasan-kawasan tersebut ialah Kuala Muda dan Kubang Pasu di Kedah. Kementerian saya juga memperuntukkan geran pelancaran kepada penguasa-penguasa tempatan yang telah disusun semula dan sekiranya didapati perlu pelancaran ini boleh digunakan oleh penguasa-penguasa tempatan untuk membina tempat bakar sampah.

MAS—BENDA 25% ATAS PEMBATALAN TIKET

12. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Pengangkutan menyatakan kenapa hanya penumpang-penumpang MAS di Sarawak dan Sabah dikenakan denda 25% dari harga tiket kerana pembatalan tiket dalam 24 jam. Adakah Kerajaan akan batalkan peraturan yang tidak patut itu.

Menteri Pengangkutan (Dato' Lee San Choon): Adalah tidak benar bahawa penumpang-penumpang di Sabah dan Sarawak sahaja yang dikenakan denda 25% dari harga tiket kerana membuat pembatalan penerbangan dalam tempoh 24 jam sebelum waktu penerbangan. Untuk makluman Yang Berhormat bayaran denda ini yang dihadkan setakat maksima \$50/- adalah dikenakan bagi semua penerbangan dalam negeri termasuk Semenanjung Malaysia. Bayaran denda ini juga dikenakan ke atas penerbangan-penerbangan antarabangsa ke Brunei dan ke Singapura.

Tujuan mengadakan bayaran denda ini ialah untuk mengatasi keadaan di mana penumpang-penumpang yang telah membuat penempahan tetapi tidak membuat penerbangan. Ini sering kali mengakibatkan banyak

tempat duduk yang kosong dalam sesuatu penerbangan walaupun penerbangan tersebut telah ditempah penuh. Dengan ini, penumpang-penumpang yang benar-benar hendak membuat perjalanan tidak dapat berbuat demikian kerana pihak MAS hanya dapat mengesan "no-show" ini sebelum penerbangan berlepas dan masa adalah terlalu suntuk untuk memberi tempat duduk yang kosong kepada penumpang-penumpang yang lain.

Semenjak pembayaran denda ini dikenakan, keadaan "no-show" telah berkurangan dan orang ramai tidak lagi selalu menghadapi kesukaran mendapat tempat duduk bagi sesuatu penerbangan dalam negeri itu.

Sebelum sistem ini dilaksanakan kadar pembatalan yang dibuat dalam saat-saat akhir atau kadar "no-show" ini ialah di antara 30-40% dari jumlah penumpang yang membuat penempahan. Semenjak pelaksanaan bayaran denda ini peratus "no-show" ini telah berkurangan iaitu di antara 15% hingga 20% dari jumlah penumpang-penumpang yang membuat penempahan. Oleh yang demikian, pada masa ini Kerajaan tidak ada rancangan untuk membatalkan peraturan ini.

PELAJAR MALAYSIA DI UK-EIRE—MENYIBARKAN DAKYAH

13. **Tuan Haji Hashim bin Endut** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah Kementerian sedar sudah lama dahulu hingga sekarang ini ramai juga pelajar-pelajar Malaysia di UK-Eire melalui Persatuan FUEMSSO, terutamanya pemegang biasiswa dari Kerajaan Malaysia, sentiasa menentang apa sahaja dibuat oleh Kerajaan bagi

kepentingan rakyat kita. Mereka sentiasa menyibarkan dakyah kotor, menipu dan memutarbelitkan pemikiran orang ramai di negara luar. Jika tidak mengapa dan jika ya, apakah tindakan Kementerian terhadap pelajar-pelajar yang terlibat itu jika mereka pulang ke Malaysia nanti.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Pertanyaan yang hampir sama maksudnya dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat ini telah pun dijawab di Dewan yang mulia ini pada 1-11-1982. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mencadangkan:

bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga jam 7.00 malam.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12,

Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga jam 7.00 malam.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN, 1983

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1983

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1983 dan Anggaran Pembangunan, 1983 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." (Hari Kesepuluh).

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Maksud B. 34 (Jadual)—

Maksuud P. 34 (Anggaran Pembangunan, 1983)—

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat dari Balik Pulau menyambung ucapannya.

3.34 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh (Balik Pulau): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud B. 34, Butiran 1100, Program (1) Pentadbiran Am dan Program (2) Lembaga Pelesenan dan Pengangkutan Jalan iaitu di muka surat 347.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam telah melahirkan perasaan keciwa beliau mengenai pemberian lesen atau permit bas sekolah dan bas kilang. Beliau sangat keciwa kerana tidak ramai bumiputera yang membuat permohonan bagi

mendapatkan permit atau lesen bas-bas tersebut. Beliau telah juga memberi perangkaan iaitu pada akhir tahun 1981 bas sekolah yang telah dikeluarkan kepada bumiputera ialah sebanyak 1,513 permit dan kepada bukan bumiputera sebanyak 3,889 permit.

Bagi bas kilang pula kepada bumiputera sebanyak 184 permit dan kepada bukan bumiputera sebanyak 496 permit. Ini menunjukkan bahawa pihak pengusaha-pengusaha bas sekolah dan bas kilang bagi bumiputera ini sangat jauh ketinggalan.

Tuan Pengerusi, kegagalan bumiputera dalam perusahaan bas kilang dan bas sekolah ini kerana mereka terpaksa bersaing dengan bukan bumiputera yang telah lama berkecimpung dalam bidang pengangkutan. Dan masalah yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha bas kilang bumiputera ialah untuk hendak mendapatkan kontrak mengangkut pekerja-pekerja kilang. Kontrak-kontrak mengangkut penumpang ini dikeluarkan mengikut budi-bicara pengurus-pengurus kilang yang tersebut. Jadi dalam masalah ini bumiputera tidak ataupun belum mampu untuk hendak bersaing sebab perkara yang menjadi masalah yang utama ialah orang-orang yang hendak mengusahakan bas-bas kilang ini terpaksa menjaga hati pengurus-pengurus kilang tersebut. Kalau tidak pandai menjaga hati pengurus-pengurus kilang ini, maka mereka ini akan gagal mendapat kontrak untuk mengangkut pekerja-pekerja kilang.

Kalau kita lihat pekerja-pekerja kilang, terutama kilang-kilang elektronik; dalam kawasan saya ada 25 buah kilang elektronik dan pekerjaanya lebih 30,000 orang dan hampir 70% daripada pekerja-pekerja ini adalah terdiri dari gadis-gadis bumiputera tetapi orang bumiputera yang boleh mengusahakan dan yang sedang

mengusahakan bas-bas kilang ini, Tuan Pengerusi, hanya dua orang sahaja. Yang lain terdiri dari bukan bumiputera sebabnya seperti yang telah saya katakan, mereka ini gagal hendak menjaga hati pengurus-pengurus kilang. Barangkali elok juga saya terangkan maksud menjaga hati pengurus kilang ini. Kita terpaksa membawa mereka ini pergi ke kelab malam dan berbagai-bagai lagilah yang saya fikir tidak patut saya terangkan satu-persatu. Jadi itulah sebab bumiputera kita ini tidak mampu untuk hendak memberi layanan istimewa atau menjaga hati pengurus-pengurus kilang ini yang menurut budi-bicara merekalah yang mengeluarkan kontrak untuk mengangkut pekerja-pekerja kilang, maka dengan sebab itu pihak bumiputera tidak dapat bersaing dalam bidang pengangkutan bas-bas kilang ini. Inilah masalah yang besar yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha bas kilang bumiputera.

Dalam hubungan ini, saya suka mencadangkan Kerajaan patutlah mengadakan satu perlindungan kepada pengusaha-pengusaha bas kilang bumiputera. Dengan adanya perlindungan ini saya yakin barulah pihak pengusaha bumiputera boleh masuk dalam bidang ini, maksud saya dengan perlindungan ini ialah mengadakan sistem kuota dalam pengeluaran permit bas kilang ini.

Kalau dalam pengeluaran permit teksi dan permit lori-lori kelas A dan B Kerajaan boleh mengadakan sistem kuota, saya tidak nampak mengapa dalam mengeluarkan permit-permit bas kilang ini pihak Kerajaan tidak boleh mengadakan sistem kuota. Saya suka mencadangkan supaya Kerajaan daripada sekarang mengadakan sistem kuota dalam pengeluaran permit bas kilang sehingga permit-permit bas kilang yang dipunyai oleh bumiputera ini sampai atau mencapai angka yang sama dengan permit-permit bas kilang

yang dipunyai oleh yang bukan bumiputera; kalau tidak saya yakin pengusaha-pengusaha yang ada ini pun akan gulung tikar tidak lama lagi.

Tuan Pengerusi, saya juga suka menyentuh tentang pengeluaran permit teksi untuk Lapanganterbang Pulau Pinang. Setakat ini telah saya difahamkan lebih 100 permit telah dikeluarkan. Apa yang terjadi masalah ialah bilangan teksi adalah lebih daripada penumpang. Lapanganterbang Bayan Lepas Pulau Pinang tidak samalah seperti Lapanganterbang Antarabangsa di Kuala Lumpur di mana banyak syarikat-syarikat penerbangan, boleh dikatakan berpuluh buah syarikat penerbangan yang mengadakan perkhidmatan di Lapanganterbang Kuala Lumpur. Sebaliknya di negeri Pulau Pinang tersebut hanya tidak sampai 10 syarikat penerbangan yang mengadakan perkhidmatan di sana kerana penumpang di sana kurang. Jadi, akibatnya permit-permit yang dikeluarkan kepada pemandu iaitu pemandu yang menjadi pemunya teksi tersebut yang mendapat pinjaman MARA tidak dapat membayar ansuran atau gagal membayar ansuran kepada MARA kerana sehabis banyak mereka dapat 4 trip dan satu trip daripada Lapanganterbang Pulau Pinang ke bandaraya hanya \$9.60 iaitu menggunakan sistem kupon. Kalau 4 trip baharu berjumlah \$36, habis banyak mereka boleh dapat \$40.00. Kalau ditolak dengan bayaran untuk ansuran dan sebagainya kadang-kadang hanya gaji pemandu tadi yang boleh dibelanjakan tidak sampai \$5.00, inilah masalah yang mereka hadapi.

Dalam hubungan ini, saya berharap pihak Kementerian akan dapat memberhentikan pengeluaran permit teksi untuk Lapangan terbang itu daripada sekarang ini juga, kalau tidak harus permit yang dikeluarkan ini tidak akan digunakan kerana mereka

ini tidak boleh hidup dengan hanya 4 trip, sehabis banyak 5 trip pada satu hari.

Jadi, inilah sahaja, Tuan Pengerusi, yang hendak saya kemukakan dan saya ucapkan terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Baling.

3.44 ptg.

Tuan Haji Seroji bin Haji Harun (Baling): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih atas kesudian Tuan Pengerusi memberi kebenaran kepada saya turut mengambil bahagian dalam peringkat Jawatankuasa bagi meluluskan peruntukan Kementerian Perusahaan Awam sebanyak \$705,751,530 bagi belanja Pengurusan dan Pembangunan.

Tuan Pengerusi, saya suka membahar muka surat 347, Butiran 1200 ialah Pentadbiran Am dan Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan yang berjumlah sebanyak \$529,100.

Saya mengucapkan terima kasih di atas sikap dan dasar tegas yang telah dibuat oleh Kementerian Perusahaan Awam mengenai pengeluaran lesen secara pandu sendiri teksi-teksi yang mana benar-benar menolong dan memberi peluang kepada mereka yang sentiasa hidup bergantung dengan secara memandu kereta, yang mana sistem ini akan dapat diteruskan kepada keluarga dan anaknya manakala kematian atau keuzuran berlaku kepada pihak pemiliknya. Tuan Pengerusi, saya berharap Kementerian juga akan membenarkan kepada seorang pemandu yang kedua bagi sebuah kereta itu supaya dapat menggantikan manakala pihak pemandu dan pemilik kereta teksi tersebut berlaku keuzuran sebagai menjalankan tugas kereta yang

dimiliki supaya penumpang tidak menjadi kesusahan dan tanggungan-tanggungan membiayai kereta dan membayar hutang mereka dapat dibayar, kerana mereka ini kebanyakan berhutang dengan pihak MARA.

Tuan Pengerusi, kita telah dapati banyak kereta-kereta bas persiaran telah pun digantung dan dibatal peritnya yang mana kebanyakan hak kepunyaan bumiputera lantaran salah guna oleh pihak menyewa permit mereka atau kekurangan kecekapan menjalankan perkhidmatan sebagai pemilik baharu lesen tersebut. Oleh itu saya berharap jika ada syarikat yang mempunyai ahli ramai khususnya syarikat bumiputera yang membuat rayuan eloklah dikaji semula dan diberi pertimbangan sewajar supaya mereka dapat membetulkan semula perniagaan mereka juga kerana ada setengah di antara mereka mempunyai tanggungan hutang terhadap finance dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, perkara kedua iaitu P. 34, muka surat 350, Butiran 4 Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA).

Saya berharap pihak UDA akan dapat membeli tanah-tanah untuk projek di seluruh pekan di Malaysia ini dan mencari jalan berusaha membangunkan tanah-tanah wakaf yang sedia ada di negeri-negeri terutama sekali di Pulau Pinang. Pihak UDA hendaklah memberi kerjasama yang lebih baik lagi kepada mana-mana syarikat bumiputera atau bumiputera perseorangan yang berkehendakkan mendirikan sama sebuah bangunan ataupun sebagainya untuk kemajuan perniagaan mereka. Oleh itu saya berharap rancangan UDA untuk mendirikan bangunan kedai tiga tingkat dengan usahasama dengan pihak syarikat Pengangkutan Melayu Baling itu dapat didirikan segera supaya Baling juga akan

beransur maju sepertimana pekan-pekan lain, juga Baling telah dilalui oleh Lebuhraya Timur/Barat.

Tuan Pengerusi, buat akhira berhubung dengan pengeluaran permit bas untuk Lebuhraya Timur-Barat yang sedang dalam peringkat temuduga itu saya berharap pihak Kementerian akan memberi kepada mereka yang benar-benar berkelayakan dan dapat menjalankan perkhidmatan tersebut diharap diutamakan kepada syarikat kerjasama atau koperasi yang mempunyai ahli yang banyak yang berpengalaman dalam bidang perkhidmatan bas. Sekian, saya menyokong perbelanjaan Kementerian Perusahaan Awam.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Pasir Mas.

3.47 ptg.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah (Pasir Mas): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian bersama dalam membahaskan peruntukan Kementerian Perusahaan Awam ini. Saya hanya menyentuh dua perkara dalam hal ini iaitu mengenai Maksud B. 34, Butiran 1100, Program (1), Pentadbiran Am dan Maksud P. 34, Butiran 4 Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA).

Tuan Pengerusi, saya rasa mengenai perkara ini kita tidaklah menafikan peranan yang dimainkan oleh UDA dalam menjayakan pembangunan bandar dalam negara ini tetapi saya merasa hairan kerana bagi orang-orang yang berada di Pantai Timur nama UDA itu sendiri adalah tidak popular. Saya rasa UDA ini tidak popular di Pantai Timur disebabkan oleh tidak aktifnya UDA mengambil peranan di bandar-bandar di Pantai Timur khususnya di Kelantan. Jadi, saya berharap dalam masa yang akan datang UDA akan lebih aktif membina bangunan-bangunan sama

ada untuk disewa atau dijual di bandar-bandar terutama sekali di Kelantan. Tetapi suatu hal yang harus saya sebutkan di sini mengenai peranan UDA ini. Di Kelantan kita tahu bahawa peniaga sebahagian besarnya adalah bumiputera yang mereka ini berniaga adalah secara kecil-kecilan. Mereka masih takut untuk menceburkan diri dalam perniagaan secara besar-besaran. Jadi, dengan sebab itu adalah amat penting sekali institusi-institusi Kerajaan khususnya UDA memberi bantuan kepada peniaga-peniaga bumiputera di Pantai Timur khususnya di Kelantan. Dalam usaha UDA membina bangunan-bangunan di Kota Bharu atau mana-mana bandar di Kelantan satu perkara harus ditimbang ialah supaya UDA dapat memberi sedikit keistimewaan kepada peniaga-peniaga bumiputera yang ingin sama turut menyewa atau membeli bangunan-bangunan UDA yang akan dibina nanti.

Saya rasa keistimewaan ini tidaklah berat bagi UDA menimbangkannya, kerana kalau Kerajaan dapat memberikan taraf perintis kepada syarikat-syarikat asing bagi membina kilang-kilang di Malaysia ini, maka tidak ada sebab Kerajaan tidak dapat memberikan keistimewaan kepada bumiputera yang baru hendak masuk ke dalam bidang perniagaan, kerana kita tahu bumiputera ini dalam perniagaan adalah sangat kurang pengalaman. Jadi, kalau mereka tidak dibimbing atau mereka terpaksa bersaing dengan kaum-kaum lain yang sudah begitu maju dalam bidang ini maka sudah tentu mereka kalah, lebih-lebih lagi apabila mereka hendak menyertai sesuatu perniagaan yang besar risikonya maka mereka takut untuk masuk, maka usaha-usaha Kerajaan bagi meningkatkan penyertaan bumiputera dalam ekonomi itu tentulah tidak akan berjaya dan mungkin akan jauh daripada tercapainya hasrat itu.

Dengan sebab itu, saya rasa UDA bolehlah menimbangkan perkara ini dan saya minta kepada pihak Kementerian ini supaya mengarahkan UDA supaya memberikan sedikit sebanyak keistimewaan terutama sekali dalam peringkat awal mereka mengadakan projek-projek di Kelantan.

Tuan Pengerusi, mengenai Lembaga Pelesenan, ingin saya sentuh sedikit mengenai Pengangkutan Lori. Saya teringat perkara ini untuk saya sentuhkan kerana seminggu yang lalu saya bertemu dengan seorang kawan di Kuala Lumpur. Perlu saya sebutkan juga di sini sebenarnya kawan saya ini dari Kedah. Saya bertemu di Kuala Lumpur dan dia mengatakan dia datang dari Mentakab menghadiri suatu perbincangan di mahkamah kerana lorinya disaman sebab muatan lebih.

Daripada keterangan yang saya temui tadi, saya tahu kawan saya itu tidak menjalankan perusahaan pengangkutannya sendiri. Kerana mengapa begitu jauh lori beliau ini berada daripada tempat beliau duduk? Setelah saya menyoal, saya dapati bahawa rupa-rupanya lori ini sebenarnya bukan kepunyaannya, hanya dituliskan sahaja namanya Si Dolah di lori itu. Saya contohkan namanya Si Dolah, bukanlah namanya Si Dolah sebenarnya nama kawan saya itu. Yang sebenarnya permitnya diberikan ataupun di Alibabakan kepada orang lain. Jadi daripada ini dan daripada cerita-cerita yang saya dengar sebelum ini maka dalam Dewan ini Tuan Pengerusi, saya mengambil peluang untuk mengatakan rasa dukacita saya terhadap peristiwa-peristiwa begini yang berlaku terus-menerus sejak dahulu lagi. Nampaknya Kerajaan tidaklah begitu mengambil berat untuk bertindak bagi mengatasi masalah ini walaupun kita tahu banyak

cerita-cerita begini telah dikemukakan dalam surat khabar.

Tuan Pengerusi, dalam masalah ini saya rasa Kementerian Perusahaan Awam tidaklah harus berbangga dengan banyaknya permit atau lesen yang telah dikeluarkan kepada bumiputera sebab kalau kita banci sungguh-sungguh dan saya minta supaya Kementerian ini membuat suatu bancia berapa peratuskah permit yang telah dikeluarkan kepada bumiputera terutama dalam pengangkutan lori yang benar-benar diusahakan sendiri oleh bumiputera. Hasil daripada kajian ini mungkin akan boleh Kerajaan membaiki cara ataupun membuat peraturan-peraturan yang harus dikenakan kepada pemegang-pemegang lesen yang berkenaan sebab kita tidak mahu orang Melayu ataupun bumiputera hanya mendapat \$200 sebulan kerana menyewakan permit lori tetapi orang lain mendapat ribuan ringgit sebulan; Kita yang dapat kerak, orang lain yang dapat isinya. Ini haruslah difikirkan bersama kerana dalam usaha kita meningkatkan pencapaian 30% penyertaan bumiputera dalam bidang ekonomi ini tentulah tidak akan tercapai kalau Kerajaan lalai meneliti atau menyelia perkara-perkara penyelewengan yang berlaku dalam perkara-perkara yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, adalah diharapkan supaya keadaan-keadaan yang tidak mengembirakan kita sebagai rakyat ini, Kerajaan memerhatikan sungguh-sungguh dan mengambil perhatian berat, tidak hanya mengatakannya di dalam surat-khabar sahaja tindakan-tindakan hendak diambil tetapi perkara-perkara itu tidak diambil tindakan. Saya rasa perkara ini tidak diambil tindakan disebabkan oleh pemegang-pemegang permit itu adalah terdiri daripada orang-orang kuat parti, kadang-kadang Menteri yang berkenaan atau orang-orang yang berkenaan rasa takut kepada

pemegang-pemegang permit atau pemegang lesen itu sendiri kerana mereka ialah orang kuat parti walhal dengan keadaan demikian orang-orang yang sungguh-sungguh berminat untuk menjalankan kegiatan perusahaan pengangkutan ini dipersiapkan kerana sikap pegawai-pegawai ataupun Kerajaan demikian.

Hanya sekian, Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang membahaskan Belanjawan ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Jerai.

3.57 ptg.

Tuan Ismail bin Arshad (Jerai): Tuan Pengerusi, saya turut membahaskan di atas Kementerian Perusahaan Awam di dalam B. 34 muka surat 347, Butiran 1100, Program (2) Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan.

Tuan Pengerusi, peruntukan yang dimohon pada tahun ini nampaknya berlebihan daripada tahun 1982 dan perawatannya juga adalah berlebihan dan ini adalah diharap supaya prestasi dan kecekapan pihak Lembaga ini dapat berjalan dengan lebih sempurna.

Sungguhpun demikian, sukalah saya membangkitkan di sini tentang beberapa masalah yang pernah menjadi buah mulut ataupun rungutan-rungutan terhadap beberapa kecekapan di dalam Lembaga Pelesenan ini sendiri. Ini disebabkan oleh kerana permohonan-permohonan yang bertapak-tapak, masih lagi belum selesai kerana kemampuan Lembaga ini sendiri dalam melaksanakannya mungkin agak terbatas ataupun mungkin pihak-pihak yang dipertanggungjawabkannya mempunyai peranan dan tugas yang tidak dapat menumpukan sepenuh tanggungjawab terhadap peranan Lembaga itu sendiri.

Saya pernah dengar daripada Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam sendiri pada satu ketika bahawa beliau mencadangkan akan membawa pindaan terhadap Akta Lembaga Pelesenan ini tetapi sampai masa ini masih lagi belum kita dapati suatu cadangan untuk meminda Aktanya dan untuk membawa satu kecekapan yang lebih baik terhadap peranan yang ada pada masa ini. Saya tidak dapat menyatakan di sini tentang banyaknya kes-kes yang belum diselesai. Walau bagaimanapun, terhadap surat-surat yang disampaikan kepada saya di antaranya ada di depan saya ini yang membuat protes di atas beberapa kelemahan-kelemahan yang sedang dan belum dapat dibereskan di dalam Lembaga ini sendiri. Dan ini termasuklah di antaranya permohonan-permohonan bagi lesen-lesen pengangkutan, perkhidmatan bas dan juga lain-lain yang mana kadangkala mungkin di antara apa yang dikomplenkan itu tidaklah semuanya benar, tetapi jelas juga bahawa di antara kelemahan-kelemahan itu membuktikan suatu pembaharuan perlu dibuat di dalam Lembaga itu sendiri, sama ada perlu meminda Akta Lembaga Pelesenan ini ataupun menyusun semula Lembaga Pelesenan ini agar ianya dapat benar-benar memberi erti kepada harapan Kerajaan yang Bersih, Cekap dan Amanah ini.

Saya juga pernah mengetahui sedikit—sebanyak bahawa banyak permohonan di dalam pelesenan, ada yang setengahnya tidak diberi jawapan dan difailkan begitu sahaja secara berasingan dan sehingga pihak yang telah membuat permohonan itu berulang kali memohon dan menjadikan permohonan itu begitu banyak, sedangkan pemohon adalah satu bagi satu-satu tempat ataupun bagi seseorang yang memohon kerana tidak adanya jawapan yang sepatutnya diberikan maka diulangkali permohonan-permohonan itu dibuat.

Di atas keadaan ini saya rasa amat mendukacitakan dan kalau sekiranya ia tidak dapat diperbetulkan dengan segera mungkin ianya akan berterusan dan membawa beberapa gejala yang tidak baik.

Selain daripada itu, pernah juga kita dapati desas-desus yang mengatakan bahawa sebelum ini ada permohonan-permohonan dan pelesenan-pelesenan yang dikeluarkan secara pintu belakang. Saya tidak dapat memastikan apakah ini sebagai kenyataan benar dan saya harap bagi pihak Kementerian ini dapat membuat penjelasan semoga tuduhan-tuduhan itu tidak memburukkan Kementerian ini ataupun memburukkan kepada konsep Bersih, Cekap dan Amanah yang Kerajaan amalkan sekarang. Walau bagaimanapun, di antara perkara-perkara yang berbangkit itu seharusnya diberikan perhatian langsung dan tidak seharusnya dibiarkan tuduhan-tuduhan itu begitu sahaja yang boleh membawa prasangka yang buruk terhadap Lembaga ini sendiri, sedangkan harapan kepada matlamat peranan Lembaga ini sendiri adalah amat tinggi, terutama sekali untuk dapat mencapai matlamat di bawah Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya juga ingin mendapat penjelasan daripada pihak Kementerian ini apakah benar bahawa pada masa ini terdapat lebih daripada 657 permohonan yang telah diwartakan ataupun digezetkan bagi permohonan-permohonan bas-bas berhenti ataupun bagi permohonan bas-bas ekspres, yang belum diambil tindakan untuk ditemuduga atau sebagainya kerana mungkin apa yang berlaku itu disebabkan oleh beberapa hal yang saya sebutkan tadi iaitu tentang sejauh manakah dapat Lembaga itu memberi pertumpuannya terhadap permohonan-permohonan yang ada. Apa yang menjadi masalah ialah

kadangkala permohonan-permohonan itu kononnya ditolak begitu sahaja tanpa diberi pertimbangan yang adil ataupun ditemuduga ataupun dipanggil untuk mengemukakan kes-kes itu. Kalau inilah yang berlaku ianya menimbulkan satu prasangka yang tidak baik. Dan dengan itu, haruslah pihak Kementerian, khususnya Lembaga Pelesenan ini mengambil perhatian yang agak serius.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Ulu Nerus.

4.04 ptg.

Tuan Mamat bin Abdul Rahman (Ulu Nerus): Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh beberapa perkara di bawah Kepala P. 34, Butiran (1) Pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) yang berjumlah \$130.6 juta, muka surat 349.

Tuan Pengerusi, sehingga Disember, 1981 Kerajaan Persekutuan telah mengeluarkan pinjaman sebanyak \$1,258 juta kepada PKEN bagi membiayai berbagai-bagai projek sosio-ekonomi dan pelaburan. Ini membuktikan bahawa sungguhpun PKEN-PKEN adalah merupakan jentera Kerajaan-kerajaan Negeri, Kerajaan Pusat juga adalah memainkan peranan penting di dalam membiayai dan menyokong peranan dan kegiatan mereka di negeri-negeri. Sokongan itu adalah menggambarkan dengan jelasnya perhatian berat dan sikap serius Kerajaan Pusat terhadap kepentingan PKEN-PKEN sebagai jentera yang utama bagi mempelopori dan menjayakan pembangunan sosio-ekonomi Negeri amnya dan Dasar Ekonomi Baru khususnya, memandangkan PKEN-PKEN adalah ditubuhkan sebagai agensi yang memegang amanah kepada kepentingan bumiputera di negara ini.

Tidaklah dapat dinafikan bahawa PKEN-PKEN telah banyak

menyumbangkan kepada pembangunan sosio-ekonomi dan pencapaian Dasar Ekonomi Baru sehingga hari ini. Walau bagaimanapun, beberapa perkara berhubung dengan keupayaan pelaburan dan masalah PKEN-PKEN masih lagi memerlukan perhatian serius daripada Kerajaan, khususnya Kementerian.

Tuan Pengerusi, angka-angka ada menunjukkan bahawa keupayaan melaksanakan projek dan pengendalian pelaburan oleh PKEN-PKEN umumnya masih lagi perlu ditingkatkan melalui usaha-usaha yang terencana dan bersistematik sekiranya peranan-peranan PKEN-PKEN hendak ditingkatkan dan diperkesankan lagi bagi mencapai matlamat yang lebih besar di masa akan datang.

Tuan Pengerusi, pertamanya, di dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga PKEN-PKEN hanya dapat membelanjakan sebanyak \$493.17 juta sahaja daripada jumlah \$662.7 juta yang diperuntukkan kepada mereka. Keupayaan perbelanjaan sebanyak \$493.17 juta ini adalah berupa 44% sahaja daripada peruntukan bagi PKEN-PKEN dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat yang berjumlah \$1,126 juta iaitu pertambahan lebih sekali ganda.

Kedua, sehingga ini PKEN-PKEN telah menubuhkan sebanyak 321 buah syarikat-syarikat anak dengan jumlah ekuiti sebanyak \$564 juta. Daripada jumlah syarikat-syarikat itu hanya 146 buah atau 45% sahaja yang berjaya mencapai keuntungan setakat ini, sementara 41 buah atau 17% telah ditutup kerana menghadapi berbagai masalah yang membawa kepada kegagalan. Bakinya sebanyak 135 buah atau 42% masih lagi sama ada mengalami kerugian ataupun masih belum beroperasi. Angka-angka itu dengan jelas menunjukkan bahawa bukan sahaja PKEN-PKEN

menghadapi masalah melaksanakan projek yang telah dirancangan tetapi yang lebih penting lagi ialah tentang had-had kebolehan dan kecekapan mereka menguruskan operasi-operasi pelaburan mereka. Apa yang membimbangkan kita, sekiranya masalah kekurangan keupayaan itu tidak diatasi segera dengan berkesan, ialah bukan sahaja kemungkinan PKEN-PKEN akan terus mengalami 'shortfalls' dalam pelaksanaan projek-projek baru yang semakin bertambah yang dirancangan di dalam Rancangan Malaysia Keempat, tetapi yang lebih penting lagi, Tuan Pengerusi, ialah tentang kemungkinan lebih banyak projek dan syarikat-syarikat anak mereka yang akan gagal dan mengalami kerugian di masa-masa yang akan datang yang boleh mendatangkan berbagai implikasi yang tidak diingini.

Tuan Pengerusi, pada pandangan saya kelemahan-kelemahan di dalam pelaksanaan dan pengurusan projek serta syarikat-syarikat anak PKEN-PKEN umumnya disebabkan oleh beberapa faktor.

PKEN-PKEN umumnya masih lagi tidak mempunyai cukup tenaga pengurusan dan iktisad di dalam bidang perancangan dan pelaksanaan projek-projek, terutamanya di kalangan PKEN-PKEN yang lebih kecil. Mereka masih lagi terpaksa meminjamkan pegawai-pegawai PKEN sendiri untuk menguruskan syarikat-syarikat anak dan operasi perniagaan mereka. Mereka kurang menyediakan daya tarikan untuk menarik pengurus-pengurus dari luar sektor awam iaitu daripada sektor swasta untuk mengendalikan projek-projek dan syarikat-syarikat anak mereka disebabkan oleh struktur gaji dan sistem imbuhan mereka yang kurang menarik. Sebagai contoh, Tuan Pengerusi, struktur gaji dan syarat-syarat perkhidmatan syarikat-syarikat anak PKEN lazimnya adalah

ditetapkan oleh pihak-pihak dalam PKEN sendiri dan sangat kuat dipengaruhi dan terikat dengan struktur imbuhan-imbuhan dan syarat-syarat perkhidmatan PKEN-PKEN itu sendiri yang sebaliknya sangat kuat terikat dengan syarat-syarat perkhidmatan dan sistem imbuhan Kerajaan sendiri.

Tuan Pengerusi, amalan ini adalah satu drawback yang paling besar terhadap kesediaan tenaga pengurusan dari sektor swasta memasuki perkhidmatan dalam sektor awam dan bertentangan sama sekali dengan logik bahawa sekiranya PKEN-PKEN hendak memperkukuhkan dan meningkatkan lagi kejayaan projek-projek dan operasi-operasi perniagaan mereka, maka mereka hendaklah mendapatkan tenaga pengurusan yang lebih bermutu, lebih cekap dan lebih berpengalaman dan kerana itu hendaklah bersedia membayar harga pasaran yang sewajarnya dan competitive terhadap tenaga pengurusan sebagaimana halnya yang berlaku di dalam sektor swasta.

Tuan Pengerusi, pendedahan dan konteks tenaga pengurusan dan kakitangan Syarikat-syarikat PKEN dengan Syarikat-syarikat swasta juga adalah sangat terhad dan kerana itu menghadkan peluang-peluang mereka mempelajari selok-belok, rahsia-rahsia dan perhubungan perniagaan dengan syarikat-syarikat swasta.

Syarikat-syarikat PKEN biasanya banyak mengamalkan perniagaan sesama sendiri iaitu intra-trading, dan kerana itu mereka kurang terdedah kepada realiti-realiti perniagaan yang sebenarnya adalah sangat competitive, penuh cabaran-cabaran dan risiko-risiko dari segi pengeluaran, pasaran, kos, harga kecekapan membuat keputusan-keputusan dan sebagainya. Ini menjadikan banyak syarikat-syarikat anak, PKEN tidak competitive dan versatile, dan kerana

itu mereka sering "lose out" kepada syarikat-syarikat swasta di dalam perniagaan mereka.

Sebagai faktor yang lain pula, kebanyakan syarikat-syarikat anak PKEN sebagaimana halnya dengan syarikat-syarikat awam yang lain umumnya adalah kurang mengamalkan accountability terhadap kesalahan-kesalahan, kesilapan-kesilapan dan termasuk juga amalan-amalan curang, kelemahan-kelemahan, kegagalan-kegagalan dan prestasi yang tidak memuaskan di kalangan tenaga pengurusan dan pekerja-pekerja mereka. Mereka terlalu toleransi terhadap faktor-faktor ini dan tindakan-tindakan disiplin, pembuangan kerja dan lain-lain dan sebagainya adalah menjadi satu kesukaran untuk dilaksanakan walaupun tidak dihalang. Di dalam hal ini bolehlah dikatakan bahawa syarikat-syarikat PKEN perlulah mengamalkan satu dasar "hiring and firing" yang sesuai dengan reality dunia perniagaan yang diceburi oleh mereka.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya berpendapat penyusulan, pengawasan dan kawalan-kawalan yang bersisemetik berterusan dan berkesan terhadap prestasi dan masalah-masalah projek-projek dan operasi syarikat-syarikat anak dan pelaburan-pelaburan mereka juga umumnya merupakan satu masalah yang dihadapi oleh PKEN-PKEN kerana kurangnya tenaga yang berkelayakan dan berpengalaman yang ada kepada mereka untuk mengendali dan menjayakan fungsi ini. Dengan hal yang demikian itu, laporan-laporan dan analisa-analisa yang tepat, cepat dan berterusan terhadap prestasi syarikat-syarikat anak tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan. Banyak masalah-masalah yang tidak dapat dikesan terlebih awal, kecuali setelah timbul dengan mendadak dan kerana itu

perancangan-perancangan mereka biasanya adalah bersifat "planning under pressure", dengan izin, dan bukannya "planning in anticipation", dengan izin, juga, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, saya bimbang sekiranya kekurangan-kekurangan, kelemahan-kelemahan dan masalah-masalah ini tidak diatasi segera, maka peruntukan-peruntukan Kerajaan kepada PKEN-PKEN tidak akan dapat memberikan hasil yang berkesan dan mendatangkan faedah-faedah maksima yang diharapkan. Kita adalah mengharapkan agar pinjaman-pinjaman Kerajaan kepada PKEN-PKEN akan dapat digunakan dengan mendatangkan keuntungan-keuntungan sosio-ekonomi dan perniagaan yang maksima supaya dengan itu pinjaman-pinjaman tersebut akan dapat dibayar balik mengikut jadualnya untuk dipusingkan kembali oleh Kerajaan bagi kegunaan-kegunaan seterusnya, dan yang terlebih penting lagi supaya di dalam jangka panjang PKEN-PKEN akan dapat meningkatkan tabungan mereka dengan sebanyak-banyaknya hasil daripada keuntungan-keuntungan perniagaan mereka dan kerana itu mereka tidaklah selama-lamanya akan terus terlalu bergantung kepada punca-punca kewangan daripada Kerajaan semata-mata. PKEN-PKEN dalam jangka panjang hendaklah lebih berupaya berdikari dalam bidang kewangan iaitu bagi mereka mencapai matlamat 'financial sustainability', dan kedudukan kewangan yang teguh untuk membiayai projek-projek mereka yang akan bertambah bagi memenuhi kehendak-kehendak rakyat yang juga akan bertambah. Kerugian-kerugian di dalam pelaburan PKEN-PKEN akan hanya mengurangkan tabungan mereka dan sebaliknya meningkatkan tanggungan-tanggungan mereka dan mereka tidak akan terlepas daripada ikatan hutang dan terus bergantung kepada Kerajaan.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat Kementerian Perusahaan Awam patutlah memandang serius dan membantu PKEN-PKEN berusaha bersungguh-sungguh untuk mewujudkan cukup kumpulan pengurusan ataupun managerial group bagi meningkatkan keupayaan pelaksanaan dan pengendalian, pertambahan projek-projek yang lebih banyak yang akan lebih besar dan lebih kompleks di masa-masa yang akan datang.

Program-program latihan tenaga pengurusan dan kakitangan-kakitangan penting PKEN-PKEN dan syarikat-syarikat anak mereka patutlah mengambil strategi baru.

Saya mengesyorkan supaya selain daripada latihan-latihan yang diadakan di dalam sektor awam sendiri, Kerajaan juga patutlah mengadakan program latihan kerjasama dengan swasta di mana pengurus-pengurus dan kakitangan-kakitangan penting awam diatur untuk dilatih di dalam syarikat-syarikat swasta yang berjaya sama ada bumiputera ataupun bukan bumiputera dan di Perbadanan-perbadanan multi-national yang banyak terdapat di negara ini bagi membolehkan mereka mendapat pendedahan, mempelajari dan menguasai teknik-teknik dan kemahiran-kemahiran pengurusan di samping menggalakkan konteks dan perhubungan perniagaan yang lebih luas di antara kedua-dua pihak. PKEN-PKEN sendiri juga patutlah digalakkan bekerjasama dan saling bantu-membantu sesama sendiri di dalam program latihan dan perkongsian pengalaman dan kemahiran oleh kerana di kalangan mereka memang terdapat beberapa PKEN yang jauh lebih maju dan lebih berjaya berbanding dengan PKEN-PKEN yang lain.

Tuan Pengerusi, pada masa ini masih lagi terdapat kritikan-kritikan

asas terhadap PKEN, seperti anggapan bahawa mereka bersaing dengan pengusaha-pengusaha bumiputera dan lain-lain.

Saya berpendapat kritikan-kritikan ini pada pokoknya adalah disebabkan oleh beberapa kelemahan-kelemahan dan kegagalan-kegagalan PKEN sendiri di masa-masa yang lalu dan juga kerana mereka belum lagi berjaya sepenuhnya menyediakan strategi dan melaksanakan program-program yang menyeluruh dan berkesan terhadap peranan mereka bagi membantu dan memayungi usahawan-usahawan bumiputera. Sungguhpun.

Tuan Pengerusi: Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Mamat bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, cuma ada satu paragraph lagi.

Tuan Pengerusi: Tutupkan.

Tuan Mamat bin Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sungguhpun sebenarnya mereka ada memainkan peranan-peranan ini. Kementerian Perusahaan Awam hendaklah menentukan supaya PKEN-PKEN menggiatkan lagi usaha-usaha mereka ke arah ini supaya anggapan salah ini dapat dihapuskan dan dengan itu mengembalikan respectability PKEN-PKEN di kalangan bumiputera. Saya berpendapat hanya kejayaan-kejayaan dan bukti-bukti yang konkrit sahajalah yang akan dapat mewujudkan penghormatan dan penerimaan bumiputera terhadap PKEN-PKEN. Penghargaan dan penghormatan tidak dapat diperolehi melalui paksaan atau rujukan dan sama sekali tidak dapat diperolehi sekadar melalui pernyataan dasar-dasar dan objektif-objektif manis semata-mata.

Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi: Saya meminta Menteri yang berkenaan menjawab.

4.20 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Hussein bin Mahmud): Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada sahabat-sahabat dan rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini sejak petang semalam kerana telah menyertai perbincangan-perbincangan mengenai Kementerian Perusahaan Awam.

Sebelum daripada itu, Tuan Pengerusi, saya ingin memberi sedikit penjelasan umum berkenaan dengan peruntukan Belanjawan Kementerian Perusahaan Awam bagi tahun 1983. Seperti yang dapat dilihat daripada kertas-kertas yang telah diedarkan jumlah peruntukan bagi Kementerian ini ialah sebanyak \$705,751,530 iaitu sebanyak \$254,410,500 untuk Belanja Mengurus dan \$451,341,030 untuk Belanja Pembangunan. Jumlah ini adalah berkurangan daripada peruntukan tahun 1982 dan kekurangan peruntukan melibatkan semua agensi-agensi di bawah Kementerian Perusahaan Awam. Peruntukan untuk 3 buah syarikat di bawah Kementerian saya, iaitu Syarikat Jengka Sendirian Berhad (SJSB), Syarikat Perusahaan Makanan Malaysia Berhad (FIMA), Limbungan Kapal dan Kejuruteraan Malaysia Sendirian Berhad (MISC) telah tidak diberi peruntukan langsung kecuali peruntukan tanda sebanyak \$10 sahaja. Peruntukan-peruntukan untuk agensi-agensi lain juga telah dipotong jika dibandingkan dengan peruntukan tahun 1982. Potongan peruntukan bagi Kementerian Perusahaan Awam ini dan agensi-agensi di bawahnya dibuat kerana dua sebab utama.

Pertama, selaras dengan dasar Kerajaan untuk berjimat cermat, Kementerian saya telah menilai

semula semua projek-projek yang dirancangan bagi menentukan keutamaan masing-masing. Bagi mengurangkan perbelanjaan Kerajaan hanya projek-projek yang mempunyai keutamaan tinggi sahaja yang akan dilaksanakan oleh agensi-agensi Kementerian saya. Dalam menentukan senarai keutamaan ini Kementerian saya memberi perhatian berat kepada projek-projek penyusunan semula masyarakat. Ini bermakna potongan-potongan yang telah dibuat tidak akan menjejaskan pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Sebab yang kedua pula kenapa peruntukan Kementerian Perusahaan Awam telah berkurangan ialah kerana Kementerian saya telah menilai semua strategi-strategi pelaksanaan bagi membolehkan agensi-agensi di bawah Kementerian saya menggunakan unsur-unsur kewangan luar dan tidak bergantung semata-mata kepada bantuan dan pinjaman Kerajaan sahaja. Hampir semua agensi-agensi perusahaan awam telah ditubuhkan lebih daripada 10 tahun dahulu di mana semasa penubuhannya agensi-agensi ini bergantung penuh kepada sokongan dan bantuan Kerajaan. Sedikit demi sedikit agensi-agensi ini digalakkan supaya berusaha sendiri dan mencari punca kewangan dari pasaran terbuka. Dalam masa perkembangan agensi-agensi ini selama lebih daripada 10 tahun kebanyakannya telah pun mendapat kepercayaan institusi-institusi kewangan di pasaran terbuka dan beberapa agensi ini telah pun mula meminjam daripada institusi-institusi ini selain daripada meminjam daripada Kerajaan Persekutuan.

Untuk tahun hadapan, yakni tahun 1983, Kerajaan telah mengeluarkan arahan kepada semua agensi-agensi ini supaya mendapat pinjaman daripada pasaran terbuka dengan lebih meluas lagi dan jika diperlukan Kerajaan

Pusat sanggup memberi jaminan kepada semua pinjaman-pinjaman ini. Di samping pinjaman-pinjaman, agensi-agensi ini juga boleh menggunakan unsur-unsur kewangan sendiri (internally generated fund). Oleh yang demikian peruntukan kewangan seperti yang ternyata dalam kertas-kertas yang telah diedarkan tidak memberi gambaran sepenuhnya terhadap usaha-usaha agensi-agensi di bawah Kementerian saya kerana ianya hanya memberi gambaran kasar terhadap peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Pusat sahaja. Agensi-agensi ini akan melaksanakan program-program mereka dengan lebih aktif lagi melalui punca kewangan daripada unsur-unsur lain.

Dengan penjelasan yang telah saya berikan di atas saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat akan memahami dan tidak merasa bimbang dengan peruntukan yang berjumlah hanya sebanyak \$140.677 juta sahaja bagi Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri yang menunjukkan kekurangan lebih daripada 50% jika dibandingkan dengan peruntukan tahun 1982.

Peruntukan untuk Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) juga berkurangan, iaitu hanya sebanyak \$225,604,000 bagi rancangan-rancangan pembangunannya. Sebab-sebab kekurangan ini adalah juga sama seperti yang telah saya jelaskan di atas tadi. UDA akan melaksanakan dengan sepenuhnya program-program pembangunan semula Bandar Kuala Lumpur dengan pelaksanaan projek-projek Dayabumi dan Sinar Kota. Seperti yang diketahui umum projek Dayabumi merupakan projek raksaksa di bawah program ini. Sepanjang tahun Belanjawan 1983 sebahagian besar daripada kerja-kerja pembinaan akan dapat dibuat. Projek ini dijangka akan dapat siap menjelang akhir tahun 1984. Seperti projek Dayabumi, projek Sinar Kota

akan membangunkan semula satu tapak lama yang strategik di Bandaraya dan peruntukan sebanyak \$9 juta telah dibuat untuk projek ini dalam tahun 1983.

Di bawah program Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) keperluan untuk mendapatkan gudang-gudang tambahan dan gudang-gudang bagi menggantikan gudang-gudang lama yang uzur untuk penyimpanan beras keselamatan negara adalah diutamakan. Saya berharap dalam jangka panjang pembinaan gudang-gudang ini akan dapat mengatasi masalah menyewa di mana LPN membelanjakan di antara \$4 juta hingga \$5 juta setahun untuk menyewa gudang-gudang swasta dan gudang-gudang agensi-agensi Kerajaan yang lain bagi tujuan penyimpanan beras. Di samping itu LPN juga akan mempertingkatkan kemudahan pengilangan dan pengeringan padi.

Sekarang, Tuan Pengerusi, suka saya menyentuh sedikit sebanyak tentang perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbincangan peruntukan Belanjawan Kementerian ini. Secara kasarnya perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah saya sebutkan mereka itu pada awal tadi di dalam 5 bidang:

- (a) Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan LPPJ);
- (b) Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri;
- (c) Bank Pembangunan Malaysia Berhad;
- (d) Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN); dan
- (e) Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA).

Pertama sekali biarlah saya mengulas tentang perkara-perkara

berkaitan dengan perjalanan Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan (LPPJ). Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar membangkitkan soal pengeluaran teksi di Wilayah Persekutuan. Mengikut dasar 'pemilik pandu sendiri' yang diikuti sekarang memanglah keutamaan diberi kepada pemandu-pemandu teksi yang mempunyai pengalaman. Walau bagaimanapun, di Bandar Kuala Lumpur ini terlalu ramai pemandu-pemandu yang mempunyai pengalaman membawa teksi lebih daripada 10 tahun. Oleh kerana pengeluaran permit teksi adalah terhad, keutamaan lebih adalah diberi kepada mereka yang mempunyai lebih lama pengalaman memandu teksi. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, perhitungan-perhitungan yang tertentu adalah diberikan kepada bekas-bekas Angkatan Tentera ataupun bekas-bekas yang bertugas dengan Angkatan Bersenjata negara.

Kepada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh, ingin saya tegaskan di sini bahawa Kementerian saya memandang berat ke atas mana-mana pengusaha pengangkutan yang melakukan sebarang penyelewengan permit. Kementerian saya telah pun mengambil tindakan-tindakan keras, seperti menggantung atau menarik balik permit yang telah diberi. Kementerian saya akan menyelidiki perkara ini dan sekiranya terdapat perkara-perkara seperti ini berlaku sebagaimana disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu semalam, iaitu terdapatnya mengikut dakwaan beliau pengusaha-pengusaha mempunyai 40 permit sama ada disewa ataupun dibeli secara tak rasmi daripada tuanpunya-tuanpunya permit. Kementerian saya tidak akan teragak-agak untuk menarik balik permit berkenaan kiranya maklumat disampaikan kepada Kementerian saya. Dengan hal ini kerjasama daripada orangramai

adalah diperlukan untuk memberi maklumat-maklumat terus kepada pihak Kementerian ataupun LPPJ.

Kepada Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar sukalah saya maklumkan bahawa sungguhpun dasar 'pemilik pandu sendiri' dilaksanakan, pelaksanaannya dibuat untuk menolong, bukan untuk menyusahkan. Ertinya permit-permit yang diberi tidaklah ditarik balik secara automatik apabila pemegang permit meninggal dunia. LPPJ terlebih dahulu menyasiat kedudukan keluarga pemegang permit dengan pertolongan Jabatan Pengangkutan Jalan. Sekiranya didapati keluarga simati semata-mata bergantung hidup kepada pendapatan dari perusahaan teksi maka permit teksi berkenaan tidak akan ditarik balik oleh LPPJ dan ini merupakan amalan biasa Kementerian ini dan pernah pun dilakukan.

Yang Berhormat dari Bagan Datok pula ada menyebut tentang ekspres Lebuhraya Timur-Barat dan di samping Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok, Ahli Yang Berhormat dari Baling juga sekejap tadi ada menyentuh mengenai laluan bagi bas ekspres Timur-Barat, yakni sepanjang Pulau Pinang ke Kota Bharu atau jalan-jalan sekitarnya. LPPJ dalam hal ini telah menerima sejumlah 371 permohonan untuk mendapat permit perkhidmatan bas ekspres di Lebuhraya Timur-Barat. Kesemua permohonan-permohonan ini diwartakan. LPPJ sekarang ini sedang menjalankan temuduga kelayakan ke atas semua pemohon-pemohon untuk mengetahui latar belakang dan kemampuan syarikat-syarikat yang membuat permohonan dari segi modal, pengalaman dan keupayaan mengendalikan syarikat bas ekspres. Temuduga kelayakan ini akan selesai pada 26hb November ini dan pemohon-pemohon yang layak akan dipanggil untuk perbicaraan.

Perbicaraan dijadualkan bermula pada minggu ketiga bulan Disember, 1982. Adalah diharapkan perkhidmatan bas ekspres di Lebuhraya Timur-Barat ini akan dapat dimulakan pada awal tahun 1983.

Mengenai soal "mengAli-Baba" permit, Kementerian saya akan tidak teragak-agak untuk menarik balik permit berkenaan apabila dibuktikan. Ini bukan sahaja terhad kepada permit teksi, permit bas dan semua jenis permit yang dikeluarkan oleh Lembaga Pengangkutan Jalan (LPPJ) di bawah Kementerian Perusahaan Awam sepertimana yang disebut oleh seorang dua Ahli Yang Berhormat sekejap tadi.

Kementerian saya juga mengawasi dan mengawal setiap permohonan untuk menukar nama atau struktur ekuiti syarikat supaya syarikat-syarikat bumiputera tidak dijual kepada bukan bumiputera.

Manakala mengenai perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Dungun pula, saya ingin menjelaskan bahawa permit-permit sementara di hujung minggu yakni untuk bas-bas sekolah, memang ada diberi kepada pengusaha-pengusaha bas sekolah tersebut tetapi sekiranya ini meimbulkan masalah kepada pengusaha-pengusaha bas yang lain dan juga kepada pemandu-pemandu teksi Kementerian saya adalah bersedia mengadakan perbincangan mencari jalan untuk mengatasinya.

Di samping itu juga, ingin saya merujuk kepada perkara-perkara yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau sekejap tadi mengenai kuota bas kilang. Mungkin Ahli Yang Berhormat tersebut telah secara langsung atau secara tidak langsung bermaksud kepada bas-bas kilang yang hendak dikeluarkan kepada negeri Pulau Pinang. Insha Allah perkara ini kita

ambil perhatian. Juga mengenai memberhentikan pemberian permit untuk Lapangan terbang di Pulau Pinang. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat tersebut kerana ini akan mengurangkan sedikit beban pihak LPPJ kerana kami selalu mendapati permohonan-permohonan untuk menambahkan permit-permit teksi bukan sahaja di Lapangan terbang Pulau Pinang bahkan juga di tempat-tempat lain, sekurang-kurangnya sebahagian daripada masalah bagi permit-permit Lapangan terbang Pulau Pinang di Bayan Lepas ini telah tolong dapat diselesaikan oleh cadangan tadi.

Perkara yang seterusnya ialah mengenai pemandu yang kedua yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Baling. Perkara ini insya Allah kita akan timbangkan mengikut merit case masing-masing.

Seterusnya Ahli Yang Berhormat dari Jerai ada menyebut mengenai terdapatnya permohonan-permohonan lesen yang tidak mendapat jawapan. Saya mengharapkan supaya kiranya ada mana-mana pihak yang belum mendapat jawapan dalam jangka masa yang menasabah, silalah berhubung dengan pihak-pihak yang berkenaan. Mungkin, saya katakan "mungkin" surat itu sudah sampai tetapi tidak berjawab dan di samping itu juga kita tidak boleh dapat menolak kemungkinan bahawa permohonan-permohonan itu tidak pernah sampai kepada pihak LPPJ.

Ahli Yang Berhormat dari Jerai juga ada menyebut mengenai lesen-lesen. Sebenarnya beliau menyatakan bahawa beliau pernah mendengar bahawa sebelum daripada ini ada kemungkinan lesen-lesen dikeluarkan melalui pintu belakang.

Tuan Pengerusi, saya dan juga LPPJ adalah amat berterima kasih sekiranya

mana-mana pihak dapat memberi maklumat dalam perkara ini, insya Allah kita akan ambil tindakan yang sesuai sekiranya terdapatnya pintu, insya Allah pintu ini kita akan tutup dan sekiranya terdapat orang-orang yang membuka pintu, insya Allah pembuka pintu ini kita akan ambil tindakan yang sesuai hatta kepada tindakan disiplin.

Seterusnya Ahli Yang Berhormat dari Jerai juga ada menyebut mengenai permohonan yang ditolak tanpa temuduga.

Tuan Pengerusi, perkara ini sekali-sekala kita dapati kerana di antaranya ialah yang pertama: borang tidak lengkap kerana kita menganggapkan terutama sekali bagi permohonan-permohonan permit lori sama ada lori 'A', lori 'C' atau permohonan-permohonan bagi bas sama ada bas ekspres, bas pelancung, bas sekolah ataupun bas kilang, kita mengharapkan pemohon-pemohon itu sepatutnya memenuhi segala syarat yang dikehendaki di dalam borang-borang tersebut. Juga sekiranya sepertimana kita mengeluarkan iklan seperti bas ekspres Timur-Barat, kita telah menutup tarikh iklan itu pada 15hb Oktober, umpamanya, sekiranya sebarang permohonan sampai kepada kami; 'kami' di sini ertinya LPPJ, selepas 15hb Oktober, dengan dukacitanya di maklumkan bahawa permohonan ini akan ditolak tanpa perbincangan atau tanpa diberi pertimbangan langsung kerana tidak mematuhi syarat-syarat yang diiklankan itu.

Tuan Pengerusi, isu yang kedua ialah mengenai PKEN. Mengenai isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh dan juga Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus dan dua tiga orang tadi, saya ingin tegaskan di sini bahawa Kementerian saya sentiasa mengawasi perkara ini dan mengarahkan PKEN-PKEN berkenaan supaya tidak terlibat dalam

kegiatan-kegiatan yang telah dimasuki oleh bumiputera. Ertinya kita adalah mengamalkan konsep payung yang pernah berkali-kali disebutkan di Dewan yang mulia ini. Saya juga ingin menegaskan di sini bahawa syarikat-syarikat yang berbentuk commercial, mestilah membuat keuntungan dari operasi masing-masing seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Puteh dan juga oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus sekejap tadi. Seperti telah saya tegaskan di dalam Dewan ini Kementerian saya telah pun mewujudkan sistem maklumat pengurusan dengan menggunakan komputer untuk mengawasi dan mengikuti prestasi syarikat-syarikat PKEN dari semasa ke semasa.

Berhubung dengan isu bayaran balik pinjaman, sukalah saya memaklumkan bahawa perkara ini telah dibangkitkan berkali-kali oleh Yang Berhormat Menteri di dalam mesyuarat-mesyuarat yang diadakan dengan Pengurus-pengurus Besar PKEN yang sentiasa diadakan pada kadar 3 bulan sekali, yakni mereka adalah sentiasa diminta supaya mengkaji semula jadual pembayaran balik pinjaman masing-masing supaya pinjaman tersebut dapat dijelaskan mengikut jadual sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak pemberi pinjaman dan juga pihak peminjam, yakni PKEN-PKEN sendiri.

Seterusnya untuk makluman kepada Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok, suka saya menyatakan bahawa Kementerian saya telah pun mengarahkan supaya syarikat-syarikat PERUDA yakni syarikat-syarikat usahasama di antara Perbadanan Ekonomi Negeri dan UDA dibubarkan semenjak tahun 1979 lagi.

Di samping itu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kerana pandangan-pandangan yang telah diberikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus yang telah

memberi banyak syor dan cadangan untuk ditimbang oleh pihak Kementerian ini bagi memperbaiki lagi prestasi PKEN sepertimana yang telah beliau sebutkan sekejap tadi.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh ada menimbulkan bahawa masalah subsidi harga padi sekarang tidak benar-benar dinikmati oleh pesawah-pesawah tetapi sebenarnya dinikmati oleh peraih-peraih dan Ahli Yang Berhormat dari Arau menyatakan banyak padi daripada luar mungkin mendapat faedah subsidi. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini bilangan petani di Semenanjung Malaysia dianggarkan seramai 300,000 keluarga. Bilangan ini jika dibandingkan dengan bilangan petani-petani menjual padi dan menerima subsidi dalam tahun 1981 menunjukkan sebahagian besar daripada mereka mendapat faedah daripada skim harga padi sekarang.

Dalam tahun 1981 seramai 218,750 orang petani menerima subsidi berjumlah \$170,052,609. Bilangan petani dan purata subsidi bagi kawasan-kawasan jelapang padi utama adalah sebagai berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Bilangan petani</i>	<i>Purata subsidi semusim</i>
Kedah ..	103,178 orang	\$528
Perlis ..	12,717 "	\$258
Selangor ..	16,294 "	\$280
Kelantan ..	221,928 "	\$222

Butir-butir di atas menunjukkan bahawa kebanyakan orang-orang yang menerima faedah subsidi ini adalah dengan jelas terdiri daripada petani-petani kecil. 76.34% daripada petani-petani menerima subsidi bernilai \$1,000 ke bawah.

Mengenai kemasukan padi luar, kemungkinan kemasukan padi luar ke Perlis, Kerajaan telah mengadakan

kawalan yang ketat bagi mencegah aktiviti-aktiviti penyeludupan di sempadan. Ini dimaksudkan di antara sempadan Malaysia/Thailand bukan sempadan Kedah/Perlis. Bagi tujuan ini Kerajaan telah menubuhkan Unit Pencegah Penyeludupan yang mana pegawai-pegawainya terdiri daripada berbagai agensi. Selain daripada itu Kerajaan juga telah membina pagar keselamatan di sempadan dengan negara jiran. Mengikut rekod mengenai penyeludupan padi hanya terdapat satu kes cuba menyeludup padi di negeri Perlis dalam tahun 1981 yang melibatkan sebanyak 22 guni sahaja. Padi tersebut telah dirampas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah padi yang dipasarkan dalam negeri Perlis berdasarkan jumlah subsidi yang dikeluarkan dalam tahun 1981 dan sehingga September, 1982 menunjukkan rendah daripada jumlah jangkaan pengeluaran padi tahunan daripada negeri Perlis sendiri.

Berbalik kepada masalah penyelewengan oleh kilang-kilang swasta yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar semalan, Kementerian saya ada menjangkakan kemungkinan berlakunya penyelewengan seperti dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Dalam hal ini, langkah-langkah mengawal telah diadakan. Di antaranya, kilang dikehendaki menyelenggarakan buku-buku stok belian padi, kisanan, jualan dan stok beras. Rekod-rekod tersebut hendaklah disokong oleh dokumen-dokumen yang sah. Pegawai-pegawai Penguatkuasa LPN sentiasa membuat pemeriksaan ke atas kilang-kilang swasta yang bertindak sebagai pusat-pusat belian padi. Pemeriksaan yang dilakukan adalah untuk menentukan perkara-perkara berikut:

(1) jumlah padi yang dibeli mengikut resit belian;

- (2) jumlah padi yang dikisar setiap hari;
- (3) jumlah beras yang dijual; dan
- (4) baki stok padi dan beras.

Jika terdapat perselisihan di antara butir-butir mengenai rekod-rekod di atas, siasatan lanjut akan dijalankan dan tindakan undang-undang akan diambil ke atas kilang-kilang yang disyaki memalsukan dokumen-dokumen bagi tujuan menyeleweng.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pemeriksaan yang menyeluruh yang dilakukan oleh LPN ke atas kilang-kilang swasta ialah sebanyak 999 pemeriksaan dalam tahun 1981 dan 1,137 pemeriksaan sehingga Julai 1982 bagi tahun 1982. Kes-kes yang melibatkan penyelewengan subsidi oleh pengilang-pengilang sehingga ini berjumlah 42 iaitu 11 dalam tahun 1980; 24 dalam tahun 1981; dan 7 dalam tahun 1982 sehingga Julai.

Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar juga telah mengesyorkan supaya Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) diberi peluang dalam memasarkan padi petani-petani. Dalam hal pengeluaran lesen membeli padi LPN telah pun diarahkan untuk memberi keutamaan kepada Pertubuhan Peladang dan Koperasi-koperasi Peladang-peladang Kawasan. Di beberapa kawasan padi lesen-lesen membeli padi hanya dikeluarkan kepada Koperasi-koperasi dan Pertubuhan-pertubuhan Peladang sahaja.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh telah menyuarakan supaya LPN menambahkan kemudahan memproses padi. Pada masa ini LPN telah mempunyai 31 buah kompleks, 23 buah daripadanya ialah kompleks integrated yang mempunyai jentera mengering atau mengilang dan bakinya 8 buah ialah kompleks

mengering dan menyimpan padi sahaja. Di bawah Rancangan Malaysia Keempat, Kerajaan telah meluluskan pembinaan 11 buah kompleks integrated mengering dan mengilang. Kompleks tersebut akan dibina 1 di Perlis, 2 di Kedah, 1 di Pulau Pinang, 2 di Perak, 2 di Selangor, 2 di Kelantan dan 1 di Pahang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, LPN juga telah mengambil langkah sementara bagi menambah keupayaan memproses dan menyelamatkan padi yang dibelinya dengan membina 35 buah gudang, mengadakan 35 buah "flat bed-dryer" dan juga mengadakan 50 unit jentera moisture extraction unit.

Ahli Yang Berhormat dari Arau telah juga menyuarakan mengenai potongan yang berbeza-beza apabila petani menjual padi mereka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat yang berkenaan, harga padi yang ditawarkan oleh Kerajaan adalah dengan menentukan syarat-syarat ke atas padi iaitu hendaklah padi yang baik, bersih, cukup masak dan kering yakni wap basah tidak melebihi 14% dan dibeli di pintu kilang. Padi yang tidak memenuhi syarat-syarat penetapan harga padi di atas akan dikenakan potongan berdasarkan jadual potongan yang telah ditetapkan. Keadaan padi yang dipasarkan berbeza dari kandungan wap basah, kotoran dan lain-lain. Oleh itu potongan yang dikenakan adalah tidak serupa. Tidak timbul soal pilih kasih dalam hal ini.

Beralih pula saya kepada perkara-perkara yang mengenai Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar adalah tidak sesuai untuk mengadakan satu Pasar Pusat di bandar Kuala Lumpur. Berasaskan kepada satu kajian yang telah dibuat, pelanggan-pelanggan Pasar Pusat yang mendapati sekarang

ini adalah juga terdiri daripada orang-orang dari kawasan-kawasan luar dari Kuala Lumpur dan ini mengakibatkan keadaan kesesakan dalam bandar.

Beberapa tapak telah pun dikenal pasti untuk dibina pasar-pasar daerah, misalnya di kawasan perumahan Tun Dr Ismail, di Jalan Cheras dan di Gombak. Rekabentuk bangunan yang berasaskan konsep pasar moden sedang disediakan oleh perunding-perunding. Perlaksanaan akan bermula dalam tahun 1983. Grant berjumlah sebanyak \$15 juta telah pun diperuntukkan oleh Perbendaharaan. Seberapa yang boleh peniaga-peniaga yang sedang berniaga di Pasar Pusat sekarang ini akan diberi keutamaan untuk berniaga di pasar-pasar baru tersebut apabila ianya siap pembinaannya kelak.

Berkenaan dengan projek UDA di Lorong Sultan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, begitu juga projek ini dalam peringkat "working drawing", di mana "working drawing" ini yang dibuat oleh pihak perunding terpaksa dipinda untuk menampung keperluan tambahan tempat letak kereta. Projek ini, insya Allah, dijangka akan bermula pada awal tahun 1983.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*) Semua penghuni yang terlibat sama ada sebagai pemilik ataupun penyewa telah dibayar ganti rugi menerusi Pejabat Tanah. Ini telah pun dimaklumkan kepada Dewan ini sebelum daripada ini.

Berkenaan dengan projek Tanjong Tokong yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau, sukacita dimaklumkan bahawa kontraktor bagi Fasa 2 telah pun dilantik pada 1hb September, 1982 dan dijangka siap pada akhir bulan Ogos 1984. Fasa 3 pula akan bermula pada awal tahun 1983.

Nampaknya, Tuan Pengerusi, itulah sahaja ulasan saya yang mungkin panjang dan sekiranya terdapat lain-lain perkara yang telah disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai Kementerian ini yang tidak sempat disentuh dan diulaskan insya Allah, ianya akan disemak dan dikaji oleh pihak Kementerian saya dan juga agensi-agensi yang berkenaan dan di mana-mana sahaja yang boleh dilaksanakan insya Allah akan kami ambil tindakan.

Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih, Arau, Dungun, Kuala Lumpur Bandar, Parit Buntar, Bagan Datoh, Balik Pulau, Baling, Pasir Mas, Jerai dan Ulu Nerus yang telah mengambil bahagian dalam membincangkan peruntukan di bawah Kementerian Perusahaan Awam ini.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$254,410,500 untuk Maksud B. 34 di bawah Kementerian Perusahaan Awam jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$254,410,500 untuk Maksud B. 34 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$451,341,030 yang disebutkan dalam Maksud P. 34 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1983 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$451,341,030 untuk Maksud P. 34 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1983.

Maksud B. 35 (Jadual)—

Maksud P. 35 (Anggaran Pembangunan, 1983).

Tuan Pengerusi: Sekarang Kepala Bekalan B. 35 dan Kepala Pembangunan P. 35 di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Arau.

4.53 ptg.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh (Arau): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong Maksud Bekalan B. 35 dalam Anggaran Belanjawan 1983 sepertimana tercetak di dalam Kertas Perintah 21/1982.

Oleh kerana saya telah menyusun ucapan saya mengikut program ataupun aktiviti, saya harap, Tuan Pengerusi, mengecualikan saya daripada menyebut muka surat dan memadai kalau saya menyebutkan butiran-butiran yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, dalam turut membahas tentang peruntukan tersebut, izinkan saya menarik perhatian, Tuan Pengerusi, kepada beberapa perkara di bawah Kepala peruntukan B. 35 sahaja, oleh kerana saya berhajat membahas masalah pengurusan sahaja.

Pertama, dibanding dengan peruntukan 1982, peruntukan bagi tahun 1983 berkurangan sebanyak \$194,550,700 atau hampir 20%.

Kedua, daripada pengurangan tersebut jumlah yang paling besar melibatkan program (3) di bawah setiap butiran (kod) kecuali Butiran 2400 iaitu Utiliti.

Di bawah Butiran-butiran lain dari 1100 hingga 4100 pengurangan di bawah program ini berjumlah \$101,507,400 iaitu lebih daripada separuh daripada pengurangan keseluruhannya.

Ketiga, di bawah program (3) ini pula yang paling teruk menerima pemotongan ialah program khusus (3) (a) iaitu sebanyak \$94,437,600.

Tuan Pengerusi, Program (3) ialah Perkhidmatan Rawatan Perubatan, dan (3) (a) pula ialah program khusus untuk Rawatan Pesakit Am.

Di bawah program ini segala penyakit selain daripada penyakit jiwa, kusta dan tibi dirawat dan wang yang diperuntukkan untuk penyelenggaraan program tersebut ialah sebanyak \$479,588,200 iaitu hampir \$95 juta berkurangan daripada peruntukan tahun 1982 berjumlah \$574,025,800 untuk program yang sama.

Tuan Pengerusi, saya sengaja berulang kali menyebut angka-angka yang besar-besar ini semata-mata untuk menarik perhatian Dewan yang mulia ini khususnya kepada persoalan kos dan prestasi yang mesti juga diambil kira biarpun dalam perkara rawatan pesakit. Satu pendekatan yang kita boleh ambil ialah untuk bertanya di manakah potongan sebanyak hampir \$95 juta itu akan paling dirasakan. Adakah pesakit-pesakit akan diberi ubat-ubatan yang kurang bermutu? Adakah mereka akan mendapat layanan yang kurang baik dan perhatian yang kurang teliti? Adakah mutu makanan di hospital-hospital akan kurang memuaskan? Adakah pesakit-pesakit dalam wad akan dikeluarkan lebih awal dari dulu?

Tuan Pengerusi, pada pendapat saya jawapan kepada setiap persoalan tadi dalam satu perkataan biarlah "Tidak". Saya yakin yang pihak Kementerian Kesihatan akan menentukan perkara-perkara tersebut tidak akan berlaku.

Di sini saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengemukakan satu contoh langkah perjimatan yang boleh diamalkan. Sepintas lalu syor ini mungkin difikirkan tidak mengikut

prinsip-prinsip rawatan yang biasa diterima tetapi apa yang saya minta ialah supaya difikirkan pula tentang apa yang menjadi kenyataan dalam masyarakat kita. Adakah diperhatikan yang kerap kali bila menerima rawatan atas penyakit-penyakit yang disebutkan common acute infections, pesakit-pesakit diberi ubat yang paling banyak termasuk vitamin C dan Vitamin B Complex untuk lima hari atau lebih sekali gus. Tetapi cuba diperhatikan yang selepas memakan ubat selama dua atau tiga hari bila mana seseorang pesakit itu berasa segar sedikit dia dengan sendiri akan berhenti memakan ubat dan ubat yang dianggap berlebihan itu akan tinggal terbuang sahaja. Kita akan sedar betapa besarnya masalah pembaziran ubat-ubatan ini, kalau kita cuba ingatkan kembali tentang di mana kita telah lihat ubat-ubat yang tidak dimakan di rumah-rumah sahabat dan saudara dan mungkin di rumah sendiri. Oleh itu, saya mengesyorkan supaya dalam merawat penyakit-penyakit tersebut ubat diberi hanya cukup untuk tiga hari dan pesakit dinasihatkan kembali untuk diperiksa pula pada hari yang keempatnya. Dan lagi sungguhpun vitamin C dan vitamin B kompleks itu dianggap bahan murah, tidaklah pula bahan-bahan ini semestinya dibazirkan dengan diberi kepada setiap orang yang masuk untuk diperiksa.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengulangi yang syor tersebut adalah sebagai contoh kasar sahaja. Banyak lagi contoh-contoh yang serupa boleh dikemukakan. Saya sedar dalam perkara-perkara yang seumpama ini mungkin keberatan bagi pihak Kementerian mengeluarkan apa-apa arahan atau surat perkeliling kerana bimbang menyentuh soal-soal etika professionalisma. Namun demikian, harus dicari jalan untuk memberi kesedaran kepada pihak-pihak berkenaan tentang hakikat yang

bukan semua yang diarahkan atau diharapkan oleh doktor atau pembantu hospital dipatuhi atau dipenuhi oleh pesakit. Daripada memberi ubat berlebihan yang akan dibuang sahaja lebih baik meminta pesakit itu datang lagi. Pesakit-pesakit yang benar-benar mahukan rawatan pasti akan datang.

Tuan Pengerusi, izinkan saya mengaitkan Butiran 1100, 1200 dan 1300 di bawah tajuk Emolumen dalam Program (3) (a), dalam membahaskan tentang mengapa program ini sentiasa menghadapi kekurangan tenaga manusia khususnya di peringkat iktisas khasnya pegawai-pegawai perubatan. Pendek kata, saya harap, Tuan Pengerusi memberi izin kepada saya menjawab soalan tentang mengapa pegawai-pegawai perubatan lari keluar dari perkhidmatan ini bile sahaja dapat peluang, walaupun sedikit sebanyak akan tersentuh bab-bab dasar.

Kita mulakan dengan apa yang hakiki. Seseorang pemuda atau pemudi yang memilih untuk mengikuti kursus ijazah perubatan kemungkinan besar I.Q.nya tinggi sedikit daripada I.Q. purata. Pemuda atau pemudi ini bukan sahaja mempunyai cita-cita tetapi juga daya penggerak, dorongan dan motivasi untuk mengejar cita-cita itu, menghadapi satu proses latihan yang sekurang-kurangnya memakan masa selama 7 tahun dengan juga menyedari akan pengorbanan yang perlu dalam menjalankan tugas-tugas mereka kelak. Akan tetapi apakah menjadi kenyataan apabila mereka ini mula sahaja berkhidmat. Rakan-rakan mereka yang dahulunya sedarjah dalam sekolah yang telah pun menjadi pegawai dalam perkhidmatan lain sehari demi sehari meningkat. Kerja lebih dapat elaun, mesyuarat lebih dapat elaun, berjalan lebih dapat elaun, setahun lepas setahun naik pangkat, umur 26 tahun sudah masuk perkhidmatan tetap berpencen, sudah

boleh dapat pinjaman perumahan. Selalu dijemput ke majlis-majlis rasmi dan jamuan teh Hari Kebangsaan, nasib baik sedikit ternampak jasa dan dapat bintang. Jadi, apakah akan timbul dalam sanubari pegawai perubatan muda tadi? Yang cukup bulan selepas membayar sewa rumah, ansuran kereta, premium insuran dan membeli necktie mendapati tidak ada baki untuk disimpan. Umur 27 tahun belum lagi masuk perkhidmatan tetap berpencen, masih belum dapat pinjaman perumahan, baik macam mana pun mutu kerja tidak naik pangkat kalau tidak ada ijazah kedua. Hendak belajar lagi untuk mendapat ijazah kedua tidak dapat biasiswa. Datang hari Kebangsaan Ketua Jururawat dijemput minum teh tetapi pegawai perubatan tidak, bintang jauh sekali, biarpun kerja 20 jam sehari. Kalau mati dalam cuba berkejar ke hospital untuk memberi rawatan cemas, anak isteri hendak makan apa. Anak isteri polis dan tentera dapat juga \$10,000. Maka terdengarlah suara dari hati kecil, "Tunggu apa lagi? Cukup tempoh, cabutlah!"

Oleh itu, Tuan Pengerusi, saya sarankan di sini yang banyaknya pegawai-pegawai perubatan meletakkan jawatan bukan semata-mata sebab gaji, tetapi sebab kurang nyata tanda penghargaan dari Kerajaan dan dari masyarakat.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat ada 2 minit lagi.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Kalau ada yang masuk politik pun ialah kerana masih berkobar semangat untuk berkhidmat.

Tuan Pengerusi, buat penutup dalam kontek Maksud Bekalan B. 35 ini dan juga dalam konteks perkara yang sama dalam ucapan-ucapan saya terdahulu dari ini dalam Dewan yang mulia ini, saya hanya ingin memajukan iaitu dalam menjalankan Program (7) dan (8) Kementerian

Kesihatan harus juga mula memikirkan tentang bagaimana hendak mendapati sumbangan bersabit dengan tenaga manusia mahupun kos dalam penyelenggaraan sektor kesihatan khususnya perkhidmatan perubatan.

Soalan yang paling penting ialah apakah peranan-peranan yang boleh dimainkan oleh pihak-pihak berikut:

- (1) Majikan di sektor swasta;
- (2) Pengamal-pengamal dan pakar-pakar perubatan swasta;
- (3) Skim Insuran khususnya PERKESO dan syarikat-syarikat insuran nyawa;
- (4) Badan-badan sukarela seperti PERKIM, Persatuan Bulan Sabit Merah dan St. John Ambulance Brigade;
- (5) Jutawan-jutawan yang telah dilahirkan ataupun dibesarkan oleh pertumbuhan ekonomi negara yang paling pesat membangun.

Dengan adanya sumbangan yang lebih dan teratur dari pihak-pihak tersebut, insya Allah pihak Kementerian Kesihatan akan mencapai prestasi yang lebih tinggi dengan kos yang sama, bukan sahaja dalam program Perkhidmatan Rawatan Perubatan bahkan dalam program-program lain khususnya Program (2) iaitu Perkhidmatan Kesihatan Awam.

Tuan Pengerusi, dengan menyentuh beberapa perkara yang pokok ini, saya pohon menyokong Maksud Bekalan B. 35.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kepong.

5.06 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, muka 355, B. 35, Butiran 1100, Program (1).

Tuan Pengerusi, saya bagi kali yang pertama bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Arau. Saya berharap mungkin ada bidang yang lain kita akan samalah cita dan perasaan.

Tuan Pengerusi, saya mempunyai banyak perkara dan masalah yang akan saya bangkitkan tetapi dengan masa 15 minit, mungkin mustahil, sekurang-kurangnya saya memerlukan satu jam ataupun satu jam setengah. Oleh itu saya mencadangkan supaya masa untuk persidangan ini dilanjutkan kepada jam 10.00 malam. Saya berharap Ahli-ahli termasuk penyokong Kerajaan akan menyokong saya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, jangan membazir masa. Terus berucap.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Ahli Yang Berhormat dari Kepong ini merepek. Kalau beri masa panjang—merepek, buat apa?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, nampaknya bunyi ketitir lagi hujungnya cantik.

Tuan Pengerusi, masalah penyakit-penyakit Kementerian Kesihatan ini bermula daripada tahun-tahun 50an bukan sekarang sahaja. Masalahnya bertimbun-timbun sejak tahun 50an.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat minta penjelasan apa? Ahli Yang Berhormat itu pada awalnya telah menyebutkan butir-butir. Sila sambung.

Dr Tan Seng Giaw: Pada ketika ini menurut Yang Berhormat Menteri Kesihatan, dalam jawatan Doktor

Pakar Perubatan Tingkatan-tertinggi ada 321 jawatan, cuma 146 sahaja dipenuhi dan juga sekarang kita ada 277 Doktor Pakar Tingkatan Biasa.

Sepertimana yang diumumkan oleh Timbalan Menteri Kesihatan pada 22hb Mei tahun ini, kita di negara ini mengalami kekurangan doktor kira-kira 40%. Ini suatu angka yang sangat menyedihkan kita semua, mungkin kecuali Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Pengerusi, apa kaitannya dia sebut Pasir Puteh?

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila duduk dahulu.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Saya minta penjelasan, apa kaitannya dia menyebut Pasir Puteh tadi?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Jadi, kekurangan 40% doktor.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Saya minta penjelasan, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Pasir Puteh minta.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Penjelasan. Apa kaitan yang disebut tadi? Awak kata Pasir Puteh tadi, saya hendak awak sebut penjelasan di sini.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, kekurangan doktor. . . . (*Disampuk*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila duduk dahulu.

Tuan Karpal Singh: Tuan Pengerusi, saya dengar perkataan oleh

Yang Berhormat di sana "kurang ajar" (*Disampuk*). Bolehkah perkataan itu digunakan dalam Dewan ini?

Tuan Pengerusi: Tidak boleh.

Tuan Karpal Singh: Jikalau tidak boleh, bolehkah Yang Berhormat tarik balik perkataan itu sekarang?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya fikir jangan gunakan perkataan "kurang ajar".

Tuan Karpal Singh: Bukan jangan gunakan, tetapi tarik balik.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila duduk!

Tuan Karpal Singh: Ya, boleh duduk.

Tuan Pengerusi: Saya percaya Yang Berhormat dari Pasir Puteh menggunakan perkataan itu kerana Yang Berhormat mungkin tidak sedar pada masa itu dan saya nasihatkan Yang Berhormat jangan gunakan perkataan itu lagi. Yang Berhormat dari Kepong, sila menyambung ucapan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, satu gejala yang baik iaitu Persatuan Perubatan Malaysia sekarang diiktirafkan sebagai suatu Badan Perunding untuk doktor. Ini saya berharap pihak Kementerian Kesihatan akan terus menganggap Persatuan Perubatan Malaysia sebagai suatu badan untuk berunding bagi pihak doktor-doktor, tetapi selepas berunding dengan pihak Kementerian Kesihatan keputusan dan tindakan yang diambil sangatlah lambat.

Misalnya pada bulan Jun tahun ini pihak Kementerian Kesihatan ada bertemu dengan doktor-doktor muda melalui SCHOMOS. Walaupun Yang Berhormat Menteri Kesihatan menyetujui dengan beberapa aduan itu dan berjanji untuk mengambil

tindakan, tetapi setakat ini belum lagi kita nampak tindakan untuk menyelesaikan masalah-masalah doktor-doktor muda.

Tuan Pengerusi, muka surat 355, Butiran 1100, Program (2). Pada tahun yang lalu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Agong pindah daripada negeri Pahang ke Kuala Lumpur menjadi Yang Dipertuan Agong dan semasa itu ada Doktor Pakar Perubatan Tingkatan-tertinggi, Dato' Dr Wong Chong Hwa pindah daripada Hospital Besar Kuantan untuk mengambil alih salah satu jawatan Unit Perubatan di Hospital Besar Kuala Lumpur. Tetapi sekarang kerana kekeciwaan dan ketidakpuasan dengan keadaan perkhidmatan di dalam Hospital Besar itu, beliau sekarang telah meletakkan jawatan-mengemukakan surat untuk meletakkan jawatan.

Tuan Pengerusi: Bila Dr Wong meletakkan jawatan?

Dr Tan Seng Giaw: Pada tempoh hari. Jadi, dengan seorang doktor pakar yang terkemuka yang memegang jawatan yang tinggi mengapakah beliau hendak meletakkan jawatan. Ini kerana masalah-masalah ataupun penyakit-penyakit Kementerian Kesihatan termasuk peluang-peluang untuk kenaikan pangkat seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Arau dan jawatan Superscale yang seringkali sangkut, tidak boleh naik lagi, gaji, keadaan-keadaan perkhidmatan, peperiksaan Am dan termasuk segelintir orang dalam Jabatan Awam yang nampaknya sengaja hendak menahankan mereka dari kenaikan pangkat.

Muka surat 379, P. 35, Butiran 54 Perkhidmatan Penyakit Otak. Kira-kira lima tahun yang lepas ada seorang Doktor Pakar Tingkatan-tertinggi di Hospital Bahagia Ulu Kinta. Waktu itu hospital itu mempunyai 5,000

pesakit. Dengan perkhidmatan doktor tersebut, bilangan pesakit di Hospital Bahagia Ulu Kinta itu telah dikurangkan kepada 2,500 orang seperti yang terdapat sekarang. Doktor tersebut telah dipindahkan ke Hospital Besar tetapi dalam tempoh lima tahun ini pangkatnya disangkut ke paras Superscale E sahaja. Jadi, saya pun tidak tahu bagaimana seorang doktor sebegitu cergas dan pandai boleh mempunyai taatsetia kepada Kementerian Kesihatan.

Muka surat 355, B. 35, Butiran 1100, Program (2). Pada 25hb Oktober, Timbalan Menteri Kesihatan telah menyebutkan sebab-sebab Kementeriannya tidak mengiktirafkan perkhidmatan dalam Hospital Universiti Malaya. Perkhidmatan dalam hospital itu tidak diiktiraf sebagai perkhidmatan wajib. Sebab-sebabnya diberi sebagai kerana perkhidmatan itu bukan 100% perkhidmatan, tetapi sebahagian untuk latihan untuk mengambil peperiksaan lepasan ijazah dan tidak memenuhi Akta Perubatan 1971. Tetapi di sini saya hendak menanya mengapa tiap-tiap tahun ada lebih daripada 120 doktor lepasan daripada Hospital Universiti dan segelintirnya tadi diambil sebagai doktor latihan untuk pensyarah dan segolongannya diambil sebagai Doktor Latihan (Houseman), tetapi bagi latihan untuk pensyarah itu diiktiraf, untuk Houseman biasa tidak diiktiraf. Mengapa suatu diskriminasi begitu diiktirafkan oleh Kementerian Kesihatan? Oleh itu, saya berharap semasa Kementerian Kesihatan mengkaji masalah ini, tindakan yang sewajarnya boleh diambil supaya doktor-doktor yang berkhidmat di Hospital Universiti itu tidak akan mempunyai perasaan tidak puas hati. Dan semasa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri melawat ke negeri-negeri sekitarnya termasuk Burma untuk membincangkan hal-hal antarabangsa, termasuk

mengundang doktor-doktor di situ untuk berkhidmat di hospital di negara ini, terdapat sebilangan isteri-isteri yang juga doktor perubatan tetapi bukan warga negara, suaminya warganegara negara ini, tetapi ada sebahagiannya yang mempunyai ijazah kedoktoran yang boleh diiktirafkan tetapi mereka itu ditandang daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan Kementerian Kesihatan. Saya kurang faham mengapa keadaan ini terus berlaku dan ketika Yang Berhormat Menteri Kesihatan mengkaji semula dasarnya untuk mengambil doktor-doktor yang tersebut saya berharap beliau akan menyelesaikan masalah ini dengan secepat mungkin.

Menyentuh muka surat 355, Butiran 1100, Program (5) Perancangan Tenaga Manusia Dan Latihan, kelemahan yang terdapat di dalam Kementerian Kesihatan memang satu faktor yang besar dan serius tetapi ada faktor yang lain bukan sahaja setakat Kementerian Kesihatan sahaja, iaitu kedegilan segelintir kakitangan Jabatan Perkhidmatan Awam untuk menerima cadangan-cadangan daripada Kementerian Kesihatan. Inilah satu kedegilan yang sangat tidak sesuai dan tidak waras seolah-olah adanya segelintir "mafia" di dalam Jabatan Perkhidmatan Awam. Oleh itu saya menyeru agar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang juga pengamal perubatan janganlah beliau berlaku seperti "kacang lupakan kulit" perubatan. Saya berharap beliau akan mengambil tindakan untuk membetulkan keadaan yang sedemikian.

Ada banyak masalah lagi tetapi kerana tidak ada masa saya akan mengesyorkan beberapa cadangan untuk pertimbangan Kementerian Kesihatan untuk memperbaiki keadaan kekurangan doktor dan keadaan yang tidak memuaskan di hospital-hospital kita ini. Untuk muka

surat 374, Butiran 4, saya mengemukakan 9 syor.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat ada tinggal 3 minit, ini termasuk dengan masa tambahan.

Dr Tan Seng Giaw: Pertama. Jabatan Perkhidmatan Awam dan Perbendaharaan hendaklah menyelesaikan menyesuaikan sikapnya, janganlah lagi menghalang orang-orang professional termasuk doktor untuk menaikkan Tingkatan-tertinggi (Superscale) jika mereka memenuhi syarat-syarat yang tertentu.

Kedua, sekolah perubatan yang keempat diadakan di negara ini kerana mengikut angka yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Universiti Malaysia hanya boleh mengambil 160 penuntut untuk latihan, Universiti Kebangsaan Malaysia 178 penuntut dan Universiti Sains Malaysia 95 penuntut atau kira-kira 400 penuntut sahaja dan termasuk doktor-doktor yang balik dari seberang laut kira-kira 100 orang doktor. Ini bermakna setiap tahun kita akan tambah hanya 500 doktor sahaja. Ini tidak mencukupi untuk mencapai angka matlamat 2200 penduduk bagi satu doktor iaitu pada tahun 1990 kita akan adakan lebih daripada 7,800 doktor. Oleh kerana itu saya mengesyorkan satu sekolah perubatan yang keempat dibina di negara ini.

Ketiga, kita hendaklah mengkaji semula umur persaraan bagi doktor-doktor, dilanjutkan daripada 55 tahun kerana umur penghidupan di seluruh negara sekarang bertambah kepada kira-kira 65 tahun bukan seperti masa yang silam.

Keempat, jawatan Superscale diisikan dengan penuh dan kalau tidak ada jawatan, kita hendaklah mengadakan jawatan Superscale (Personal to Holder) jika doktor-doktor itu benar-benar memenuhi syarat-syarat yang tertentu.

Kelima, kita hendaklah adakan satu penyelarasan perkhidmatan di dalam hospital Kerajaan dengan perkhidmatan swasta supaya doktor-doktor di bidang swasta dapat memberikan sumbangan kepada hospital-hospital Kerajaan.

Keenam, cuti bagi persidangan-persidangan atau mesyuarat-mesyuarat perubatan di seberang laut dan di negara ini untuk Pegawai Perubatan kita terutamanya Pegawai Perubatan (Superscale) hendaklah diberi tanpa mengira warna kulit ataupun kepercayaan.

Ketujuh, transfer (pertukaran) doktor hendaklah dilaksanakan dengan secara adil tanpa pilih kasih ataupun ketidakadilan yang sering berlaku pada masa ini.

Kelapan, hadiah lepasan ijazah hendaklah diberi kepada doktor-doktor yang menunjukkan kebolehan dan kepakaran tanpa mengira kaum, warna ataupun agama.

Kesembilan, Tuan Pengerusi, galakan kepada doktor untuk mengambil latihan kepakaran hendaklah diadakan atas pilihan dan kecenderungan doktor-doktor sendiri.

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup!

Dr Tan Seng Giaw: Penyakit Kementerian Kesihatan adalah semakin lama semakin bertambah buruk disebabkan oleh kelemahan Kementerian Kesihatan dan kedegilan segelintir pegawai di Jabatan Perkhidmatan Awam dan Perbendaharaan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat panjang lagi?

Dr Tan Seng Giaw: Tidak. Saya menyeru supaya Kerajaan janganlah berlagak seperti "mencurahkan air di daun keladi" sahaja. Kerajaan hendaklah mempertimbangkan syor-syor tersebut dan seterusnya

mengambil tindakan yang sewajarnya agar penyakit-penyakit Kementerian Kesihatan dapat disembuhkan dengan beransur-ansur demi untuk kepentingan orang ramai. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Petaling.

5.28 ptg.

Tuan Yeoh Poh San (Petaling): Tuan Pengerusi, ingin saya menyentuh muka surat 355, Maksud B. 35, Butiran 1100, Program (5) mengenai Perancangan Tenaga Manusia dan Latihan.

Tuan Pengerusi, kesihatan adalah penting bagi sesuatu negara. Di dalam membincangkan perkara ini perlulah dititikberatkan aspek kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan kesihatan yang diadakan. Di dalam hal ini, Kerajaan adalah bertanggungjawab untuk mengadakan kemudahan-kemudahan kesihatan yang terbaik dan sempurna untuk rakyat. Ini adalah mustahak kerana di sinilah bergantungnya kehidupan dan penentuan masa depan penduduk negara ini.

Tuan Pengerusi, izinkan saya mengemukakan pandangan dalam perkara Latihan Ijazah Lanjutan Perubatan dan Persijilan (Post Graduate Medical Training and Certification). Saya mengemukakan perkara ini kerana ianya akan melibatkan kedudukan rakyat dan negara di masa hadapan. Di dalam perkara ini langkah-langkah yang diambil akan menentukan adanya tidak satu kemudahan kesihatan yang boleh kita banggakan, jika kita tidak mengambil satu langkah yang wajar maka rakyat di negara ini akan memepuhi satu krisis di bidang perubatan dan rancangan kesihatan tidak berapa lama lagi.

Tuan Pengerusi, di kalangan negara-negara ASEAN didapati

bahawa negara Malaysia masih lagi kebelakangan di bidang Latihan Ijazah Lanjutan Perubatan di mana setakat ini Malaysia masih lagi belum menubuhkan satu Program Latihan Ijazah Lanjutan Perubatan dan Persijilan di peringkat kebangsaan.

Tuan Pengerusi, negara ini mengalami kekurangan doktor-doktor. Mengikut nisbah penduduk iaitu kurang seorang doktor berkhidmat bagi tiap-tiap 3,590 penduduk. Ketika ini bilangan pegawai-pegawai perubatan yang didaftar ialah lebih kurang 4,000 orang yang mana masih jauh daripada target yang ditetapkan untuk tahun 1990, iaitu seorang doktor berkhidmat bagi tiap-tiap 2,200 orang penduduk.

Tuan Pengerusi, pakar-pakar perubatan juga didapati amat berkurangan di dalam kesemua bidang-bidang perubatan. Saya memohon kepada Menteri Kesihatan mengemukakan bilangan pakar-pakar perubatan di negara ini yang terdapat di sektor awam dan swasta mengikut bidang kepakaran dan juga anjuran (projected) keperluan pakar-pakar di kesemua bidang perubatan bagi tahun 1990.

Tuan Pengerusi, saya juga difahamkan bahawa Kementerian Kesihatan hanya dapat membuat perangkaan keperluan pakar-pakar perubatan setakat tahun 1985 sahaja. Di dalam keadaan ini saya berkeyakinan penuh bahawa harapan untuk memperbaiki keadaan ini dalam masa yang singkat amatlah tipis sekali.

Tuan Pengerusi, pada masa ini walaupun latihan ijazah lanjutan perubatan untuk pakar perubatan dilaksanakan di dalam dan juga di luar negeri, tetapi tiada terdapat proses persijilan di peringkat kebangsaan. Sungguhpun peperiksaan bagi beberapa ijazah lanjutan seperti dengan izin Bahagian I dan Bahagian II, Royal College of Surgeons of

Edinburgh dan The Royal Australasian College of Surgeons dilaksanakan di dalam negara ini, tetapi penganugerahan ijazah-ijazah lanjutan ini masih lagi dikeluarkan oleh institusi-institusi luar negeri.

Tuan Pengerusi, sebuah Lembaga di peringkat kebangsaan bagi Latihan Ijazah Lanjutan Perubatan perlulah diwujudkan di negara ini dengan segera untuk:

- (i) mewujudkan perakuan dan persijilan tempatan yang seragam;
- (ii) meningkatkan dan mengadakan Pusat Latihan Ijazah Lanjutan Perubatan Tempatan dan juga untuk menggalakkan kesemua bidang aktiviti yang ada kaitan dengan Latihan Ijazah Lanjutan Perubatan. Ini dipercayai akan dapat meninggikan mutu kemudahan rawatan pesakit di negara ini;
- (iii) menentukan bahawa kemudahan rawatan di negara ini tidak terjejas dengan pemergian pegawai-pegawai perubatan keluar negeri bagi mendapatkan Ijazah Latihan Lanjutan yang kadangkala melibatkan jangka masa satu tahun sehingga enam tahun; dan
- (iv) menjimatkan perbelanjaan yang besar yang dibelanjakan untuk menghantar pegawai-pegawai perubatan keluar negeri untuk mendapatkan Ijazah Lanjutan. Misalnya di dalam Kongres Perubatan yang diadakan baru-baru ini di Singapura pada bulan Julai, 1982 telah dibuktikan bahawa perbelanjaan yang terlibat adalah 15 kali ganda banyaknya untuk melatih seorang pegawai perubatan di

luar negeri apabila dibandingkan jika diadakan di dalam negeri.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini di Mahido University, Bangkok daripada 17hb hingga 19hb November, 1982, satu persidangan di bawah naungan MASEN, (Medical Association of South-East Asian Nations) dan RIHAD (Regional Institute for Higher Education and Development) dan juga the Royal Thai Ministry of Public Health telah diadakan. Persidangan ini telah dihadiri oleh pakar-pakar perubatan dari negara-negara ASEAN untuk membincangkan dengan mendalam pengalaman negara masing-masing di bidang Latihan Ijazah Lanjutan Perubatan dan Persijilan.

Tuan Pengerusi, di persidangan ini saya difahamkan bahawa negara Malaysia diwakili oleh Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) dan juga tiga buah Pusat-pusat Pengajian Perubatan dan juga Colleges of Physicians, Surgeons and General Practitioners, dengan izin.

Saya ingin tahu sama ada Kementerian Kesihatan telah menghantar para peserta untuk menghadiri persidangan ini supaya mendapat manfaat daripada pengalaman-pengalaman negara-negara lain.

Tuan Pengerusi, sebahagian besar pelatih-pelatih yang mengikuti ataupun yang bercadang hendak mengikuti latihan ijazah lanjutan adalah terdiri daripada doktor-doktor yang berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan dan mereka mestilah diberi galakan dan kemudahan untuk mencapai hasrat ini di samping memenuhi keperluan negara di dalam usaha mewujudkan kepakaran di dalam bidang-bidang perubatan melalui program-program latihan dalam perkhidmatan yang diadakan.

Tuan Pengerusi, pada bulan Oktober tahun ini semasa merasmikan Pembukaan Mesyuarat Kesembilan Persatuan Orthopaedic Malaysia-Singapura di Kuala Lumpur (9th Malaysia-Singapore Association Meeting and Scientific Session) Menteri Kesihatan telah mengumumkan iaitu Kerajaan akan meneruskan rancangan mengadakan latihan ijazah lanjutan perubatan. Saya mengalu-alukan langkah yang diambil. Walau bagaimanapun, suka saya mengesyorkan kepada Kerajaan supaya diberi pertimbangan dan pemikiran secara mendalam semasa menyediakan sesuatu program latihan yang begitu penting.

Tuan Pengerusi, sebelum ianya dilaksanakan, tindakan dan langkah-langkah seperti ini adalah penting untuk mengawasi dan mempertahankan taraf kedudukan perkhidmatan perubatan di negara ini, andaikata perancangan yang teratur dan pelaksanaan yang cemerlang akan menjamin mutu perkhidmatan perubatan yang tinggi di samping memelihara imej negara kita.

Tuan Pengerusi, Lembaga Kebangsaan Latihan Ijazah Lanjutan Perubatan yang akan diwujudkan perlu memastikan:

- (1) Kelayakan untuk mengikuti latihan dan mendapatkan persijilan terbuka kepada calon-calon yang berlatarbelakang professional dan berkelayakan.
- (2) Menggunakan kesemua tenaga dan sumber-sumber yang sedia ada khususnya mereka yang berkebolehan dan berpengalaman seperti terdapat di Kementerian Kesihatan dan juga di bidang swasta. Jika dihalusi perkara ini terdapat di Kementerian Kesihatan dan juga di bidang swasta sebegitu banyak pakar-pakar kesihatan yang kanan dengan

berpengalaman yang boleh memberi perkhidmatan bagi tujuan ini, juga diketahui bahawa pada masa ini Kementerian Kesihatan sendiri berupaya menjalankan sebahagian besar Program Latihan Ijazah Lanjutan.

- (3) Pusat pengajian perubatan di dalam negeri menghadapi kekurangan tenaga pengajar bagi tiap-tiap lapisan pengajian untuk mengendalikan program latihan ijazah (under-graduate programme).

Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) baru-baru ini telah mengemukakan kekurangan sebanyak 70 pensyarah dan adalah dipercayai bahawa keadaan yang serupa dihadapi oleh kedua lagi pusat pengajian perubatan. Di dalam keadaan ini adalah eloknya pusat-pusat ini tidak terus dibebankan dengan mengadakan latihan perubatan ijazah lanjutan. Jika program latihan yang dirancangkan ini diteruskan di universiti maka kemungkinan beban tambahan ini akan menjejaskan bukan sahaja kedudukan pengajaran program ijazah perubatan di universiti-universiti tempatan tetap juga akan menimbulkan keraguan terhadap taraf mutu pengajian program ijazah lanjutan perubatan yang dicadangkan. Adalah didapati bahawa program latihan lanjutan seperti ini diadakan di tempat-tempat yang lain dan tidak semata-matanya dikelolakan oleh pusat-pusat pengajian tinggi sahaja.

- (4) Untuk kepentingan mempertahankan taraf perkhidmatan perubatan, untuk mengawal kebebasan dan

kejujuran profesyen ini maka hendaklah kuasa untuk membuat pemilihan melatih dan membuat perakuan dan pengiktirafan diberikan kepada satu badan yang bertanggungjawabkan di dalam kesemua hal-hal berkaitan dengan bidang perubatan.

Tuan Pengerusi, melalui proses yang dicadangkan ini bagi mereka yang bukan dari golongan profesional bolehlah diberi kesempatan untuk memberi sumbangan dengan cara-cara tertentu.

Saya mengesyorkan kepada Kerajaan program latihan ijazah lanjutan perubatan yang dicadangkan dikendalikan bersama oleh badan-badan berikut:

- (1) Kementerian Kesihatan;
- (2) Pusat-pusat Pengajian Perubatan; dan
- (3) Badan-badan Profesional Perubatan.

Sebagai penutup, Tuan Pengerusi, kini saya tidak dapat memastikan sama ada perkara-perkara yang dikemukakan akan dapat diberi perhatian oleh Yang Berhormat Menteri ataupun Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan. Walau bagaimanapun, saya mohon sekurang-kurangnya Yang Berhormat Menteri ataupun Timbalan Menteri dapat memberi jawapan kepada 2 soalan sahaja, iaitu:

- (1) Adakah program latihan ijazah lanjutan perubatan yang akan disusun itu akan dipersetujui dengan sebulat suara (unanimously) oleh ketiga-tiga badan, iaitu Kementerian Kesihatan, pihak pusat-pusat pengajian perubatan dan badan-badan profesional perubatan, ya atau tidak. Saya berharap janganlah jawab "akan kaji" atau "boleh kaji", ya atau tidak.

(2)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Yeoh Poh San: Lagi satu minit sahaja. (2) Atau adakah program yang dicadangkan itu akan semata-mata dikelolakan oleh pihak universiti sahaja, iaitu pusat-pusat pengajian perubatan (solely university base). Ya atau tidak, itu sahaja.

Akhirnya, saya menyokong peruntukan Maksud Bekalan 35 kepada Kementerian Kesihatan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Lambir.

5.45 ptg.

Dr George Chan Hong Nam (Lambir): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Anggaran Perbelanjaan tahun 1983 bagi Kementerian Kesihatan yang tersebut dalam muka surat 355 hingga 381 dalam Belanjawan Persekutuan Tahun 1983.

Setelah mengkaji anggaran perbelanjaan tersebut saya mendapati bahawa peruntukan Belanjawan bagi tahun 1983 telah banyak dikurangkan jika dibandingkan dengan tahun 1982, misalnya:

- (1) perbelanjaan emolumen bagi tahun 1983 telah dikurangkan sebanyak \$54,097,700 jika dibandingkan dengan tahun 1982;
- (2) peruntukan bagi lain-lain perbelanjaan tidak termasuk emolumen dan pembangunan bagi tahun 1983 telah pun dikurangkan sebanyak \$140,453,000 jika dibandingkan dengan tahun 1982;
- (3) bagi perbelanjaan pembangunan saya memperhatikan bahawa peruntukan tahun 1983 bagi perkhidmatan perubatan luar

bandar untuk Sarawak telah pun juga dikurangkan sebanyak \$339,930 jika dibandingkan dengan tahun 1982. Saya juga memperhatikan bahawa dalam peruntukan-peruntukan untuk pembinaan 11 buah hospital baru di Sarawak hanya \$400,000 diperuntukkan bagi 2 buah hospital baru, iaitu Pusat Kesihatan Daerah Bau dan Betong bagi tahun 1983 dan yang lain-lain hanya diberi a token sum of \$10.

Tuan Pengerusi, perkhidmatan kesihatan dan perubatan adalah salah satu most essential services kepada rakyat walaupun kita terpaksa berjimat cermat dalam keadaan ekonomi recession ini tetapi kita tidak seharusnya memotong peruntukan bagi perkhidmatan kesihatan begitu drastic. Potongan yang telah dibuat adalah agak besar jumlahnya, dengan izin, in cutting down our national expenditure it should not and must not be done to such an extent that we are unable to raise the standard and quality of our existing health and medical services.

Dalam Ucapan Belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan, beliau telah menyatakan bahawa keutamaan akan terus diberi bagi meninggikan lagi taraf kesihatan rakyat. Saya tetap menyokong dasar ini tetapi saya pun kurang faham bagaimana tujuan ini dapat dicapai memandangkan potongan peruntukan yang agak besar bagi Belanja Mengurus sahaja terdapat sebanyak lebih \$194 juta dikurangkan dibandingkan dengan Belanjawan untuk tahun 1982. Pada pendapat saya potongan perbelanjaan bagi perkhidmatan kesihatan untuk tahun akan datang akan menjejaskan taraf dan mutu perkhidmatan. Kini di negeri Sarawak beberapa masalah tentang perkhidmatan perubatan dan kesihatan telah timbul.

Anggaran perbelanjaan tahun ini yang telah dibenarkan telah pun dipotong sebanyak 130. Bilangan doktor khususnya pakar-pakar (specialist) masih banyak berkurangan. Jabatan Perubatan Sarawak tidak berupaya membeli beberapa jenis ubat yang mahal tetapi perlu kerana kekurangan peruntukan (insufficient fund available). Perkhidmatan perubatan bergerak untuk luar bandar terpaksa juga dikurangkan oleh kerana lack of fund. Dengan izin, the Sarawak Medical Department is already operating on a shoe-string budget.

Oleh yang demikian, saya suka mencadangkan bahawa peruntukan bagi Perkhidmatan Kesihatan dan Perubatan, khususnya Belanja Mengurus untuk negeri Sarawak bagi tahun 1983 haruslah ditambah dengan sewajarnya untuk mengatasi masalah tersebut.

Tuan Pengerusi, pada masa sekarang pesakit-pesakit di Sarawak yang memerlukan specialist treatment terpaksa pergi ke Kuala Lumpur atau luar negeri untuk mendapat rawatan. Mereka terpaksa belanja beribu-ribu ringgit dan menghadapi berbagai kesulitan. Misalnya, masalah emosi yang timbul dan berpisah dari keluarga dan sanak saudara, masalah penginapan dan sebagainya. Ramai juga pesakit tidak berupaya pergi ke Kuala Lumpur atau luar negeri untuk mendapat specialist treatment kerana terlalu besar perbelanjaannya. Oleh yang demikian, adalah penting bahawa Medical Specialist Care Service perlu dicentralised.

Saya hendak mengesyorkan bahawa Hospital Besar di Kuching, Sarawak harus mengadakan sebuah Specialist Care Unit yang dapat sekurang-kurangnya memberi common specialist treatment. Kini Hospital Besar di Kuching hanya mempunyai seorang pakar doktor mata (Eye Specialist) dan tidak ada seorang pun

ENT Specialist dan Orthopaedic Specialist. Saya suka mencadangkan bahawa ENT dan Orthopaedic Specialists harus dilantik pada tahun akan datang dan Eye Specialist harus ditambah supaya sebuah Specialist Care Unit dapat ditubuhkan.

Adalah difahamkan bahawa sebuah Radiotherapy Unit sedang ditubuhkan di Hospital Besar Kuching dan Cobalt Machine sedang dipasang. Saya ingin mengucapkan terima kasih atas usaha Kementerian Kesihatan untuk menubuhkan Unit Radiotherapy tersebut. Saya berharap Kementerian Kesihatan akan dapat menghantar kakitangan yang berkelayakan dan berpengalaman untuk mengendalikan Unit Radiotherapy itu sebaik sahaja mesin-mesin telah siap dipasang.

Tuan Pengerusi, akhirnya, saya cadangkan bahawa Kementerian Kesihatan harus menjalankan satu kajian menyeluruh tentang masalah-masalah perkhidmatan kesihatan dan perubatan di Sarawak yang mungkin unik jika dibandingkan dengan keadaan di Semenanjung Malaysia. Sekian sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Jelutong.

5.53 ptg.

Tuan Karpal Singh (Jelutong): Tuan Pengerusi, saya menyentuh kepada Maksud Bekalan B. 35, Butiran 1100, Program (1) Pentadbiran, Program (2) Perkhidmatan Kesihatan Awam dan Program (3) Perkhidmatan Rawatan Perubatan.

Tuan Pengerusi, kekurangan doktor-doktor dan pakar-pakar dalam hospital-hospital adalah suatu perkara serius sungguhpun Kerajaan ada mengatakan semuanya baik dalam hal ini. Ramai doktor-doktor keluar daripada perkhidmatan Kerajaan dengan keadaan pekerjaan itu teruk dan gaji mereka rendah apabila dibandingkan dengan pendapatan

diterima oleh sahabat-sahabat mereka dalam sektor swasta. Ramai doktor telah pun berpindah ke Australia dengan sebab peluang yang baik dan juga untuk kebaikan pelajaran anak-anak mereka.

Tuan Pengerusi, di Pulau Pinang Ketua Jabatan ENT—suatu Jabatan penting—meninggalkan perkhidmatan dalam hospital itu. Dr Swaran Singh pengasas Jabatan Neurosurgery, dengan izin, dan Dr Chelvanayagam pengasas Jabatan Urology di Pulau Pinang telah meninggalkan perkhidmatan dan kedua-dua doktor itu berpindah ke Australia dengan sebab keadaan pekerjaan yang tidak baik. Tidak ada doktor-doktor mengganti tempat mereka dalam Jabatan-jabatan itu semenjak tahun 1978. Pada masa ini ada tiga orang Urologist sahaja dan mereka semua berada di Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, semua kes-kes Urology di negara ini dirujuk ke Kuala Lumpur. Ini adalah satu keadaan yang sangat dikesali. Mustahaklah satu-satu langkah diambil dengan sebab mesti diingat hal-hal ini berkait dengan nyawa manusia.

Hospital Besar Pulau Pinang berada di dalam keadaan teruk. Pelan-pelan bagi Central Service Block, dengan izin, telah dibuat lebih kurang 15 tahun dahulu. Sementara waktu itu pelan-pelan telah pun tercicir di mana-mana. Kerja-kerja membina bangunan itu dimulakan dua tahun dahulu. Hingga sekarang hanya kerja-kerja paling ada disempurnakan. Tetapi projek itu telah pun ditangguhkan dengan sebab kemelesetan ekonomi, nampaknya keadaan kekurangan katil-katil kosong di hospital itu teruk ketika satu-satu masa. Ada juga masa apabila corridors' dengan izin, pun dijadikan wad. Ada keadaan pesakit-pesakit dipaksa tidur dekat tandas.

Pada suatu masa doktor-doktor dari Hospital Besar Pulau Pinang dan Hospital Daerah telah pun melawat klinik-klinik kesihatan di desa setiap minggu. Ini tidak dibuat lagi. Sekarang Pembantu-pembantu Hospital dan bidan-bidan mengganti doktor-doktor dan menjalankan tugas mereka tanpa penyeliaan doktor sekali seminggu.

Tuan Pengerusi, pada beberapa tahun dahulu ubat-ubat bermutu tinggi digunakan untuk rawatan di hospital-hospital dalam negara kita. Dahulunya pesakit-pesakit dirawat dengan 'proprietary drugs'-bererti ubat-ubat kaji asal terus dari pembuat. Tetapi sekarang ubat-ubat bermutu rendah diperbuat oleh syarikat-syarikat yang tidak mempunyai taraf yang baik, ada digunakan untuk rawatan di hospital-hospital di seluruh negara. Mutu ubat-ubat itu boleh disoalkan. Ubat-ubat itu murah sahaja. Patutnya kita tidak boleh menjimatkan wang dan membazir nyawa manusia dengan menggunakan ubat-ubat murah. Kemelesetan ekonomi tidak boleh menjadi satu-satu sebab mengorbankan nyawa rakyat kita. Kita mesti memberi keutamaan kepada hal-hal yang wajar. Tuan Pengerusi, priority yang utama mesti diberi kepada 'Medical Services', dengan izin, dalam negara walaupun ada kemelesetan ekonomi.

Kes-kes rawatan 'non-emergency (cold cases) telah pun ditangguhkan dengan sebab tidak cukup kemudahan-kemudahan seperti linen. Hanya kes-kes emergency diberi priority. Saya maklumkan bahawa hanya cold cases, dengan izin, diberi keutamaan.

Tuan Pengerusi, saya diberitahu di Hospital Besar Kuantan telah pun diarahkan oleh pegawai-pegawai Kementerian Kesihatan supaya melewati rawatan-rawatan kes-kes sejuk seperti hernia. Pihak yang berkenaan di hospital itu telah pun

dilarang membuat pembedahan dalam kes-kes seperti itu dan diarah memberi ubat-ubat sahaja. Pesakit-pesakit yang mampu membeli ubat-ubat mewah dari luar. Mereka yang tidak mampu hanya boleh bergantung pada ubat-ubat generic bermutu rendah dan juga mengambil risiko hilang nyawa. Pengidap cold cases boleh juga mati, Tuan Pengerusi. Mereka juga patut diberi priority.

Hospital-hospital dalam negara kita mesti kembali ke peraturan merawat dengan ubat-ubat proprietary seperti dalam masa yang lampau untuk kepentingan dan menyelamatkan yang penting. Tentulah pihak Kerajaan tidak mahu menghadapi 'negligence suits', dengan izin, dimahkamah-mahkamah. Kes-kes seperti itu hanya mengenakan beban berat kepada pembayar cukai.

Tuan Pengerusi, taraf kualiti doktor-doktor dalam perkhidmatan Kerajaan juga ialah satu perkara kesusahan. Orang ramai juga takut mencari rawatan dari hospital-hospital sebagai 'in patient' atau 'out patient' dalam hospital-hospital dalam negara kita.

Tuan Pengerusi, selalunya terdapat bayi-bayi ditukar dalam wad bersalin menambahkan rasa takut orang-orang ramai. Ramai orang mencari rawatan di klinik-klinik swasta ataupun 'private medical centres'. Dalam hal keselamatan nyawa sendiri kita enggan menghadapi bahaya. Ini adalah patut bagi mereka yang kaya raya dan mampu untuk masuk hospital private dan mengelakkan hospital-hospital Kerajaan. Macam mana bagi mereka yang miskin? Mereka tidak berdaya selain daripada masuk hospital-hospital Kerajaan apabila mereka uzur.

Tuan Pengerusi, ijazah-ijazah medical dari Universiti Malaya hanya diberi pengakuan sementara oleh

General Medical Council di Great Britain. Taraf ijazah medical kita tidak berapa tinggi mutunya. Pensyarah-pensyarah dan pemeriksa-pemeriksa tempatan telah pun diseksa apabila kadar kelulusan itu tidak sampai peringkat yang diharapkan.

Kita tidak boleh membuat kompromi dalam taraf kedoktoran. Pensyarah-pensyarah dalam 'Medical Faculty' adalah dalam keadaan frustrasi. Apakah sebab Professor Dhanaraj dari Medical Faculty itu berpindah ke Arab Saudi? Baiklah, jikalau kita dapat kaji sebab-sebabnya. Ada juga khabar-khabar angin Medical Faculty Universiti Sains Malaysia, akan ditutup dengan sebab kemelesetan ekonomi. Kerajaan hendaklah mengkaji dengan teliti keperluan menjaga kadar kelulusan dalam sekolah-sekolah medical kita ini. Kerajaan juga hendaklah memikir dengan serius kawalan dalam hal import ubat-ubat generic ke negara kita ini.

Dalam hal topik kalendar SIRIM menyelia dan menentukan mutu tetapi bagi ubat-ubat kita tidak ada satu sistem menentukan mutunya. Adakah generic drugs itu dikenakan 'quality control' di negara-negara asal yang mengeluarkan ubat-ubat itu. Jikalau benar, adakah kita membuat 'testing' kita sendiri. Kerajaan juga mesti menentukan perkhidmatan dalam medical service itu cukup menarik hati bagi doktor-doktor dan tidak dapat lagi menjaga 'brain drain' dari hospital-hospital Kerajaan ke hospital-hospital swasta atau pun negara-negara lain.

Tuan Pengerusi, perkhidmatan wajib selama lima tahun bagi doktor-doktor dan juga dikenakan sistem gaji dan keadaan pekerjaan yang baik, boleh menjamin hospital-hospital kita ini dijaga oleh medical staff yang baik. Saya dengan hati yang jujur harap Yang Berhormat Menteri Kesihatan

akan mengambil perhatian dalam perkara-perkara yang saya sebut dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Batu Gajah.

6.04 ptg.

Tuan Ban Hon Keong (Batu Gajah): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih kerana saya dibenarkan menyuarakan masalah-masalah kesihatan kawasan Parlimen saya, Batu Gajah. Ini adalah julung kalinya hasrat sebenar cita-cita penduduk-penduduk di kawasan Batu Gajah dibawa masuk dan disuarakan dalam Dewan yang suci ini sedangkan mereka telah menanti-nanti saat ini selama 25 tahun.

Tuan Pengerusi, kawasan Batu Gajah adalah satu kawasan yang bukan sahaja mundur bahkan ia juga telah berpuh-puluh tahun ketinggalan zaman. Kalau kita menyiasat dari rekod Kementerian Kesihatan maka dapatlah kita mengetahui bahawa sejak 25 tahun dahulu hingga hari ini kawasan saya tidak pernah mendapat apa-apa projek demi kesihatan rakyat tempatan. Saya tidak menyalahkan pihak Kerajaan kerana segala pihak mahupun penduduk tempatan tidak diketahui oleh pihak Kerajaan tetapi saya tetap yakin ada orang yang patut disalahkan.

Saya memang faham dan tahu berapa beratnya tanggungjawab saya sebagai seorang wakil mereka khususnya daripada Barisan Nasional tetapi berdasarkan atas kesedaran batin dan berperikemanusiaan maka saya tetap rela menyahut seruan Perdana Menteri kita. Saya akan berjuang selangkah demi selangkah untuk menunaikan janji-janji saya semasa pilihanraya.

Tuan Pengerusi, sebagai tugas saya yang pertama saya merayu dan juga meminta pihak Kerajaan khususnya

Kementerian Kesihatan membina sebuah "Urban poly-clinic" di Kampung Mambang di Awan. Kampung Mambang Di Awan. Kampung Mambang Di Awan adalah sebuah kampung yang ditubuhkan pada masa darurat tahun 50an. Tetapi sehingga hari ini ia masih serupa semasa ia dibentuk dahulu. Dengan melihatkan bilangan penduduk-penduduk telah meningkat sehingga melebihi 25,000 orang dan 90% keluarganya terdiri dari buruh kasar walaupun ia hanya 6 kilometer dari pekan Kampar tetapi kerana perkhidmatan pengangkutan amat kurang, penduduk-penduduk tempatan khasnya kaum wanita, orang-orang tua dan kanak-kanak mereka mendapat kesukaran besar semasa mendapati masalah-masalah kesihatan.

Tuan Pengerusi, oleh yang demikian membawa perkhidmatan perubatan kepada mereka telah menjadi janji yang utama saya semasa pilihanraya, sekiranya mereka dapat menolong pihak Barisan Nasional menawan kubu kuat parti Pembangkang itu buat julung kalinya, demi kepentingan kesihatan rakyat jelata, demi menepati janji bagi seorang Wakil Rakyat Barisan Nasional dan juga akan dapat selaras dengan seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, maka saya berharap permintaan saya akan mendapat layanan dari Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Tuan Pengerusi, sebagai kesediaan menyempurnakan tugas saya, saya telah berbincang dengan Pegawai Daerah Batu Gajah dan beliau telah bersetuju menyediakan tapak untuk projek tersebut.

Tuan Pengerusi, dalam Belanjawan 1983 iaitu satu jumlah \$178,342,227 telah diperuntukkan untuk pembangunan Kementerian Kesihatan tetapi kawasan saya Batu Gajah tidak memperolehi satu sen pun. Oleh yang

demikian, saya dengan ini meminta kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan, satu belanjawan token \$10 sahaja dimasukkan ke dalam Belanjawan selepas 1983 untuk kawasan Batu Gajah supaya segala rancangan dapat pula dirancang sekarang.

Akhirnya, saya menyokong penuh kepada Belanjawan Kementerian Kesihatan 1983. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat^r dari Bukit Mas.

6.10 ptg.

Tuan Mutang Tagal (Bukit Mas): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai Maksud P. 35, Butiran 31 Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar yang terdapat di muka surat 377.

Mengenai dengan Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar, saya ingin menyentuh tentang Perkhidmatan Penerbangan Doktor Udara (Flying Doctor Service) di Sabah dan Sarawak. Memang saya turut menyokong Kerajaan dalam melaksanakan dasar Perkhidmatan Penerbangan Doktor Udara ini oleh kerana kesihatan merupakan satu perkara penting dalam sesebuah negara. Kebanyakan penduduk-penduduk di Sarawak dan Sabah tinggal di kawasan pedalaman yang jauh dari bandar-bandar ataupun pusat-pusat perkhidmatan perubatan. Oleh kerana itu Perkhidmatan Penerbangan Doktor Udara adalah penting untuk menentukan penduduk-penduduk di luar bandar dapat menikmati rawatan secara langsung dan secara personal dari doktor-doktor tersebut.

Walau bagaimanapun kita terdapat bahawa Perkhidmatan Penerbangan Doktor Udara ini tidak memuaskan dari segi perlaksanaan dasarnya. Ini timbul, Tuan Pengerusi, oleh kerana kadangkala setiap penerbangan

tersebut melibatkan beberapa tempat yang harus dilawati dalam setiap hari. Ini menyebabkan Doktor Udara tersebut hanya dapat melayani pesakit di satu tempat dalam masa yang singkat seperti satu ataupun dua jam sahaja dan selepas itu akan berangkat ke lain tempat. Apakah perkhidmatannya yang memakan masa yang agak pendek ini dapat memberi kesan yang ternyata dalam memberi rawatan yang tinggi kepada pesakit-pesakit di luar bandar yang seringkali dapat rawatan dari doktor-doktor.

Memandangkan Perkhidmatan Penerbangan Doktor Udara memakan perbelanjaan yang tinggi oleh kerana mereka menggunakan helikopter dari pihak swasta di mana mereka harus membuat 'charter', saya berharap supaya Kerajaan dapat menyusun semula rancangan-rancangan Perkhidmatan Penerbangan Doktor Udara supaya dapat mendatangkan kesan yang maksima.

Saya berharap supaya Kerajaan dapat mengurangkan tempat-tempat yang hendak dilawati dalam sesuatu penerbangan bagi menentukan ramai lagi pesakit-pesakit yang di luar bandar yang tinggal di kawasan pedalaman dapat menikmati perkhidmatan ataupun rawatan dari Doktor Udara itu dalam sesuatu masa. Memandangkan banyak kampung-kampung ataupun tempat-tempat di luar bandar yang tidak mempunyai klinik desa saya mengesyorkan supaya Perkhidmatan Penerbangan Doktor Udara ini dapat diperluaskan lagi demi menentukan tiap-tiap kampung yang jauh di luar bandar yang tidak mempunyai pusat-pusat perubatan desa dapat menikmati faedah dari lawatan Doktor Udara tiap-tiap bulan yang sedang dijalankan di Sarawak dan Sabah. Dan adalah satu pengharapan besar saya supaya Perkhidmatan Penerbangan Doktor Udara ini dapat diperkembangkan lagi

supaya satu perkhidmatan yang baik yang bermutu tinggi dapat diwujudkan dalam masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Sungai Petani.

6.15 ptg.

Wan Zainab binti M.A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 372, Maksud B. 35 Kementerian Kesihatan, Butiran 3300 tajuk—Perabut dan Alat Kelengkapan dan Ternakan, Program (1)—Pentadbiran.

Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian Kementerian yang berkenaan mengenai bangunan empat tingkat di Hospital Sungai Petani, Kedah yang telah siap dan hanya menunggu perasmianya. Tetapi yang akan menyedihkan adalah alat-alat seperti katil, kerusi meja dan perkakas-perkakas perubatan belum tiba. Saya berharap pihak Kementerian tidak terlupa tentang peruntukkan bagi alat-alat yang saya maksudkan di atas tadi, dan juga lain-lain alat yang berkaitan dan saya berharap masalah ini diselesaikan dengan secepat mungkin.

Tuan Pengerusi, saya sekarang akan merujuk pula kepada muka surat 355, Maksud B. 35, Butiran 1100 Gaji dan Upahan, Program (1) (a) Pentadbiran Ibu Pejabat Kementerian. Saya ingin menarik perhatian sekali lagi kepada pihak Kementerian berkenaan bahawa secara am ruang di wad Kelas Tiga di Hospital Daerah Sungai Petani telah sempit dan katil pun tidak mencukupi. Saya berharap pegawai-pegawai Kementerian akan melawat hospital tersebut dan melihat dengan sendiri keadaan yang saya maksudkan dan mengambil langkah-langkah yang dirasakan perlu untuk memperbaiki keadaan yang saya telah sebutkan.

Tuan Pengerusi, mengenai hospital yang sama saya merujuk pula muka surat 356, Program (5) Perancangan

Tenaga Manusia dan Latihan. Tambahan kepada masalah tidak mencukupi alat-alat kelengkapan di Hospital Daerah Sungai Petani, Bidan dan Atendan Perempuan pun tidak mencukupi. Jadi saya berharap di bawah Program (5) ini lebih ramai Bidan dan Atendan Perempuan dilatih dan dihantar ke Hospital Daerah Sungai Petani dan juga kepada hospital-hospital yang lain.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 357 di bawah Butiran 1100 Gaji dan Upahan, Program 8 (b) Perancangan Jagatkecil. Tuan Pengerusi, sekali lagi saya menarik perhatian Kementerian Kesihatan supaya membuat satu kajian dan kemudian mendirikan sebuah poliklinik di Tikam Batu Sungai Petani. Pada hemat saya masanya sudah sampai bagi mendirikan sebuah poliklinik di Tikam Batu.

Untuk menyokong kenyataan di atas saya senaraikan beberapa fakta iaitu:

- (1) penduduk-penduduk di kawasan Tikam Batu sudah bertambah;
- (2) kawasan-kawasan perumahan pun makin meningkat;
- (3) kawasan Tikam Batu telah dicadangkan sebagai satu kawasan perindustrian; banyak lagi kilang akan dibina dan adalah dijangka kemalangan pekerja juga akan meningkat. Jadi apabila kemalangan berlaku rawatan secepat mungkin amat perlu; dan
- (4) ramai penduduk-penduduk di kawasan Tikam Batu terdiri dari kaum petani, jadi sekiranya ada sebuah poliklinik di kawasan mereka ini, mengurangkan lagi perbelanjaan dan pendapatan mereka yang agak terhad.

Kesimpulannya saya berharap sangat agar sebuah Poliklinik didirikan di kawasan Tikam Batu.

Saya menyokong peruntukan Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Bukit Mertajam.

6.20 ptg.

Tuan Seow Hun Khim (Bukit Mertajam): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian dalam perbincangan tentang peruntukan 1983 bagi Kementerian Kesihatan. Perbincangan saya berkaitan dengan muka surat 355, Maksud Bekalan 35, Butiran 1100, Program (1). Kekurangan doktor atau pakar-pakar perubatan di hospital Kerajaan memang pasti adalah satu kenyataan yang benar. Tidak dinafikan Kerajaan kian berusaha ke arah membaiki keadaan ini.

Tuan Pengerusi, kita harus sedar salah satu sebab utama yang mengakibatkan kekurangan pakar-pakar perubatan di hospital Kerajaan ialah pusat perubatan swasta menawarkan tanggagaji dan syarat-syarat kerja yang lebih tinggi dan baik. Daripada apa yang boleh diperolehi di hospital Kerajaan, mereka dengan tidak teragak-agak akan meninggalkan perkhidmatan Kerajaan. Dengan tertubuhnya pusat-pusat perubatan swasta, sekiranya tawaran memerlukan pakar-pakar perubatan digalakkan, memang benar pakar-pakar dari hospital Kerajaan akan terus diserap kepada pusat-pusat swasta itu yang menawarkan tanggagaji yang lebih lumayan. Bagi mengelakkan penyerapan pakar-pakar dari hospital Kerajaan ke bidang swasta, saya ingin menggesa Kerajaan memudahkan dan meluluskan permohonan jika ada dari pihak swasta untuk mengubah dari seberang laut, pakar-pakar perubatan yang

tarafnya adalah diiktiraf oleh Kerajaan.

Tuan Pengerusi, di kawasan saya pada awal bulan April tahun ini, seorang Pakar Perbidanan dan Sakitpuan dari Hospital Bukit Mertajam telah ditukarkan ke tempat lain. Pada masa itu sungguhpun saya telah cuba dengan sedaya-upaya untuk menghalang pertukaran ini tetapi usaha saya tidak berhasil. Akhirnya, Kementerian Kesihatan bersetuju menghantar seorang pengganti ke hospital kawasan saya dengan secepat mungkin. Sebagaimana yang saya mengetahui seorang Pakar Perbidanan dan Sakitpuan, Dr Tan, yang sedang berkhidmat di Hospital Besar Kuala Lumpur telah memohon ditukarkan ke Hospital Daerah Bukit Mertajam. Di sini adalah diharapkan Yang Berhormat Menteri Kesihatan atau Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan akan dapat meluluskan permohonan beliau agar beliau akan dapat memberi perkhidmatan khasnya yang sangat-sangat diperlukan oleh rakyat di kawasan saya.

Tuan Pengerusi, baharu-baharu ini sebuah Pusat Perubatan swasta telah ditubuhkan di bandar Bukit Mertajam. Pusat Perubatan ini akan merancang memberi rawatan perubatan, khasnya kepada rakyat di kawasan itu. Nampaknya Pusat Perubatan ini akan menampung kelambatan kemudahan perkhidmatan dan rawatan di Hospital Daerah Bukit Mertajam. Tuan Pengerusi, pihak Pusat Perubatan ini telah memohon kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk mengupah pakar-pakar perubatan dari seberang laut berkhidmat di situ. Kelayakan akademik mereka adalah diiktiraf oleh Kerajaan kita. Jika diluluskan perkhidmatan mereka di negeri kita akan terikat dengan syarat kontrak. Terhadap permohonan ini saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan memberi

pertimbangan dan kelulusan yang sewajarnya atas alasan-alasan seperti berikut:

- (1) Dengan meluluskan permohonan Pusat Perubatan swasta ini untuk mengupah pakar-pakar dari seberang laut berkhidmat di pusat ini, ia akan dapat mengelakkan pakar-pakar hospital Kerajaan daripada diserap ke institusi perubatan swasta.
- (2) Ia akan dapat menampung kekurangan kemudahan rawatan di Hospital-hospital Daerah.

Tuan Pengerusi, saya anggap perkara ini amat penting dan perlu dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini. Saya harap pihak yang berkenaan akan mengambil berat tentang perkara ini dan mengambil tindakan untuk membetulkannya.

Tuan Pengerusi, saya adalah menerima aduan dari rakyat tentang sikap kasar jururawat-jururawat di Hospital Daerah Bukit Mertajam terhadap pesakit-pesakit yang tidak fasih bertutur dalam Bahasa Malaysia. Gejala seperti ini tidak boleh dibenarkan berterusan. Bagi pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan jururawat atau kakitangan hospital harus memahami saikologi mereka. Jururawat tidak patut memarahi pesakit kerana mereka tidak mampu bercakap dalam Bahasa Malaysia. Saya menggesa Kementerian Kesihatan menyiasat kes aduan ini, dan pada bila-bila masa jika dikehendaki saya akan membawa saksi-saksi yang berkenaan untuk memberi bukti yang lanjut.

Tuan Pengerusi, dengan ini saya menyokong peruntukan 1983 bagi Kementerian Kesihatan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Sungai Besi.

6.29 ptg.

Tuan Chan Kok Kit (Sungai Besi):

Tuan Pengerusi, saya hendak sentuh dua tiga perkara sahaja. Saya ingin sentuh B. 35, muka 355, Butiran 1100, Tajuk, Gaji dan Upahan, Program (2) Perkhidmatan Kesihatan Awam (e) Pelajaran Kesihatan.

Tuan Pengerusi, cara perubatan acupuncture adalah satu jenis perubatan yang kian popular dan juga didapati berkesan dalam merawat beberapa jenis penyakit. Perubatan acupuncture juga mengkagumkan para ahli perubatan di negara-negara barat seperti United Kingdom dan Amerika Syarikat.

Dalam pada ini saya ingin mengesyorkan supaya Kerajaan menghantar sebilangan besar doktor-doktor ke negeri China untuk mempelajari cara rawatan acupuncture. Cara rawatan acupuncture akan membantu pesakit-pesakit luar bandar dalam merawat penyakit-penyakit dan rawatan ini adalah agak murah sedikit, yang membolehkan penduduk-penduduk kita menikmati bukan sahaja perubatan yang diperlukan tetapi juga dengan murah.

Maksud B. 35, muka surat 355, Butiran (Kod) 1100, tajuk Gaji dan Upahan, Program (2) Perkhidmatan Kesihatan Awam dan Pentadbiran Kesihatan.

Tuan Pengerusi, kita masih menerima aduan-aduan tentang layanan buruk yang diberi di hospital-hospital kita dan sebagai mengatasi masalah, saya syorkan supaya Yang Berhormat Menteri dan Timbalannya membuat lawatan meninjau keadaan sebenarnya. Saya juga syorkan supaya peti cadangan diletakkan di semua hospital supaya orang ramai dapat mengemukakan

segala pendapat, cadangan dan rungutan kepada pihak yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini Kerajaan telah menghentikan bekalan beberapa jenis ubat kepada pesakit-pesakit atas alasan hendak mengurangkan kos. Langkah seumpama ini hanya akan merugikan pesakit-pesakit miskin terutama sekali kerana mereka tidak mampu membeli ubat-ubat berkenaan. Saya minta Kementerian Kesihatan mengkaji semula keputusannya itu dan meneruskan dengan membekalkan segala ubat kepada pesakit-pesakit. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Padang Rengas.

6.33 ptg.

Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Padang Rengas): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian membahas berkenaan dengan Kementerian Kesihatan.

Tuan Pengerusi, pada umumnya saya ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Kesihatan di atas perhidmatannya yang telah diberikan kepada rakyat khususnya di kawasan saya Padang Rengas, umumnya di negeri Perak.

Saya rasa layanan-layanan yang telah diberi oleh pihak Pegawai-pegawai Perubatan dari semasa ke semasa telah bertambah baik dan mendapat pujian daripada orang ramai. Tetapi saya hairan, Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi menyatakan bahawa layanan semakin buruk.

Saya suka menarik perhatian Dewan ini khususnya kepada Ahli dari Sungai Besi, Pihak Kerajaan telah pun menubuhkan sebuah Lembaga yang

dinamakan Ahli Lembaga Pelawat Hospital di mana orang ramai dapat menggunakan Lembaga ini bagi menyampaikan maklumat-maklumat supaya dapat disampaikan kepada Kerajaan bagi mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat. Tentulah mustahil sekali Pegawai-pegawai Perubatan kita terutama di Kementerian ini, dapat melawat ke tiap-tiap hospital memandangkan keadaan sekarang ini iaitu zaman kemelesetan di mana peruntukan-peruntukan telah dipotong.

Tuan Pengerusi, sebagaimana yang sama-sama kita maklum bahawa kekurangan doktor ini tidaklah menjadi suatu rahsia umum dan diperkatakan di mana-mana, hatta di dalam Dewan ini sendiri. Walau bagaimanapun, pihak Menteri Kesihatan telah menerangkan usaha-usaha sedang dibuat untuk mengatasi kekurangan ini menerusi latihan-latihan perubatan di tiga buah universiti di negara kita ini, umpamanya di Universiti Sains, Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan. Akan tetapi suatu faktor mengapa dan kenapa setengah-setengah Pegawai-pegawai Perubatan terutama doktor-doktor ini keluar meninggalkan perkhidmatannya dan setengah-setengahnya menubuhkan pula klinik ataupun syarikatnya sendiri. Jadi, saya sungguh-sungguh simpati apa yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Arau tadi supaya pihak Kerajaan akan dapat meneliti di atas rayuan-rayuan dan pandangan-pandangan Pegawai-pegawai Perubatan kita supaya mereka terasa bahawa mereka juga satu masyarakat yang mendapat layanan yang adil jika dibandingkan dengan semua Jabatan-jabatan Kerajaan di dalam negara kita ini. Dengan adanya layanan yang adil ini, saya yakin dan percaya bahawa akan dapat terus mempertingkatkan lagi semangat kesedaran dan semangat dedikasi yang sedia ada di hati

ataupun di sanubari Pegawai-pegawai Perubatan itu.

Tuan Pengerusi, satu perkara yang saya suka sentuh di sini berkenaan dengan muka surat 355, Butiran 1100, Program 2 (c) Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit.

Walaupun Unit Pencegahan ini memang telah lama wujud dalam Kementerian Kesihatan, akan tetapi kegiatan-kegiatannya tidaklah begitu aktif pada pandangan saya kecuali apabila negara dilanda oleh wabak penyakit seperti denggi pada masa ini. Walaupun barangkali pihak Kementerian akan dapat mempertahankan konsep kegiatan yang ada hari ini memuaskan kerana walaupun negara kita dilanda oleh denggi tetapi kita dapat membendung daripada berlaku kemalangan jiwa yang banyak, sehingga setakat ini kurang daripada 40 orang yang telah kemalangan jiwa walaupun lebih daripada 3,000 orang yang terlibat dengan wabak denggi ini.

Akan tetapi patut juga diambil kira selain daripada mereka yang telah kehilangan jiwa dan juga mereka yang menderita dengan penyakit wabak denggi ini iaitu keadaan dan perasaan beribu-ribu, mungkin berpuluh-puluh ribu dan berjuta-juta orang dalam negara kita ini merasa bimbang dan takut diri mereka diserang oleh wabak ini. Oleh sebab itu, saya rasa perlulah pihak Kementerian mengubah sikap daripada, sepertimana kata pepatah Melayu: Jangan sudah terantuk, baru menengadah. Sediakan payung sebelum hujan. Saya berharap unit ini akan dapat dikaji semula dari segi kegiatannya supaya ianya benar-benar wujud sebagai pembimbing masyarakat ke arah mencegah penyakit-penyakit yang mungkin tiba pada bila-bila masa yang tidak dapat diketahui oleh sesiapa. Jadi, dengan adanya susunan bagi mencegah penyakit-penyakit, lebih-lebih lagi wabak-wabak penyakit yang mungkin

tiba di negara ini, saya rasa sedikit sebanyak dari segi jangka panjangnya akan memberi keuntungan dan manfaat kepada negara dan juga rakyat.

Tuan Pengerusi, kita tidaklah berkehendak apabila sahaja berlaku wabak penyakit dalam negara kita maka tampillah Pegawai-pegawai Perubatan kita selaku pahlawan bagi menentang penyakit-penyakit di samping menyeru rakyat semua turut sama dalam barisan perjuangan menentang wabak-wabak penyakit ini. Apa yang kita perlu ialah bersedia dari awal-awal lagi, kalau boleh jadikanlah usaha mencegah penyakit ini merupakan suatu tabiat kepada semua rakyat di dalam negara kita ini supaya sentiasa berwaspada bagi mengelakkan diri atau menjauhi daripada dilanda oleh wabak penyakit yang mungkin tiba di negara kita.

Saya sungguh berbangga melihatkan keadaan masyarakat awam di negara kita ini apabila sahaja berlaku sesuatu wabak penyakit, kita nampak seluruh peringkat masyarakat telah turut sama memainkan peranan bagi mencegah penyakit ini. Umpamanya bagi pihak akhbar-akhbar telah membuat liputan-liputan Berita di sana sini mengenai usaha-usaha mencegah penyakit ini. Begitu juga televisyen dan radio dan juga pegawai-pegawai Kerajaan dari bahagian awam dan juga tokoh-tokoh politik, pegawai-pegawai Majlis Tempatan turut sama mengambil bahagian. Saya rasa minat yang ada di kalangan masyarakat ini kalau dapat dibimbing betul-betul oleh pegawai-pegawai pencegah penyakit daripada Kementerian Kesihatan yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang cukup, saya rasa akan memberi manfaat yang lebih kepada negara dan bangsa di masa hadapan.

Sebagaimana yang saya ketahui pada masa saya kecil dahulu sebelum perang, pada masa itu negara kita

dilanda oleh penyakit Puru, penyakit Malaria dan berbagai-bagai lagi tetapi dengan sebab giatnya Unit Pencegahan itu sehingga hari ini ada di antara kanak-kanak yang tidak kenal apa dia yang dikatakan penyakit Puru itu. Jadi penyakit Puru itu benar-benar dapat dibasmikan di dalam negara kita. Begitu juga penyakit Untut, penyakit besar kaki, jadi jikalau Unit Pencegahan ini dapat diwujudkan sekurang-kurangnya di tiap-tiap hospital daerah diadakan seorang pegawai dan di tiap-tiap daerah itu bolehlah ditubuhkan sebuah Jawatankuasa Pencegah Penyakit yang dianggotai oleh semua lapisan masyarakat, dengan tidak payah dibiayai perbelanjaan iaitu sebagai sukarela sebagaimana yang mereka tunjukkan apabila negara dilanda oleh wabak sepertimana yang ada pada hari ini.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh Maksud Bekalan 35, muka surat 359, Butiran 130, Program (2) Perkhidmatan Kesihatan Awam.

Sistem mengadakan hospital-hospital daerah ini adalah satu langkah yang praktikal di mana dapat pihak Kerajaan memberikan perkhidmatan kesihatan secara menyeluruh kepada rakyat yang tinggal bertaburan di ceruk rantau di dalam negara kita ini akan tetapi sehingga setakat ini kita kadang-kadang merasa sedih di mana-mana tempat-tempat yang difikirkan sangat mustahak dan patut dibekalkan dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang dikehendaki oleh rakyat tidak dapat diadakan.

Sebagai satu contoh umpamanya di Hospital Daerah Grik-Grik ini adalah satu kawasan terletak di Ulu Perak, berhampiran dengan sempadan Thailand, Jajahan Ulu Perak ini bersempadan dengan Thailand. Tempat ini kira-kira hampir lebih kurang 100 batu daripada pekan Ipoh. Di hospital ini tidak ada pun pakar

perbidanan dan pakar pembedahan. Jika berlaku sesuatu keperluan, rakyat berkehendakkan perkhidmatan kepakaran perbidanan umpamanya, mereka terpaksa dibawa, sepaling-paling dekat ialah ke Taiping sejauh hampir 90 batu, kalau tidak ke Ipoh kerana di Kuala Kangsar sendiri pun tidak ada pakar perbidanan.

Perkara yang seperti ini patutlah diberi perhatian yang serius oleh pihak Kementerian Kesihatan. Jadi saya berharap kepada pihak berkenaan, kalau pun tidak dapat hendak diadakan di semua hospital daerah, ini tentulah mustahil seperti yang dijawab oleh Timbalan Menteri Kesihatan dalam soalan saya tempoh hari, saya bertanya, bilakah pihak Kementerian dapat mengadakan pegawai-pegawai perkhidmatan pakar di semua hospital daerah di dalam negara kita, beliau mengatakan amat sukar untuk diramalkan. Jadi saya merayu dengan segala rendah diri, saya merayu kepada Kementerian Kesihatan supaya dapat memberi keistimewaan ke Hospital Daerah Grik Ulu Perak yang tinggal terpencil jauh di pedalaman supaya dapat mengadakan perkhidmatan pakar perbidanan dan pembedahan itu. Sekiranya tak boleh dapat pakar pembedahan ini Kelas Satu, yang boleh membedah penyakit-penyakit besar, yang kecil-kecil pun cukuplah, kalau kena penyakit appendix sekurang-kurangnya itupun cukuplah. Sekarang ini, penyakit appendix pun kena dibawa ke Ipoh, barangkali sampai di tengah jalan, minta jauhkan Allah, boleh jadi pesakit itu akan meninggal dalam perjalanan. Jadi inilah saya berharap supaya tolonglah kepada orang-orang yang berada di Ulu Perak ini kawasan Parlimen Grik dan Padang Rengas-yakni dua kawasan Parlimen.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, di muka surat 360, Bekalan 35, Butiran 2100, Program (2) Perjalanan dan Pengangkutan.

Saya suka menarik perhatian kepada Kementerian ini berkenaan dengan pusat Kesihatan Besar di Lenggong iaitu di kawasan saya. Pusat Kesihatan ini pada tiap-tiap hari memberi rawatan kepada antara 80-90 orang. Tadi saya hubungi Klinik Lenggong dengan telefon, dikatakan 120 orang pesakit sehari dan ada 8-9 kes kecemasan, sedangkan ambulannya sebuah sahaja. Cubalah Yang Berhormat Menteri gambarkan di dalam kepala bagaimana sebuah ambulan dapat memberi perkhidmatan bagi pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan segera untuk 8-9 kes, dan doktor di situ perlu pula berjalan ke kawasan-kawasan yang sejauh hampir lebih kurang 30 batu untuk memberi rawatan kepada penduduk-penduduk yang ada di kawasan luar bandar. Kalau doktor ini keluar, tidak ada lagi ambulan. Barangkali Kementerian mungkin mengatakan ada dua buah ambulan, tetapi yang sebuah itu sudah rosak tak boleh dipakai, sekarang berada di workshop. Jadi saya haraplah diberikan satu ambulan baru kepada Pusat Kesihatan Besar Lenggong walaupun di zaman Tun Saadon menjadi Menteri Kesihatan dahulu penduduk-penduduk di sana merayu supaya dinaikkan taraf menjadi hospital desa, hingga hari ini tidak berjaya, tetapi kalau itu pun tidak mahu dinaikkan, saya minta sebuah ambulan baru hendaklah dihantar dengan segera ke Pusat Kesihatan Besar Lenggong supaya dapat memberi perkhidmatan kepada penduduk-penduduk luar bandar sesuai dengan seruan yang selalu dibuat oleh para Menteri kita.

Tuan Pengerusi, yang akhirnya saya suka bercakap berkenaan dengan Maksud P. 35, muka surat 374, Butiran 121—Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar.

Tuan Pengerusi, saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bahawa di antara

Lenggong dengan Kuala Kangsar ini ada sebuah pekan kecil namanya Sauk. Pihak Pejabat atau Pengarah Perubatan Negeri Perak telah bersetuju memandangkan kesukaran penduduk-penduduk di situ maka sebuah kawasan telah dipilih untuk mendirikan satu pusat kesihatan kecil. Jadi tapak sudah dibeli oleh Kementerian, saya harap dalam tahun hadapan ataupun seberapa segera yang boleh dapat didirikan segera Pusat Kesihatan Kecil di Sauk itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Menglembu.

6.48 ptg.

Tuan Yew Foo Weng (Menglembu): Tuan Pengerusi, saya ingin membuat rujukan kepada Butiran 1100, muka surat 357, Program (7) di bawah tajuk Penyelidikan.

Saya berasa bangga kerana Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah \$4,866,700 untuk tahun 1983 bagi maksud penyelidikan di mana sejumlah \$4,126,700 telah diperuntukkan untuk penyelidikan bio-medical. Adalah jelas bahawa perkara yang disoalkan sama ada jumlah ini mencukupi untuk menjalankan program-program penyelidikan dengan berkesan dan berbagai penyakit yang sentiasa merebak dan mengancam kesihatan negara.

Sebagaimana kita sedia maklum pengalaman-pengalaman pada masa-masa yang lampau telah menunjukkan bahawa Kerajaan perlu meletakkan tekanan yang lebih kuat lagi terhadap penyelidikan-penyelidikan biomedical dengan memberi lebih bantuan kewangan dan moral kepada individu-individu serta institusi-institusi yang terlibat secara langsung atau tidak dalam segala usaha dalam menjalankan penyelidikan terhadap penyakit-penyakit tempatan.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentu sedia maklum bahawa kita tidak boleh menggunakan hasil-hasil penyelidikan dari negara-negara luar dengan seratus peratus untuk menyelesaikan masalah-masalah penyakit tempatan, hasil-hasil penyelidikan negara-negara luar ini haruslah dijadikan sebagai satu garis panduan sahaja memandangkan bahawa keadaan iklim dan pekelilingan adalah berlainan. Dengan ini adalah jelas ternyata bahawa perubatan yang berkesan untuk menyelesaikan penyakit-penyakit tempatan perlu wujud daripada penyelidikan-penyelidikan yang dijalankan oleh institusi-institusi dan individu-individu tempatan. Dengan berbuat demikian kita dapat menentukan bahawa hasil-hasil kajian ini akan dapat menunaikan keperluan-keperluan dan masalah-masalah kesihatan tempatan.

Selama ini saya berasa kesal bahawa Kerajaan hanya mengambil tindakan untuk mengawal sesuatu penyakit apabila penyakit itu mencapai keadaan merebak atau merbahaya. Dalam keadaan yang seumpamanya ini segala tindakan-tindakan dan langkah-langkah yang diambil merupakan langkah-langkah yang tergopoh-gopoh dan tidak akan menjadi berkesan untuk membasmi dan menghapuskan penyakit-penyakit secara berkesan. Tambahan pula langkah-langkah yang tergopoh-gopoh ini sentiasa bergantung berat kepada maklumat-maklumat dan perubatan-perubatan yang tidak terbaru dan tidak baik sekali bagi masalah semasa.

Sebagai satu contoh, saya ingin mengingatkan bahawa pihak Kerajaan telah menghadapi berbagai-bagai masalah dengan tertimbulnya penyakit denggi yang merebak di negara kita baru-baru ini.

Saya berasa keciwa bahawa sungguhpun tanda-tanda dan amaran penyakit-penyakit ini berada di dalam

masyarakat ini telah timbul beberapa tahun dahulu, tiada langkah-langkah yang positif telah diambil oleh Kementerian Kesihatan pada peringkat permulaan untuk merancang langkah-langkah yang berkesan untuk menghapuskan penyakit ini dari merebak. Yang ada hanya pengumuman melalui siaran televisyen dan radio dan juga beberapa poster yang dipamerkan di merata-rata tempat, langkah-langkah yang dianggap sebagai langkah-langkah yang tidak memberi gambaran kecemasan kepada rakyat jelata. Pengalaman penyakit denggi ini sudah tentu menjejaskan Kementerian Kesihatan bahawa kepercayaan mereka terhadap ubat-ubat dan kaedah-kaedah 'fogging' yang sedia ada yang telah dipercayai sebagai langkah-langkah berkesan untuk mengawal penyakit denggi dan menunjukkan bahawa segala perubatan dan langkah-langkah yang sedia ada tidak mencukupi bagi mengawal penyakit denggi daripada merebak. Sungguhpun reaksi-reaksi Kementerian Kesihatan dan langkah-langkah yang diambil oleh mereka untuk menyelesaikan masalah penyakit denggi seluruh negara telah membawa kesan pada akhir-akhirnya, akan tetapi saya berpendapat bahawa ini tidak mencukupi kerana memandangkan bahawa banyak jiwa yang telah terkorban.

Saya ingin membangkitkan hakikat bahawa segala kemudahan-kemudahan yang sedia ada di peringkat negeri dan daerah adalah tidak mencukupi untuk menghadapi masalah penyakit denggi semasa ianya merebak. Masalah ini telah bertambah rumit dengan procedure yang perlu diikuti oleh orang ramai dan saya pernah menerima aduan daripada mereka segala permintaan kepada Kementerian Kesihatan untuk menjalankan kegiatan 'fogging' di halaman rumah mereka telah tidak ditunaikan langsung.

Saya sedar bahawa buat masa ini tidak terdapat ubat yang boleh mengubati penyakit denggi dengan berkesan, dan ini telah menyebabkan perasaan keciwa di antara pakar-pakar perubatan dan juga orang ramai pada keseluruhannya. Dalam keadaan yang seumpamanya ini saya ingin menyeru kepada pihak Kerajaan supaya meningkatkan lagi usaha-usaha penyelidikan supaya kita dapat mengatasi masalah-masalah seperti penyakit denggi dengan lebih yakin dan lebih berkesan lagi pada masa-masa yang akan datang. Pihak Kerajaan perlu mengingatkan usaha-usaha secara memberi bantuan kepada orang ramai dan juga institusi-institusi untuk menjalankan penyelidikan supaya dapat mencapai langkah-langkah pencegahan dan mengubati penyakit-penyakit tempatan seperti penyakit denggi dan bukan sahaja menunggu masalah-masalah timbul sebelum sebarang langkah diatur.

Tuan Pengerusi, sebagai satu cadangan saya ingin mengesyorkan supaya Kerajaan menubuhkan satu yayasan untuk menjalankan penyelidikan-penyelidikan terhadap penyakit-penyakit tempatan dan juga penyakit 'tropical' dengan izin, dan memberi galakan-galakan kepakaran perubatan dan pakar-pakar sains tempatan untuk menambahkan kerja-kerja mereka dalam bidang sains dan perubatan.

Saya sedar bahawa penyelidikan-penyelidikan yang seumpama ini tentu akan menerima peruntukan yang besar, akan tetapi kita perlu mengatur langkah yang seumpama ini untuk menjamin satu masyarakat Malaysia yang lebih sihat. Kempen jimat-cermat yang telah dijalankan oleh pihak Kerajaan adalah perlu memandangkan kepada keadaan resesi, akan tetapi hal kesihatan adalah juga satu perkara yang perlu mendapat perhatian Kerajaan pada setiap masa. Walau apapun, di sini

saya ingin menyeru kepada pihak Kerajaan untuk memberi perhatian yang berat kepada peruntukan bagi maksud penyelidikan bio-medical.

Tuan Pengerusi, satu bidang lagi yang perlu diberi tekanan oleh Kerajaan adalah program-program kesihatan untuk sekolah-sekolah. Saya sedar bahawa pejabat-pejabat kesihatan tempatan ada juga menjalankan lawatan ke sekolah-sekolah untuk galakan suntikan dan sebagainya. Akan tetapi saya berpendapat bahawa ini tidak mencukupi, kita perlu mengadakan lawatan-lawatan kesihatan yang regular untuk menentukan bahawa anak-anak murid kita diberi nasihat dan perhatian pemakanan, pergigian dan sebagainya dengan mencukupi.

Saya pernah diberi maklumat-maklumat bahawa kanak-kanak sekolah kita terutama sekali mereka yang berasal daripada keluarga-keluarga yang miskin tidak mendapati makanan yang seimbang dan ini telah menyebabkan kelemahan dalam pelajaran mereka, terdapat juga satu golongan yang besar di antara kanak-kanak sekolah kita yang memerlukan rawatan mata dan diberi bantuan optical secara kacamata dan sebagainya. Ini mungkin mengakibatkan oleh makanan yang tidak mencukupi zat-zat atau yang tidak seimbang, mungkin juga diakibatkan oleh tabiat-tabiat membaca yang tidak sihat dan lampu-lampu yang tidak mencukupi di dalam sekolah akibat di rumah, perkara ini juga perlukan perhatian Kementerian Kesihatan. Sekian sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Ulu Muda.

6.58 ptg.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut (Ulu Muda): Tuan Pengerusi, saya bangun ingin merakamkan

penghargaan yang tinggi dan mengucapkan syabas kepada Kementerian Kesihatan kerana peranan yang mereka mainkan semenjak negara kita merdeka.

Saya ingin merujuk kepada Maksud B. 35, Kementerian Kesihatan yang jumlahnya \$1,034,47 juta, pada anggapan saya peruntukan itu sedikit, tidak memadai dan peranan yang dimainkan oleh Kementerian Kesihatan selama ini untuk memajukan rakyat dan memberi kesihatan yang cukup kepada rakyat.

Saya ingin mengucapkan syabas dan terima kasih kepada Kementerian Kesihatan kerana rancangan-rancangan yang dijalankan oleh mereka di seluruh negara terutama sekali di kawasan saya tempat yang terkenal dengan penyakit cirit-birit di Sik, kawasan Ulu Muda. Alhamdulillah Kementerian telah mewujudkan satu skim iaitu membekalkan air ke rumah di kampung-kampung dengan mengadakan, dengan izin hydro water supply di tiap-tiap buah rumah di kawasan pendalaman.

Saya ucapkan syabas kerana kalau hendak tunggu JKR memberi air kepada mereka ini sudah tentu tidak akan mimpi, tetapi dengan jasa yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan, banyak orang di kampung-kampung berasa berhutang budi dan mengucapkan terima kasih. Selain daripada itu ingin saya merakamkan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh sambung pada hari esok.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan akan menjawab pada jam 4.15 petang esok.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua: Majlis ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari rabu, 24hb November, 1982.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.